

"ADALAH mustahak bagi agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan memainkan peranan pada mengenal pasti industri yang dapat meningkatkan pendapatan negara, serta dapat pula memberikan pekerjaan kepada anak-anak tempatan." - Titah sempena Sambutan Perayaan Hari Kebangsaan Ke-16 pada 23 Februari, 2000.



"BARANG siapa melaksanakan haji di rumah ini (Baitulharam) dan dia tidak berkata perkataan yang tidak baik dan dia tidak berbuat fasiq, maka dia akan kembali seperti pada hari dia dilahirkan oleh ibunya." - (Al-Bukhari).

PetroleumBRUNEI didaftar secara rasmi : \$1 bilion diperuntukkan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Sebagai susulan kepada siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri rujukan JPM/S/A/Press pada 20 Syaaban, 1422 Hijrah bersamaan 5 November, 2001 mengenai titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke atas penubuhan syarikat minyak kebangsaan yang dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Perdana Menteri dan lantikan Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei Sendirian Berhad (PetroleumBRUNEI) sukacita memaklumkan bahawa syarikat minyak kebangsaan tersebut telah pun didaftarkan dengan nama 'Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei Sendirian Berhad' atau dalam panggilan Inggerisnya 'Brunei National Petroleum Company Sendirian Berhad' dan dengan panggilan pendek 'PetroleumBRUNEI'.

PetroleumBRUNEI juga dengan sukacitanya memaklumkan bahawa modal yang dibenarkan (authorised capital) bagi syarikat berkenaan adalah B\$1,000,000,000.00 (B\$1 bilion) dengan modal yang dibayar (paid-up capital) sebanyak B\$500,000,000.00 (B\$500 juta).

Siaran akhbar Unit Petroleum baru-baru ini menjelaskan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi lantikan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sebagai Pengerusi, Lembaga Pengarah Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei dan seterusnya ke atas lantikan ahli-ahli Lembaga Pengarah seperti mana berikut :

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam serta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah bakal-bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam yang akan menunaikan ibadat haji pada tahun ini. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.



Menerima junjung ziarah bakal-bakal jemaah haji

Oleh Sahari Akim

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima junjung ziarah bakal-bakal jemaah haji yang akan menunaikan ibadat haji ke Tanah Suci Mekah pada tahun ini.

Berangkat sama di majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Majlis Junjung Ziarah bagi bakal-bakal jemaah haji berlangsung di Istana Nurul Iman pada 26 Januari lepas.

Lihat muka 16

Perutusan tahniah kepada Australia, India

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama The Right Reverend Dr. Peter Hollingworth, Gabenor

Jeneral Australia dan Yang Berhormat Tuan John Howard, Perdana Menteri Australia bersempena Hari Australia pada 26 Januari.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di

antara Negara Brunei Darussalam dengan Australia. Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama The Right Reverend Dr. Peter Hollingworth sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Australia akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu, di dalam perutusan kepada Yang Berhormat Tuan John Howard, Perdana Menteri Australia, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan

kerajaan serta rakyat Australia sempena Hari Australia.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Australia. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga Yang Berhormat Tuan John Howard, Perdana Menteri Australia sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Australia akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Lihat muka 16

TAHUKAH AWDA

NEGARA Brunei Darussalam sudah mempunyai hubungan luas dengan jiran-jirannya di Benua Asia sekitar tahun 518 Masihi. Waktu itu Brunei lebih dikenali sebagai Puni atau Poli.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Takwa kehebatan bagi orang Islam - Muka 2

Melirik Masa Silam :

Lagi tentang hidup dan kerja - Muka 3

Bekerja lebih masa komitmen profesionalisme kepada bangsa, negara

- Muka 4

Majlis Ramah Mesra bersama penuntut, rakyat NBD di London

- Muka 9

Para jemaah haji diingatkan : Jangan lakukan perkara mungkar, bidaah

- Muka 3 ANEKA

Ekonomi :

JTB kaji semula kadar caj internet

- Muka 5 ANEKA

Alam sekitar :

Perkhidmatan Bomba catat peningkatan panggilan kecemasan - Muka 8 ANEKA

KONTAK PELITA BRUNEI

http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita_1.htm

e-mel: pelita@brunet.bn

TALIAN PENTING PELITA BRUNEI

02 383941 / 02 383804 / 02 382192

Faks : 02 381004 / 02 380507



دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمَهَا
قَمُورَهُ دَانَ مَهَا قَبَائِغَ

Dari Sidang Pengarang

30 JANUARI, 2002 BERSAMAAN 1422 16 ذوالقعدة،

PESANAN YANG AMAT BERTHARGA

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengesa penuntut-penuntut yang belajar di luar negeri supaya menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran tanpa perlu risau dengan masalah-masalah yang lain. Misi belajar perlu diutamakan dan bukannya memikirkan soal-soal yang remeh-temeh dan yang tidak mendatangkan apa-apa kebaikan malahan akan mengundang kepada kegagalan dan seterusnya merosakkan masa depan penuntut itu sendiri. Dan yang malang lagi, bangsa dan negara akan menanggung kerugian yang besar.

Sebagai aset negara dan permata yang sangat berharga dan paling mahal, para penuntut perlu berusaha dengan gigih, tekun dan menguasai semua bidang ilmu yang dipelajari. Mereka hendaklah pandai menghargai masa dan menggunakannya untuk menggali, mencari dan menimba seberapa banyak ilmu, dan bukannya untuk lain-lain perkara. Kerana dengan cara itu, mereka tidak akan mudah terjerumus kepada perkara-perkara yang tidak ingini, bahkan akan membawa mereka kepada kebaikan dan kejayaan. Dan yang penting dan utama sekali mereka tetap akan menjadi wira dan pelita yang sentiasa ditunggu-tunggu dan diharapkan untuk mengangkat martabat bangsa dan ibu pertiwi.

Pesanan yang berharga itu baginda titahkan sempena Majlis Ramah Mesra Bersama Penuntut-penuntut dan Rakyat Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Republik Ireland baru-baru ini. Menurut perangkaan terdapat lebih 760 orang penuntut biasiswa kerajaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di London. Seramai 300 orang lagi merupakan pelajar yang menuntut atas biaya persendirian.

Menurut baginda, orang-orang yang berilmu itu diharapkan untuk memimpin dan mudah pula dipimpin. Mereka dapat menilai yang mana batu dan yang mana permata. Mereka dapat membezakan mana yang betul dan yang salah.

Azimat yang paling utama, yang mesti ada di dada setiap penuntut ialah pegangan agama yang kuat yang bertunjangan dan berteraskan keimanan dan takwa yang sejati kepada Allah Subhanahu Wataala. Inilah merupakan kelainan dan kehebatan orang Islam. Dengan berpegang kuat kepada tali Allah, insya-Allah, mereka akan menjadi pemimpin terbaik dan terunggul serta digalati. Mereka yang bertakwa adalah menjadi obor kepada bangsa dan negaranya. Mereka tetap mempunyai sikap kukuh lagi teguh, sehingga tidak dapat dibeli, walau dengan setinggi mana pun harganya. Mereka tidak mudah diganggu-gugat dan terikut-ikut dengan gaya dan stail kehidupan yang tidak secocok dengan kehidupan orang-orang Brunei. Hanya yang penting bagi mereka, dan menjadi pilihan satu-satunya ialah kesetiaan dan kebenaran jua. Inilah harapan kita semua, semoga Brunei yang bertuah ini ditani oleh bangsa yang bertakwa dan beriman kepada Allah Subhanahu Wataala, lebih-lebih lagi dalam era globalisasi. Kita menyedari bahawa kejayaan akademik belum lagi cukup menjamin untuk menjadi pemimpin dan peneraju kepimpinan negara tanpa disertai dengan ketakwaan dan keimanan yang sejati.

Sesungguhnya pesanan dan amanat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bukan sahaja untuk diamati-amati dan menjadi bahan renungan, tetapi perlu diterjemahkan ke dalam bentuk realiti. Amanat bernas yang baginda lahirkan itu menuntut setiap penuntut untuk lebih tekun dan meneroka ilmu pengetahuan yang lebih luas dan mendalam bagi kesinambungan pembangunan negara di masa depan serta memajukan bumi Darussalam setanding dengan negara-negara lain.

Kita mesti ingat bahawa masa depan negara terletak di tangan penuntut-penuntut. Merekalah yang menjadi generasi penerus dan pewaris kepimpinan negara. Tanggungjawab mereka yang utama ialah mengangkat dan menjulang martabat bangsa dan negara. Kita jangan berharap dan mengharap orang lain untuk memajukan negara kitani. Penuntut harus meningkatkan semangat dan azam untuk terus maju, berkemampuan untuk bersikap proaktif dan bukannya relatif. Para penuntut juga perlu dari sekarang melihat diri mereka sebagai pemimpin masa hadapan yang akan bertanggungjawab membimbing bangsa dan negara untuk menuju ke arah kecemerlangan dalam pelbagai bidang.

HALUAN...

Takwa kehebatan bagi orang Islam

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen Sayyidina Muhammadin Wa'alaa Aalihie Wasahbihiie Ajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, mula-mula sekali beta ingin merakamkan perasaan gembira kerana dapat bersama-sama dengan para penuntut dan lain-lain di majlis yang indah ini.

Beta tergerak untuk bertitah sepatah dua, kerana dengan cara ini, dapatlah beta menyampaikan beberapa pesanan yang beta anggap perlu.

Di dalam era hari ini, para penuntut adalah merupakan aset paling mahal, kerana mereka sentiasa ditunggu dan diharapkan untuk mengangkat martabat bangsa dan ibu pertiwi.

Para penuntut tidak dapat mengelakkan diri dari anggapan serupa ini, kerana mereka memang wira dalam masyarakat serta umpama suluh dalam kegelapan malam.

Selaku penuntut, mereka hendaklah pandai menghargai masa. Jangan sia-siakan masa walaupun sedikit. Masa itu ibarat emas. Gunakan ia sepenuhnya untuk menimba ilmu, bukan untuk yang lain-lain. Sebaiknya, penuhi masa dengan nota-nota dan buku-buku pelajaran.

Inilah kawan paling akrab bagi penuntut. Berkawan jenis ini tidak akan menjerumuskan mereka kepada perkara-perkara yang tidak diingini, bahkan akan membawa mereka kepada kebaikan dan kejayaan.

Penuntut-penuntut yang ada di sini, amatlah bernasib baik. Kerana belajar di luar negeri, bukanlah semua orang dapat meraih peluang mendidiknya. Ia memerlukan syarat-syarat tertentu, di samping kelayakan dan juga kewangan.

Ini bukanlah terhad kepada mereka yang memegang biasiswa kerajaan saja, malah yang belajar sendiri juga sama-sama dalam kategori yang bernasib baik itu.

Dalam hubungan ini, kita pernah mendengar dan bahkan mengetahui, adanya orang-orang luar yang memohonkan bantuan pelajaran daripada orang-orang tertentu di Brunei. Setengah daripada mereka itu ada yang berjaya. Atau paling biasa, adanya dari kalangan mereka yang belajar sambil bekerja untuk memenuhi cita-cita mereka.

Ini semua adalah fenomena yang menyayat hati dan dalam masa yang sama ia juga turut mem-

buktikan betapa nasib dan keadaan orang Brunei adalah jauh lebih baik, jika dibandingkan dengan orang lain itu.

Apa yang patut kita buat ialah banyak-banyak bersyukur. Sekalipun dunia terus dilanda kemelut, namun Brunei masih mampu menghantar penuntut-penuntutnya keluar, sedangkan ada negara yang tidak dapat berbuat demikian, sehingga bukan saja setakat memberhentikan penghantaran, malahan juga ada yang sampai menarik balik penuntut-penuntutnya.

Inilah satu contoh kemurahan Allah Subhanahu Wataala kepada kita. Kita patut bersyukur serta



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Ramah Mesra Bersama Penuntut-penuntut dan Rakyat Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Republik Ireland pada 6 Zulkaedah, 1422/20 Januari, 2002.

menzahirkan kesyukuran itu dengan berbuat taat kepada-Nya.

Sebenarnya, dunia kita hari ini memang dalam kesusahan. Manusia, di mana-mana juga tidak lagi aman, tetapi sentiasa cemas dan dilanda ketakutan.

Khusus setelah peristiwa 11 September, dunia telah mengalami pelbagai kejutan, di antaranya ialah ekonomi semakin terganggu dan dalaman serta psikologi manusia juga tidak lagi seperti sebelumnya.

Mereka benar-benar dalam ketakutan. Tidak siapa pun dapat menyangkal perkara ini, walau dari mana pun mereka. Dan akibat dari semua ini, ke-

san buruk telah menimpa ekonomi dunia.

Salah satu ialah tragedi di bidang industri perhotelan dan pelancongan. Kedua-duanya sedang teruk terjejas.

Soalnya yang penting, kita di Brunei alhamdulillah, masih sangat beruntung, kerana ekonomi kita stabil. Masalah-masalah juga tidak banyak. Kalau pun ada masalah, kita dapat mengatasinya dengan baik.

Ini juga merupakan rahmat dari Allah. Kerana apa juga masalah, adalah ia ibarat penyakit. Penyembuhnya ialah Allah. Jadi masalah yang dapat kita selesaikan itu, sebenarnya bukanlah kerana kepandaian kita menye-

lesaikannya. Bahkan dari pertolongan Allah jua.

Kerana itu, bermula dan sekecil-kecil masalah sampailah kepada yang sebesar-besarnya, kita tetap memerlukan hidayah. Tanpa hidayah Allah, segala-galanya mungkin sukar atau bertambah kusut.

Alhamdulillah, berkat dukungan semua pihak, negara kita bebas daripada masalah. Termasuklah para penuntut tiada bermasalah, kecuali hanya masalah pelajaran saja.

Maka kedudukan penuntut-penuntut sekarang, memungkinkannya sepenuhnya untuk mereka menumpukan perhatian kepada pelajaran, tanpa perlu risau dengan masalah-masalah yang lain.

Sebagaimana telah beta tegaskan awal-awal tadi, bahawa para penuntut ialah aset negara. Maka sebagai aset mereka perlu lengkap dan menguasai semua bidang ilmu yang dipelajari.

Hanya dengan ini, kemajuan akan dicapai, serta keamanan dan ketenteraman pula dapat dikekalkan apabila dada rakyat berisi dengan ilmu. Kerana orang-orang yang berilmu itu dapat diharapkan untuk memimpin serta mudah pula dipimpin. Mereka dapat menilai atau membezakan mana yang betul dan mana yang salah. Atau mana yang baik dan mana pula yang buruk.

Ditambah lagi, sekiranya mereka itu mempunyai pegangan agama, maka sudah barang tentu merekalah yang akan menjadi pemimpin terbaik.

Inilah dia kelainan orang Islam dan kehebatan mereka kerana takwa.

Sifat takwa itu, di samping menguntungkan diri sendiri, juga orang lain. Mereka yang bertakwa adalah obor kepada bangsa dan negaranya. Mereka mempunyai sikap kukuh lagi teguh, sehingga tidak dapat dibeli, walau dengan setinggi mana pun harganya. Hanya yang penting bagi mereka dan menjadi pilihan satu-satunya ialah kesetiaan dan kebenaran jua.

Ini harapan kita, semoga Brunei ditani oleh bangsanya yang bertakwa, di mana para penuntut adalah sumber utamanya.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

HANYA dengan ini, kemajuan akan dicapai, serta keamanan dan ketenteraman pula dapat dikekalkan apabila dada rakyat berisi dengan ilmu. Kerana orang-orang yang berilmu itu dapat diharapkan untuk memimpin serta mudah pula dipimpin. Mereka dapat menilai atau membezakan mana yang betul dan mana yang salah. Atau mana yang baik dan mana pula yang buruk.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara sejurus merasmikan mesyuarat jawatankuasa tersebut pada 24 Januari lepas. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Syiar Islam terus ditingkatkan

PULAJE. - Syiar Islam di Negara Brunei Darussalam terus ditingkatkan melalui pelbagai bentuk sambutan keagamaan secara besar-besaran di seluruh negara.

Selain dari acara-acara keagamaan seperti bacaan Doa Awal dan Akhir Tahun, syarahan dan forum agama yang diadakan di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat oleh jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian, sambutan hari-hari kebesaran Islam juga disambut dan dirayakan di peringkat negara.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara mengadakan mesyuarat bagi membincangkan Kertas Kerja Majlis-majlis Keagamaan sepanjang tahun 1423 Hijrah.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr.

Oleh Samle HJ

Ustaz Haji Awang Mohd. Zain memperkerusi mesyuarat berkenaan di Pusat Da'wah Islamiah, 24 Januari lalu.

Jawatankuasa Tertinggi yang terdiri Setiausaha-setiausaha Tetap, Ketua-ketua Pengarah, Pengarah-pengarah jabatan dan pegawai-pegawai kanan dari kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan pihak swasta di negara ini hadir di mesyuarat berkenaan.

Jawatankuasa itu juga membincangkan persiapannya Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 1423 Hijrah.

Seperti lazimnya, Negara Brunei Darussalam telah membesarkan Sambutan Awal Tahun Hijrah, memeriahkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

Wasallam, memperingati peristiwa Israk dan Mikraj serta merayakan Sambutan Nuzul Al-Quran.

Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tahun ini dijangka bakal menyaksikan penganugerahan 'Anugerah Bakti Hijrah Khas Wanita'.

Sementara Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan akan diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini pada awal bulan Ogos depan.

Bagi memeriahkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam di samping memberi kesempatan kepada orang ramai menyertai beberapa kegiatan agama sempena sambutan keagamaan itu, jawatankuasa telah menandatangani beberapa acara lanjutan dan sampingan diadakan dalam sama-sama memeriahkannya.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

LAGI TENTANG HIDUP DAN KERJA

ORANG dahulu tidak ramai, tetapi peluang-peluang berusaha dan bekerja amat banyak. Alam keliling atau persekitaran negeri juga masih murni dengan pelbagai khazanah yang belum diteroka. Hutan-hutan dan belukar masing-masing menjanjikan rezeki yang banyak. Sungai dan laut hatta air di bawah rumah juga menyediakan pelbagai sumber rezeki. Tebing-tebing sungai terutama yang dipenuhi dengan pokok-pokok bakau juga tersedia untuk dimanfaatkan. Pendeknya, kalau sekadar makanan atau habuan perut sambat-malamari kehidupan orang dahulu tidak begitu payah asalkan bakarih.

Orang dahulu bekerja untuk mencari wang antara tujuan utamanya ialah untuk mendirikan rumah, membeli pakaian, membeli keserantahan hidup umpamanya perahu, belanja kahwin, membeli barang-barang yang tidak diperolehi tanpa wang. Wang memang perlu, seperti juga orang-orang sekarang ini. Akan tetapi apabila mereka memperoleh wang maka jumlah yang diperolehi itu akan dianggarkan untuk berapa lama boleh bertahan. Maka selama itulah mereka akan berehat. Sebabnya mereka itu perlu rehat kerana jenis mereka ini adalah terdiri dari pekerja-pekerja berat seperti pengangkut batu dari butir, penebang-penebang kayu seperti dari Ayam-Ayam dan sekitar Daerah Temburong dan sempadan Limbang, pekerja-pekerja kilang kayu dan papan yang bekerja secara pajak. Mereka berehat kerana tidak mahu menyeksa jasad. Cara ini seakan-akan sama dengan orang putih yang mementingkan rehat dan santai setelah penat bekerja. Agaknya orang dahulu itu sudah agak 'advanced' juga.

Namun demikian tidak semua berkeadaan begitu. Kebanyakan orang dahulu adalah rajin-rajin belaka. Mereka kuat berusaha. Ada yang sudah bekerja tetap atau ada pendapatan tetap tetapi terus juga mengambil kerja-kerja sambilan dengan mengambil upah seperti tukang-tukang kayu yang membuat kerja-kerja membina rumah secara upahan, memburis perahu, menjual pelbagai jenis kayu untuk kegunaan rumah dan lain-lain lagi seperti menuhur atap, mencari daun nipah, daun pucuk dan segala macam usaha untuk mencari lebih pendapatan (biasanya disebut sebagai 'mencari labih').

Sebenarnya, orang dahulu banyak kerja dan ramai yang benar-benar berkarih. Maka itu ramai yang menjadi pengalu, padian, pemukat, penyalambau, perigis, perambat dan lain-lain lagi. Mereka juga hebat dengan kegiatan-kegiatan bertukang seperti tukang besi, tukang tembaga, tukang emas, tukang perak. Kebanyakan kerja-kerja itu dibuat oleh laki-laki, sementara perempuannya pula akan membuat usaha seperti bertenuk, takat-menakat, sulam-menyulam, jahit-menjahit, membuat kuih-muih dan seumpamanya. Di samping itu, dalam masa menyibukkan diri dengan pelbagai kegiatan untuk mendapatkan rezeki yang halal itu, orang dahulu ramai yang dapat memperuntukkan masa untuk menuntut ilmu. Ilmu dahulu itu kebanyakannya adalah berupa pengajian-pengajian keagamaan seperti belajar membaca Al-Quran, belajar Sifat Dua Puluh, belajar hukum-hukum agama termasuklah fardu kifayah yang kebanyakannya menjurus kepada cara-cara memandikan mayat, belajar berdirik, berawi, beratib saman, berzanzi dan banyak lagi pengajian yang dipanggil sebagai 'menuntut ilmu' itu.

Walaupun orang tidak ramai pada waktu itu, sekira-kira sekitar tahun 50-an tetapi kegiatan yang mereka lakukan nampaknya telah tidak terhalang oleh suasana yang demikian. Mungkin ini disebabkan oleh semangat yang tinggi yang dijunjung oleh keadaan yang serba susah ketika itu. Ilmu yang mereka tuntut itu pula adalah ilmu-ilmu yang dapat digunakan mereka untuk kepentingan masyarakat waktu itu sama ada ianya untuk dijadikan latar belakang mengajar anak-anak atau siapa saja yang memerlukan-nya mahupun memenuhi keperluan suasana sekitar mereka. Kekuatan beragamanya memang jelas dilihat dan dirasakan di setengah-setengah tempat dan tidak pula dinafikan adanya kelalaian di setengah-setengah tempat yang lain. Hukum masyarakat memang demikian keadaannya, ada yang berilmu ada yang tidak, ada yang sungguh-sungguh ada yang tidak, ada pula yang sekadar seperti melepaskan batuk di tangga, di hadapan indung kelihatan alim, tetapi di belakang indung bermain guli, bermain tinting atau bermain kikkik.

Kalangan anak-anak atau remaja begitu diistilahkan oleh orang dahulu sebagai 'gauk'. Tetapi ada juga 'segauk-gauk sipulan itu, karang ani jadi menteri pulang'. (Ini cuma misalan, lagipun menurut pengalaman penulis di kalangan VVIP itu, sewaktu mereka remaja hingga ke tingkat belia malah sudah dalam lingkungan pergerakan belia dan bertaraf pemimpin, kegaukan mereka itu bermanfaat untuk membuka mata sendiri dan mata bangsa mereka supaya tidak menjadi hamba di bumi sendiri. Malah yang gauk tetapi tidak berkesempatan menjadi pemimpin pun ada yang berjaya menikmati berkeluarga yang bahagia apabila anak-anak mereka berjaya hingga ke kemuncak menara gading dan memiliki pelbagai bidang ilmu dan disumbangkan semula kepada masyarakat mereka. Demikianlah antara putaran hidup ini dengan tidak menafikan memang ada yang susah, yang daif walaupun di peringkat awalnya tidak kurang dengan segala usaha. Sesungguhnya, segala yang demikian itu adalah tertentu bagi Allah, Tuhan Yang Maha Mengetahui atas segalanya).

Maka demikian jugalah halnya dengan orang sekarang ini apa lagi bila teringat tentang tahap ilmu pengetahuan yang hampir keseluruhannya setidak-tidaknya tahu membaca dan menulis. Malah kini, ada berpuluh ribu orang yang berkelulusan peringkat 'O' yang kalau dahulu sudah layak menjadi pegawai pentadbir, tetapi kini untuk menajawati jawatan peon atau budak pejabat pun amat susah. Malah untuk tidak terus menyeksa indung, mereka rela apa saja kerja asal halal dan mendapat wang untuk saku sendiri. Hatta yang memiliki kelulusan profesional yang digawah-gawahkan bakal senang mendapat kerja pun terpaksa mengalami yang sebaliknya dan terpaksa mendapatkan kerja apa saja asal halal dan tidak menyusahkan indung.

Senyum Budiman



KEMENTERIAN KESIHATAN ANJURKAN FORUM AWAM

- * Mengapa penyakit buah pinggang sering didapati di Negara Brunei Darussalam?
 - * Bolehkah awda menjaga kesihatan buah pinggang awda?
- Semua soalan-soalan ini akan terjawab dalam forum awam bertajuk : Penyakit Buah Pinggang dan Rawatan Dialisis (Pencucian) di Negara Brunei Darussalam
- Forum awam ini adakan diadakan pada :
- * Hari Jumaat 8 Februari, 2002
 - * Bermula jam 9.30 pagi sehingga 10.30 pagi
 - * Bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.
- Orang ramai adalah dialu-alukan bagi menghadiri forum tersebut.

ORANG tua-tua kita memang terkenal dengan pantang larang yang sering kita dengar ialah larangan mengira atau menghitung-hitung jumlah sesuatu musibah atau kejadian yang tidak diinginkan. Kerana menurut mereka jika dihitung atau dikira ia akan bertambah atau diikuti oleh kejadian berikutnya. Perbuatan mengira atau membilang-bilang kejadian itu menurut fahaman mereka seolah-olah atau bermaksud 'meminta' atau 'memanggil' kejadian-kejadian berikutnya. Misalnya kemalangan jalan raya jika dihitung jumlah kemalangan atau jumlah kematian akibat dari kemalangan tersebut akan menyebabkan kemalangan atau mangsa yang akan menemui ajalnya akan bertambah. Kita memang sering terbaici di akhbar-akhbar ada disebutkan jumlah-jumlah kemalangan atau mangsa yang dikumpulkan dalam tempoh sekian-sekian. Pihak media atau pihak-pihak tertentu mengebarkan mengenai jumlah-bumlah yang dimaksudkan itu memang mempunyai tujuan dan merupakan sebahagian daripada agenda kempen keselamatan jalan raya dengan harapan ia akan dapat memberi kesedaran kepada pengguna-pengguna jalan raya.

Kan halnya, kemalangan jalan raya terus juga meningkat dan mangsanya juga bertambah dari tahun ke setahun sehingga ia dianggap sebagai pembunuh nombor dua di Negara Brunei Darussalam selepas penyakit jantung kronari. Soalnya adakah ia benar-benar berpunca dari perbuatan mengira atau membilang-bilang itu? Dalam era moden ini fahaman yang sedemikian itu sudah dianggap tidak berasas kerana orang menilai untuk membuat keputusan terhadap

Kan Halnya ...

sesuatu itu lazimnya berasaskan kepada fakta yang sahih atau bukti-bukti saintifik.

Kalau kita perhatikan, yang 'memanggil' atau menjadikan pertambahan kepada kes-kes kemalangan jalan raya di negara ini ialah sikap kita sendiri, baik sebagai pengguna jalan raya, pembuat jalan raya, yang bertanggungjawab membuatnya, penjagaannya atau pembaikinya. Dari faktor pengguna, memandu laju, cuai tidak mematuhi peraturan lalu lintas jalan raya, memandu dalam keadaan mabuk, memandu kenderaan yang tidak sesuai lagi digunakan, mengubah-suai kenderaan melebihi had-had yang telah ditentukan dan lain-lain lagi merupakan sikap yang boleh memanggil atau mengundang kemalangan.

Dari segi teknikal juga banyak menyumbang kepada berlakunya kemalangan. Sebagai contoh jalan raya yang berlubang yang lambat diperbaiki, jalan raya yang menakung air, persimpangan-persimpangan yang tidak mengambil kira ciri-ciri keselamatan, tanda-tanda jalan yang terhalang atau terlindung, isyarat lalu lintas yang kurang jelas atau tidak menepati keperluan untuk langkah-langkah keselamatan. Misalnya sering kita lihat apabila kerja-kerja pembaikan jalan

dibuat, pihak yang berkenaan hanya akan menaruh kon terah berdekatan dengan lubang jalan atau tempat-tempat yang dibaiki. Sedangkan tanda-tanda atau isyarat keselamatan sepatutnya dipasang beberapa meter dari tempat kerja-kerja dibuat supaya pemandu mudah melihatnya dan mempunyai jarak atau masa yang mencukupi untuk bertindak atau mengambili langkah-langkah yang sewajarnya.

Berhubung pengubahsuaian kereta juga sering disebut-sebut sebagai punca kemalangan jalan raya. Soalnya pengubahsuaian yang bagaimana, jenis kenderaan yang bagaimana, kategori pemandu yang bagaimana juga penting dibuat perhitungan. Pada misalnya pemisahan sport rim adakah ia benar-benar punca kepada kemalangan, kalau benar berapa peratuskah jumlah kemalangan yang berpunca daripadanya. Apa pula halnya dengan sport rim yang original, adakah tidak boleh menyebabkan kemalangan. Pendek kata, dari banyak faktor yang disebutkan itu kalau ada data-data atau penghitungan yang sudah dibuat dan boleh menjelaskan punca sebenarnya, sudah tentu akan memudahkan lagi tindakan-tindakan atau langkah-langkah pengawalan untuk menghalang atau sekurang-kurangnya mengurangkan kemalangan jalan raya.

Kan halnya kalau bukti sahih adalah sokor untuk menyalahkan mana-mana pihak dan tindakan yang diambil juga akan menjadi pertikaian orang. Akhirnya orang akan terus mengira atau menghitung kemalangan yang berlaku hari demi hari dan orang tua-tua mungkin berkata 'tatali semuanya ketulahan melanggar pantang larang'.

Bekerja lebih masa komitmen profesionalisme kepada bangsa, negara

MENTIRI - Bekerja lebih masa bagi pemimpin sekolah merupakan komitmen profesionalisme untuk berkhidmat kepada bangsa dan negara.

Menteri Pendidikan yang juga Pemangku Sementara Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menyatakan demikian ketika ditemu bual oleh wartawan tempatan semasa Yang Berhormat membuat lawatan ke Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin, Brunei II di Perpindahan Kampong Mentiri di sini pada 23 Januari lalu.

Sekolah berkenaan merupakan sebuah sekolah di Daerah Brunei dan Muara yang melaksanakan Skim Rintis Sekolah Sehari Suntuk yang mula diperkenalkan 14 Januari lalu.

Ketika ditanya sama ada skim tersebut akan menjelaskan tenaga guru apabila mengajar lebih masa, Yang Berhormat menjelaskan bahawa perkara itu tidak berlaku kerana mereka dibahagikan dua sesi, pagi dan petang.

Yang Berhormat berkata, demi menjayakan sistem pendidikan bersepedu dalam satu bumbung, kemajuan dan pelaksanaan konsep berkenaan akan sentiasa diambil perhatian dari masa ke semasa dengan memperbaiki lagi sistem yang sudah tersedia seperti pengubahsuaian tempat mengambil wuduk, tempat sembahyang dan makan.

Oleh itu Yang Berhormat berharap para ibu bapa akan dapat me-

Oleh Aliddin HM
nyokong konsep Skim Rintis Sekolah Sehari Suntuk demi kebajikan anak-anak mereka.

Menyentuh mengenai pemakanan pelajar yang terlibat dalam skim tersebut, Yang Berhormat menjelaskan bahawa ianya adalah tanggungjawab ibu bapa sama ada membekalkan makanan untuk anak-anak mereka ataupun membeli di kantin sekolah.

Ketibaan Yang Berhormat di sekolah berkenaan dialu-alukan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim.

Sepanjang lawatan itu Yang Berhormat telah diiringi oleh Guru Besar sekolah berkenaan, Pengiran Haji Mohd. Askandar bin Pengiran Haji Mohd. Said.

Dalam lawatan itu Yang Berhormat meninjau kemudahan yang terdapat dan tersedia termasuk bilik darjah, penambahan dan pengubahsuaian tempat mengambil wuduk lelaki dan perempuan, perpustakaan, surau dan keadaan kawasan kantin.

Sekolah tersebut mempunyai 668 murid yang belajar dari darjah pra hingga enam di sesi pagi, manakala tenaga pengajar seramai 38 orang dan sesi petang pendidikan agama seramai 478 murid dan 17 tenaga pengajar.

Yang Berhormat meneruskan lawatan ke Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam.

Sekolah tersebut merupakan antara lima buah sekolah menengah di Daerah Brunei dan Muara yang melaksanakan Skim Rintis Sekolah Sehari Suntuk.

Sekolah berkenaan boleh menampung lebih 700 pelajar menengah satu hingga lima di bawah pimpinan 75 orang guru yang terdiri dari 90 peratus anak tempatan, manakala sesi petang pendidikan agama seramai lebih 200 pelajar.

Kementerian Pendidikan akan terus memantau dari masa ke semasa bagi mengenal pasti pelaksanaan skim tersebut.



MENTIRI Pendidikan yang juga Pemangku Sementara Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz ketika membuat lawatan ke Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin, Brunei II di Perpindahan Kampong Mentiri (kanan) dan Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam (kiri). - Gambar oleh Abdullah HAD dan Mohd. Zulzizi HD.

OLEH itu Yang Berhormat berharap para ibu bapa akan dapat menyokong konsep Skim Rintis Sekolah Sehari Suntuk demi kebajikan anak-anak mereka.



Ristaan ...

PEMBANGUNAN negara turut mengubah persekitaran Bandar Seri Begawan khususnya persimpangan Jalan Sultan/Jalan Pemancha, salah satu persimpangan utama di ibu negara. Ketika ini di bekas tapak bangunan Syarikat Limbang Trading berdiri megah sebuah bangunan yang memertipkan Syarikat Pemasaran Brunei Shell (BSM), manakala di bekas tapak bangunan panggung wayang New Boon Pang didirikan pula bangunan Ibu Pejabat Bank Islam Brunei Berhad (IBB), dua sektor ekonomi yang sama-sama berperanan dalam menjana ekonomi negara.



PERSIMPANGAN Jalan Sultan/Jalan Pemancha dalam tahun 1970-an



PERSIMPANGAN Jalan Sultan/Jalan Pemancha ketika ini.

SEKTOR pendidikan sentiasa mendapat prioriti dan paling diutamakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam setiap Rancangan Kemajuan Negara. Keutamaan tersebut diberikan kerana pendidikan memainkan peranan utama dalam memajukan pembangunan sesebuah negara. Berdasarkan kepentingannya itulah, kerajaan pada setiap tahun melabur sejumlah wang yang banyak. Sebagai contoh dalam tempoh Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 (2001-2005), sejumlah B\$300 juta atau 4.11 peratus daripada jumlah peruntukan kemajuan telah disediakan oleh kerajaan.

Alhamdulillah, berkat perhatian dan pemedulian kerajaan, pendidikan negara telah mengalami perkembangan dan kemajuan yang sangat membanggakan baik dari segi kuantiti mahupun kualiti. Kadar literasi (petunjuk bagi kualiti sumber manusia) secara keseluruhannya pada tahun 2000 ialah 93 peratus dan merupakan jumlah peratus antara yang tertinggi di dunia.

Setiap tahun kerajaan melalui Kementerian Pendidikan memberi biasiswa kepada penuntut-penuntut untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara terutama kepada pelajar-pelajar yang berkebolehan dan berkelayakan memenuhi kriteria untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi seperti diploma, Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND), ijazah pertama, ikhtisas, ijazah lanjutan sehingga ke peringkat PhD.

Dasar terbuka kerajaan menghantar penuntut sejak tahun 50-an lagi adalah semata-mata bagi melahirkan anak watan yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran dalam pelbagai bidang bagi membangun bangsa dan negara. Berkat keprihatinan tersebut, kebanyakan mereka yang belajar di luar negara telah menjadi pemimpin dan menerajui jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan dan swasta.

Menurut laporan Buku RKN Ke-8, bilangan rakyat dan penduduk tetap yang berkelulusan tinggi telah meningkat dari 16,896 orang pada tahun 1996 kepada 22,084 orang tahun 1999. Sehingga kini kerajaan telah menghantar para penuntut untuk melanjutkan pelajaran ke United Kingdom, Republik Arab Mesir, Jordan, Malaysia, Republik Islam Pakistan dan lain-lain negara.

Sekalipun dunia terus dilanda kemelesetan, namun Negara Brunei Darussalam masih mampu menghantar penuntut-penuntutnya keluar, sedangkan ada negara yang tidak dapat berbuat demikian. Sehingga bukan sahaja setakat memberhentikan penghantaran, malah juga ada yang sampai menarik balik penuntut-penuntutnya.

ASET BERHARGA

Dalam era hari ini, para penuntut merupakan aset paling mahal, kerana mereka sentiasa ditunggu dan menjadi harapan untuk mengangkat dan menjulang martabat bangsa dan ibu pertiwi. Mereka juga dianggap sebagai 'pemimpin hari esok' yang akan mengemudi dan menerajui kepimpinan negara. Mereka juga menjadi wira dalam masyarakat serta umpama suluh dalam kegelapan malam.

Sebagai aset yang amat berharga, para penuntut yang belajar di luar negara perlulah menumpukan perhatian yang benar-benar serius dalam hal-ehwal pelajaran. Mereka tidak perlu ingau kepada soal-soal lain. Tugas utama mereka ialah untuk mencari dan menerima ilmu pengetahuan sebanyak mungkin. Tegasnya, mereka perlu utamakan masa belajar dari program dan kegiatan-kegiatan lain.

"Selaku penuntut, mereka hendaklah pandai menghargai masa. Jangan sia-siakan masa walaupun sedikit. Masa itu ibarat emas. Gunakan sepenuhnya untuk menimba ilmu

SOROTAN titali Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Ramah Mesra Bersama Penuntut-penuntut dan Rakyat Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Republik Ireland pada 20 Januari, 2002.



PENUH KESEMBERAN ... Baginda dengan penuh riang gembira beramah mesra bersama sebahagian penuntut Negara Brunei Darussalam yang menuntut di United Kingdom.

Penuntut aset negara yang berharga

OLEH HAJI JAAFAR HI

pengetahuan, bukan untuk yang lain-lain. Sebaiknya penuhkan masa dengan nota-nota dan buku-buku pelajaran," demikian pesanan yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Ramah Mesra Bersama Penuntut-penuntut dan Rakyat Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Republik Ireland pada 20 Januari lalu.

Peluang yang berharga yang diberikan itu haruslah direbut. Jangan sia-siakan dan hampakan harapan bangsa dan negara. Mereka amat beruntung dan bertasib baik, kerana belajar di luar negeri, yang bukannya semua orang dapat meraih peluang itu, ia memerlukan syarat-syarat tertentu di samping kelayakan dan juga kewangan.

"Maka kedudukan penuntut-penuntut, memungkinkan sepenuhnya untuk mereka menumpukan perhatian kepada pelajaran, tanpa perlu risau dengan masalah-masalah lain. Maka sebagai aset negara, mereka perlu lengkap dan menguasai semua bidang ilmu yang dipelajari," titah baginda.

MEMELIHARA JATI DIRI

Selain daripada itu, para penuntut haruslah memelihara jati diri kebrunneian dengan baik dan tidak boleh dilunturkan atau dinodai oleh unsur-unsur kebudayaan, ide atau

isme yang merosakkan keutuhannya terutama sekali dalam menempuh dan mengharungi era globalisasi dan dunia tanpa sempadan. Jangan sampai proses globalisasi dan kecanggihan teknologi menjadikan kita alpa dan lali pada jati diri dan menolak segala unsur-unsur yang memperkaya dan meninggikan martabat kebudayaan kita di atas nama globalisasi.

Walau berapa lama sekalipun mereka berada di luar negara kerana mencari ilmu, walau betapa mendalamnya sekalipun pendedahan yang diterima atau dialami oleh para penuntut, jati diri kebrunneian hendaklah tetap dipelihara. Mereka tidak perlu meniru-meniru dan terikut-ikut dengan gaya dan stail kehidupan orang-orang Barat yang tidak sececook dengan gaya kita orang-orang Brunei. Perkara ini mesti diingat dan jangan sampai terbawa-bawa dalam kehidupan setelah balik ke tanah air. Jika ini berlaku, ianya amatlah mendukacitakan, kerana mendewa-dewakan gaya kehidupan orang lain.

Jati diri yang perlu ada ialah sentiasa menjunjung tinggi kedaulatan negara, mendukung keutuhan dan survival bangsa, memelihara kelangsungan hidup bermasyarakat, adat resam dan nilai budaya yang luhur yang dipusakai turun-temurun selain memuliakan kesucian agama serta mengekalkan kesetiaan terhadap raja dan pemimpin.

Para penuntut sebagai bakal pemimpin dan penyambung jentera pen-

tadbiran dan pembangunan negara masa kini dan seterusnya bagi kesinambungan kehidupan bermasyarakat dan bernegara yang aman bahagia di masa akan datang. Di bahu merekalah terpuik tanggungjawab untuk memastikan survival bangsa dan kesinambungan kebudayaan dan keperbadan Brunei.

Andainya para penuntut leka dan tidak sensitif kepada tuntutan itu, maka sebagai warisan bangsa dan penyambung generasi akan terpaksa menghadapi padahnya yang mana kemungkinan calak Brunei yang sama-sama dihayati sepenuh hati dan jiwa itu akan hakis dan sirna.

Sebagai pemimpin masa depan, mereka juga disaran bertanggungjawab atau 'accountable' dalam menangkis segala perkara negatif dengan sentiasa sedar dan peka terhadap sebarang unsur serta fahaman salah yang memungkinakan pudarnya jati diri sebagai bangsa Brunei.

Era globalisasi, mendesak mereka untuk bersaing dan meningkatkan kemampuan. Kita perlu mampu bersaing agar kita tidak jauh tertinggal dalam membangunkan negara. Kalau kita tidak mampu bergerak dengan langkah langkau memadailah kita berjalan selangkah demi selangkah, jangan sampai kita jauh tertinggal dan ditinggalkan. Maka dalam hubungan itu, para penuntut harus berusaha semaksimal mungkin untuk melengkapkan diri masing-masing di samping mengasah ketrampilan agar dapat menandingi atau ber-

saing dalam apa jua bentuk cabaran. Kita harus meningkatkan semangat dan azam untuk terus maju, berkemampuan untuk bersikap proaktif dan bukan relatif.

JADI 'PAK TURUT'

Para penuntut juga perlu mengikis sikap dan menjadi 'pak turut' kerana golongan sedemikian tidak mempunyai prinsip dan keyakinan diri. Mereka tidak mempunyai hala tuju yang betul dan tepat tetapi lebih rela mengikut telunjuk orang lain. Sikap dan gaya sebegini amatlah tidak relevan, apatah kepada mereka yang bergelar pewaris kepimpinan negara.

Mereka harus sedar dan sentiasa memahami bahawa negara dan bangsa mengharapakan sumbangan dari mereka setelah mereka menerima bantuan dan kemudahan dari pihak kerajaan baik secara langsung atau tidak. Adalah munasabah sebagai balasan jika mereka berusaha memberikan sumbangan ikhlas kepada kerajaan, bangsa dan negara. Mereka juga perlu membawa perubahan yang dinamik dan progresif kepada bangsa dan negara sesuai dengan prinsip kehidupan dan nilai-nilai yang cuba dipertahankan di negara ini.

Adalah menjadi harapan kita semua agar setiap penuntut menjadi ejen kepada perubahan yang positif, menjadi pelopor kemajuan bangsa dalam semua aspek, bukan jadi penonton tetapi yang lebih penting menjadi pelaku dalam era teknologi ini.

Penuntut sewajarnya menguasai teknologi supaya masyarakat negara ini tidak menjadi masyarakat pengguna bahkan menjadi masyarakat penyumbang, di samping berupaya meningkatkan martabat bangsa dan meletakkan kehormatan agama di tempat teratas dalam kehidupan.

BENTENG UTAMA

Kita menyedari bahawa penuntut-penuntut yang belajar di luar negara, sedang, telah dan akan mengalami eksperimen budaya dalam kehidupan mereka yang boleh menimbulkan konflik nilai. Jika tidak dipandu dengan baik dan terarah, dikuatiri akan wujud golongan berpendidikan yang terkeluar dari tradisi masyarakat iaitu 'masyarakat Timur tetapi terpijak di Barat'.

Maka dalam hubungan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa sekiranya mereka mempunyai pegangan agama, maka sudah barang tentu akan menjadi pemimpin terbaik dan dihormati.

Dengan kekuatan keimanan dan kehebatan ketakwaan, mereka akan menjadi obor kepada bangsa dan negaranya. Dengan ketakwaan mereka tetap akan sentiasa menjalankan tugas dengan bersih, jujur dan amanah. Mereka tidak mudah menyeleweng dan jauh sekali daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang agama. Ini kerana berkat adanya hidayah daripada Allah Subhanahu Wataala.

"Mereka yang bertakwa adalah obor kepada bangsa dan negaranya. Mereka mempunyai sikap kukuh lagi teguh, sehingga tidak dapat dibeli walau dengan setinggi mana pun harganya. Hanya yang penting bagi mereka dan menjadi pilihan satu-satunya ialah kesetiaan dan kebenaran jua," titah baginda.

Inilah yang menjadi harapan kita semua,

semoga Negara Brunei Darussalam ditanai dan tadbir oleh bangsanya di mana para penuntut adalah sumber utamanya.

Selaku pewaris kepimpinan negara akan turut terlibat menerajui pentadbiran dan pengurusan negara di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi merealisasikan terasul 'Darussalam' dan Prinsip Melayu Islam Beraja. Usaha untuk mengekalkan Negara Brunei Darussalam sebagai negara Melayu Islam Beraja adalah menjadi kewajipan utama para pemimpin termasuk para penuntut yang akan mewarisi kepimpinan di masa hadapan.

Negara Brunei Darussalam bukan sahaja memerlukan orang cerdik dan terpelajar tetapi juga rakyat yang setia dan amanah yang boleh menyumbangkan tenaga yang berguna, yang boleh membimbing dan memberikan teladan yang sempurna kepada rakyat bukan sahaja dalam bidang pekerjaan tetapi juga dalam pergaulan sehari-hari termasuklah adat resam serta pegangan agama.

"Kepada siswazah-siswazah, apabila mereka nanti diamanahkan menjalankan tugas, maka laila mudah janganlah sambil menyelam minum air" kerana perbuatan dan tingkah laku sedemikian itu hanya akan mengeruhkan nama baik negara ini," titah baginda di Majlis Kesyukuran sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-35 Tahun anjuran Persatuan Penuntut-Penuntut Negara Brunei Darussalam Di United Kingdom yang diadakan di Dewan Persantapan Lapau pada 27 Ogos, 1981.

Adalah menjadi harapan kita semua agar para penuntut setelah menamatkan pengajian nanti, akan dapat pula menyumbang jasa dan bakti kepada negara melalui kepimpinan dan cetusan minda selaku orang yang berilmu.

Seramai 6,500 orang sertai Perhimpunan Hari Kebangsaan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain ketika memengerusikan mesyuarat kedua Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Kerja Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-18. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Berpadu tenaga cegah kegiatan ganggu keselamatan

GADONG. - Ketua-ketua Kampung diseru supaya mengadakan perundingan bersama anak-anak buah bagi mengekalkan kesejahteraan bersama.

Selain dari itu, mereka juga diingatkan supaya bertanggungjawab bagi memupuk perpaduan serta mengekalkan konsep bergotong-royong bersama anak-anak buah, di samping berpadu tenaga mencegah apa jua kegiatan yang boleh mengganggu keselamatan negara.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara selaku tertamu kehormat, Abang Haji Hepnie di Majlis Penyampaian Sijil Ketua Kampung Menglait yang baru, Mukim Gadong kepada Awang Haji Mohdar.

Majlis yang berlangsung di rumah Awang Haji Mohdar itu diselenggarakan dengan Majlis Membaca Ikrar dan upacara menandatangani ikrar oleh Ketua Kampung Menglait dan kawasan sekitarnya dan disusuli dengan perasmian papan tanda rumah ketua kampung yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Terdahulu dari itu, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara juga menyeru ketua-ketua kampung untuk sentiasa memberi kerjasama kepada penghulu mukim dan seterusnya kepada Pegawai Daerah sendiri serta jabatan-jabatan ke-

Oleh
Abu Bakar HAR

penduduk, hasil dan perusahaan yang diusahakan.

Bagi penduduk kampung pula, beliau menyeru supaya sentiasa memberi kerjasama kepada ketua kampung dalam melakukan apa jua aktiviti, kerana tanpa kerjasama segala hasrat mungkin tidak akan terlaksana.

Selain itu, ketua-ketua kampung juga diharap agar membuat laporan mengenai maklumat penduduk kampung termasuk kemajuan kampung, banci

rajaan bagi kesejahteraan dan keselamatan negara.

Selain itu, ketua-ketua kampung juga diharap agar membuat laporan mengenai maklumat penduduk kampung termasuk kemajuan kampung, banci

KETUA-KETUA kampung juga diharap agar membuat laporan mengenai maklumat penduduk kampung termasuk kemajuan kampung, banci penduduk, hasil dan perusahaan yang diusahakan.



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Abang Haji Hepnie merasmikan papan tanda rumah Ketua Kampung Menglait, Mukim Gadong yang baru. - Gambar oleh Masri Osman.



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Abang Haji Hepnie ketika menyampaikan sijil kepada Ketua Kampung Menglait yang baru, Awang Haji Mohdar. - Gambar oleh Masri Osman.

BERAKAS. - Seramai 6,500 orang dijangka menyertai Perhimpunan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-18 dalam perbarisan dan persembahan yang akan dilangsungkan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di ibu negara.

Mesyuarat kali kedua Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Kerja Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-18 telah berlangsung pada 22 Januari yang lalu di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan dipengerusikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain.

Antara agenda mesyuarat itu termasuk meneliti dan mengesahkan minit mesyuarat pertama yang telah diadakan pada 31 Oktober, 2001, mendengarkan penerangan ringkas daripada Setiausaha Urusetia dan laporan para Pengerusi Jawatankuasa Kerja.

Antara konsep dan format Perhimpunan

Oleh
Haji Ahmad HS

Hari Kebangsaan ialah penyertaan rakyat dan penduduk negara ini, pengukuhan, kesetiaan dan penghayatan terhadap falsafah negara 'Melayu Islam Beraja' pengukuhan semangat perpaduan, cinta dan hormatkan agama, taat setia kepada raja dan cinta dan memperluaskan iltizam Memperkasakan Keupayaan Bangsa.

Antara minit laporan mesyuarat pertama yang diadakan tahun lepas telah menyebutkan dalam persembahan padang seramai 370 orang yang terdiri dari penuntut-penuntut sekolah dan Pasukan Polis Diraja Brunei akan dijangka terlibat dalam persembahan pancaragam dan 50 orang dalam persembahan hadrah.

Manakala 500 orang penuntut akan membuat persembahan bagi sekolah-sekolah dan seramai 2,700 orang yang terdiri dari anggota perkhidmatan awam, penuntut dan organisasi bukan kerajaan dijangka menyertai perbarisan padang.

PERADUAN MENULIS RENCANA

JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang ditubuhkan pada 1 April, 1952 akan menyambut Jubli Emas sempena 50 tahun penubuhannya. Bagi memperingati lagi sambutan tersebut Jabatan Penerangan akan mengadakan 'Peraduan Menulis Rencana Sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan Jabatan Penerangan'.

Peraduan tersebut bertujuan untuk mencungkil bakat orang ramai yang berkebolehan menuangkan pemikiran dan pendapat membina untuk pembangunan bangsa, negara dan agama, di samping merangsang minat penulis tanah air untuk meningkatkan mutu penulisan rencana dalam skala yang lebih luas dan bermutu.

pemenang pertama akan menerima hadiah penghargaan berjumlah \$1,500.00, kedua \$1,000.00 dan ketiga \$750.00.

Penulisan rencana berbentuk bebas tetapi hendaklah menjurus kepada misi Jabatan Penerangan iaitu 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'.

Penyertaan akan dibukakan kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam kecuali pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan. Rencana hendaklah ditulis dalam bahasa Melayu dan tulisan rumi dengan menggunakan ejaan standard yang digunakan di negara ini.

Setiap penulis hanya dibenarkan menghantar sebuah rencana yang asli, bukan terjemahan, saduran atau ubahsuaian yang mengandungi tidak kurang daripada 4,000 patah perkataan.

Rencana-rencana yang memenangi peraduan tersebut akan menjadi hak milik Jabatan Penerangan dan akan dimuatkan dalam Keluaran Khas Sambutan Jubli Emas Penubuhan Jabatan Penerangan dalam bentuk tabloid yang akan disisipkan dalam akhbar PELITA BRUNEI.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

Awang Haji Timbang bin Bakar,
Ketua Penyalaras Peraduan Menulis Rencana,
Sambutan Jubli Emas Jabatan Penerangan,
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
Telefon: 02-383400 (sambungan 324)/02-383804
Faks: 02-381004

Manuskrip rencana berserta borang penyertaan hendaklah sampai ke alamat di atas tidak lewat dari 14 Februari, 2002.

DBP, tujuh penulis tandatangani penerbitan karya



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin yang mewakili Dewan Bahasa dan Pustaka bersama para penulis tempatan ketika menandatangani perjanjian hasil karya. Majlis berlangsung di Dewan Bahasa dan Pustaka. - Gambar oleh Halim HS.

Oleh Haji Ahmad HS

BERAKAS. - Dalam usaha memperbanyakkan bahan-bahan bacaan dan ilmiah serta pendidikan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tidak terkendur-kendurnya berusaha meningkatkan penerbitan dan penghasilan bahan cetak untuk mengisi minda para pembaca di negara ini.

Sehubungan itu seramai tujuh orang penulis tempatan yang menghasilkan pelbagai bentuk penulisan telah menandatangani perjanjian hasil karya mereka yang berlangsung di DBP di sini pada 24 Januari yang lalu.

Majlis tersebut itu disaksikan oleh Pemangku Pengarah DBP, Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin.

Para penulis itu terdiri daripada Dayang Faridah binti Haji Abdul Hamid dengan karya 'Akar Ajaib' (Bumbu Bacaan Rumi) yang merupakan cerita rakyat. Buku itu sudah diterbitkan sebanyak 2,000 naskhah.

Manakala 'Hantu Tambak' (Bumbu Bacaan Rumi) karya Dayang Saidah binti Haji Mohd. Ali hasil penyertaan dalam Peraduan Mengarang Cerita Bergambar anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka juga dicetak sebanyak 2,000 naskhah.

'Berubah Sikap' (Bumbu Bacaan Rumi) yang dihasilkan oleh Pengiran Haji Ahmad Masudwaidilfitri bin Pengiran Haji Mohd. Daud ketika menjadi graduan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dalam Jurusan Pendidikan juga diterbitkan dengan cetakan sejumlah 2,000 naskhah.

Dayang Sarinah binti Haji Ahmad pula menghasilkan Bumbu Bacaan Rumi bertajuk 'Si Pengail Dengan Monyet' yang juga telah diterbitkan sebanyak 2,000 naskhah.

Sebuah novel bertajuk 'Titik-titik Peluh ...' karya Awang Chong Ah Fok pula akan dicetak sebanyak 1,000 naskhah.

'Sajak-sajak Adi Kelana: Satu Analisa Struktur' karya Pengiran Haji Shamsu bin Pengiran Haji Kahar yang merupakan latihan ilmiah semasa menjadi graduan UBD bagi sesi 1990 dan 1991 pula sedang dalam proses proof akhir sebelum dihantar ke pencetak dan akan dicetak sebanyak 1,000 naskhah.

'Lahar' (antologi sajak persendirian) karya Awang Haji Jawawi bin Haji Ahmad, seorang pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka yang bergiat aktif dalam penulisan sedang dalam proses pencetakan sebanyak 1,000 naskhah.

Menurut DBP pihaknya akan menerbitkan buku bertajuk 'Rerise Brunei Darussalam (Ringkasan Riwayat Sejarah Brunei Darussalam) yang dihasilkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Buku itu merupakan buku sejarah yang berlatarbelakangkan Negara Brunei Darussalam yang mungkin dapat dijadikan sebagai buku panduan kepada guru-guru dan akan dicetak sebanyak 2,000 naskhah.

Selain itu DBP juga akan menerbitkan buku bertajuk 'Dinamik Persekitaran dan Karya Sastera: Kajian Novel-novel Peraduan DBP Brunei 1980-1990' karya Awang Kamis bin Haji Tuah.

Buku itu merupakan sebuah tesis yang dikemukakan oleh Awang Kamis untuk memperolehi Ijazah Sarjana Persuratan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi 1996. Sementara sebuah buku kanak-kanak karya Awang Yusof bin Haji Najib juga akan diterbitkan dan dicetak sebanyak 2,000 naskhah.

Melalui latihan mantap Lahirkan pemidato bertaraf dunia

GADONG. - Negara boleh melahirkan pemidato yang bertaraf dunia jika terus menjalani latihan yang mantap tanpa mengira masa atau menunggu adanya pertandingan maka barulah hendak memulakan latihan intensif.

Jika pendekatan baru ini dilaksanakan nescaya suatu hari nanti pemidato negara boleh mengalahkan pemidato-pemidato dari Republik Singapura, Malaysia dan United Kingdom.

Harapan ini diluahkan oleh Pengarah Pendidikan Ko-Kurikulum, Awang Haji Antin bin Haji Ahad ketika berucap di Majlis Penyampaian Bendera bagi pasukan negara yang menyertai Kejohanan Bahas Sekolah-sekolah Dunia Ke-14 2002 di Republik Singapura berlangsung di Jabatan Ko-Kurikulum, Jalan Pasar Baharu pada 21 Januari lepas.

Katanya, beliau akan mengarahkan pegawai-pegawai yang terlibat dalam pertandingan untuk terus memberi bimbingan ke-

Oleh
Abdullah Asgar

pada peserta yang mewakili negara bagi menjalani latihan intensif sepanjang masa.

Dengan cara ini saja jelasnya, negara akan boleh melahirkan pemidato yang benar-benar boleh diketengahkan ke peringkat antarabangsa.

Beliau juga menyarankan kepada pemidato negara supaya mencontohi tokoh-tokoh pemidato di Asia sebagai inspirasi masing-masing untuk meningkatkan cara berpidato dan menambah gaya berpidato ketika bertanding nanti.

Beliau menyampaikan bendera negara kepada ketua rombongan, Awang Mohammad Abdoh bin Haji Awang Damit.

Mereka yang mewakili negara ialah Dayang Fadzlani binti Annuar, Dayangku Zarina Jade binti Pengiran Sabri, Dayang Adeline Lim Xin Yi, Dayang Jessilina binti

Haji Haliluddin dan Dayang Karen Tan Chai Mei.

Ini adalah kali keempat Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum menghantar penuntut bagi pertandingan yang sama. Kali ketiga ialah tahun lalu di Pitsburg, Amerika Syarikat.

Kali ini penyertaan negara mensasarkan tem-

pat ke-16 dari 32 negara yang mengambil bahagian.

Majlis hari itu juga diteruskan dengan penyampaian tajaan oleh beberapa penaja seperti Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Perkhidmatan Pendidikan CfBT (B) Sendirian Berhad, British Council, Bank Baiduri dan tajaan dari hamba Allah.



PENGARAH Pendidikan Ko-Kurikulum, Awang Haji Antin bin Haji Ahad ketika menyampaikan bendera negara kepada Ketua rombongan, Awang Mohammad Abdoh bin Haji Awang Damit. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PENGARAH Pendidikan Ko-Kurikulum, Awang Haji Antin bin Haji Ahad ketika berucap di majlis itu. Juga kelihatan ialah lima pemidato negara ke Kejohanan Bahas Sekolah-sekolah Dunia Ke-14 2002 yang akan diadakan di Republik Singapura dalam bulan Januari tahun ini. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Festival Mencipta Lagu Patriotik dan Klip Video

BANDAR SERI BEGAWAN. - Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-18, Radio Televisyen Brunei buat julung-julung kalinya akan menganjurkan Festival Mencipta Lagu Patriotik dan Klip Video 'Simfoni Merdeka'.

Projek tersebut akan dijadikan projek tahunan Radio Televisyen Brunei yang tujuan utamanya untuk sama-sama menyemarakkan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Dari itu pihak penganjur mempelawa warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam untuk menyertai festival tersebut.

Di antara syarat dan peraturan yang terkandung bagi menyertai festival tersebut ialah lirik lagu dan klip video hendaklah berlatarbelakangkan suasana Negara Brunei Darussalam dengan bertemakan 'Memperkasa Keupayaan Bangsa'.

Penyertaan adalah dalam bentuk Betcam, Digital Video (DVE) dan salinannya hendaklah dalam bentuk VHS.

Pihak penganjur juga telah menyediakan hadiah-hadiah bernilai \$5,000.00, piala dan sijil kepada juara; \$3,000.00, piala dan sijil kepada naib juara dan lima hadiah sugu hati bernilai \$2,000.00 setiap satu berserta piala dan sijil.

Borang penyertaan serta keterangan lanjut boleh diperolehi dari sekarang melalui:-

Setiasaha,
Festival Mencipta Lagu Patriotik/Klip Video,
Sempena Sambutan Hari Kebangsaan 'Simfoni Merdeka' Tingkat 4, Radio Televisyen Brunei,
Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, 8610, Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama putera-putera baginda ketika berangkat tiba di sebuah hotel di London bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Penuntut-penuntut dan Rakyat Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Republik Ireland (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam serta putera-putera baginda menadah tangan ketika doa dibacakan oleh Mufti Kerajaan bagi memberkati majlis (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan beramah mesra bersama para penuntut perempuan dari Negara Brunei Darussalam yang mengikuti pengajian di United Kingdom dan Republik Ireland (atas dan atas kanan).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji AJ-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima junjung ziarah para pegawai dan kakitangan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di London sejurus keberangkatan tiba di majlis itu (kanan).



Majlis Ramah Mesra Bersama Penuntut, r...

Gambar-gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO

LONDON. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam telah berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Bersama Penuntut-penuntut dan Rakyat Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Republik Ireland.

Berangkat sama ke majlis itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji AJ-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen. Majlis berlangsung pada 20 Januari, lepas bertempu di sebuah hotel terkemuka di sini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja di hotel tersebut telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Mahmud dan isteri.

Majlis bermula dengan bacaan doa selamat oleh Yang Dimulikan Lagi Diformati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Di majlis itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menerima pesambah daripada para penuntut. Pesambah tersebut adalah sebagai tanda taat setia mereka kepada baginda.

Di majlis itu juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan bertitah, disusuli dengan baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan bercemar duli bersama rakyat. Ini merupakan acara yang dinantikan oleh para penuntut dan rakyat untuk berinteraksi dengan baginda dan kerabat diraja yang lain.

Lebih 1,000 rakyat Brunei yang berada di United Kingdom meng-

Mesra bersama Rakyat NBD di London



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima pesembah sebagai tanda taat setia ke hadapan majlis baginda oleh Yang Dipertua Persatuan Penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam di United Kingdom (kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla berkenan mengabadikan gambar kenangan bersama para penuntut Negara Brunei Darussalam di United Kingdom (bawah). Sementara gambar bawah sekali, Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulla Pengiran Isteri berkenan menerima junjung ziarah para pegawai dan kakitangan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di London sejourus tiba di majlis tersebut.



Surat
lebih
ber-
kian
ton. Se-
lagi
yang
baya
dari
60
sedang
selu-
49
adalah
sentera
kursus
Pejabat
24
angan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulla Pengiran Isteri berkenan menerima pesembah daripada wakil para penuntut di United Kingdom (gambar atas kiri dan atas kanan).



Mulla Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Heji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulla Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulla Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berke-
bersama para penuntut dan rakyat Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Republik Ireland
mentara gambar kanan, Yang Dimulakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia
'Abdul Aziz, Mufli Kerajaan membacakan doa selamat bagi memberkati majlis.

SEKILAS TINJAU RKN KE-8

MEMPELBAGAIKAN EKONOMI NEGARA

UNTUK merealisasikan matlamat kerajaan bagi mempelbagaikan ekonomi melalui pengembangmajuan sektor bukan minyak, penglibatan proaktif sektor swasta yang berterusan perlu dipertahankan dan diperluaskan.

USAHA untuk mempelbagaikan ekonomi telah ditekankan dalam RKN Ke-7 dan hasilnya ialah penurunan sumbangan sektor minyak kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) manakala sumbangan sektor bukan minyak telah meningkat.

Daripada KDNK negara pada harga semasa berjumlah B\$7,394.2 juta pada akhir tempoh RKN Ke-6 (1995), sektor minyak telah menyumbang sebanyak 38.7 peratus dan menurun kepada 36.9 peratus pada akhir tempoh RKN Ke-7 (2000).

Sektor bukan minyak pula telah meningkat sumbangannya dari 61.3 peratus kepada 63.1 peratus dalam tempoh yang sama. Jelas menunjukkan bahawa usaha kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi sedikit sebanyak telah dapat dicapai.

Sumbangan sektor minyak kepada pendapatan kerajaan (tidak termasuk pendapatan dari pelaburan asing) telah meningkat dari 69.9 peratus dalam RKN Ke-6 kepada 90.1 peratus dalam RKN Ke-7, manakala sumbangan sektor bukan minyak pula telah menurun dari 30.1 peratus kepada 9.8 peratus disebabkan oleh kelembapan ekonomi.

Krisis kewangan yang melanda rantau ini sejak pertengahan tahun 1997 telah menjejaskan sedikit usaha kerajaan dalam mempelbagaikan ekonomi, yang bertujuan bagi mengurangkan pergantungan terhadap hasil minyak dan gas.

Kegawatan ekono-



PEMBEKALAN minyak mentah yang berlebihan di pasaran telah mengakibatkan kejatuhan harga minyak dunia pada tahun 1997.

SUSUNAN ABDULLAH ASGAR

mi serantau telah memaksa sebahagian besar negara-negara pengimport minyak dan gas mengurangkan import mereka dan inilah yang menyebabkan negara kehilangan pendapatan sebanyak B\$1.4 bilion pada tahun 1998.

Untuk merealisasikan matlamat kerajaan bagi mempelbagaikan ekonomi melalui pengembangmajuan sektor bukan minyak, penglibatan proaktif sektor swasta yang berterusan perlu dipertahankan dan diperluaskan.

Oleh itu, dalam RKN Ke-8, kerajaan melalui agensi-agensi tertentu akan terus

berusaha bagi mewujudkan suasana pelaburan yang lebih menarik melalui undang-undang dan peraturan yang ada dan penggubalan yang baru jika perlu.

Kemudahan-kemudahan untuk sektor swasta berkembang seperti tapak-tapak perindustrian, skim-skim kemudahan kewangan dan insentif-insentif yang menggalakkan akan diperluaskan.

Langkah ini harap akan dapat mempercepatkan lagi program kemajuan perindustrian dan dapat menarik lebih ramai pelabur asing untuk melabur di negara ini.

Dalam pada itu, kerajaan melalui Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) juga telah menubuhkan Pusat Sumber Piawai pada tahun 1996 bagi membantu pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana.

Ini adalah sebagai respon kepada kegawatan ekonomi. Kerajaan pada tahun 1998 telah menubuhkan Majlis Ekonomi Negara Brunei Darussalam (BDEC) dengan bertanggungjawab untuk merangka strategi jangka pendek dan jangka panjang bagi pemulihan ekonomi negara.

BDEC telah merangka dua strategi untuk dilaksanakan dalam dua fasa, strategi pertama mengandungi



GAS masih memainkan peranan penting dalam sektor tenaga. Bagi bahan ini, Negara Brunei Darussalam telah mengeluarkan gas cecair asli (LNG) sebanyak 6.64 peratus pada tahun 1999.

dua fasa perlaksanaan. Fasa pertama ialah pelan tindakan bagi pemulihan ekonomi untuk dilaksanakan dalam tempoh enam bulan, manakala strategi kedua ialah untuk mempertimbangkan pertumbuhan ekonomi untuk dilaksanakan dalam tempoh setahun. Strategi kedua ditumpukan kepada pembangunan ekonomi jangka panjang yang lebih mampan.

Sementara itu dalam RKN Ke-7 pembekalan minyak dunia juga telah meningkat sebanyak 6.5 peratus dari 72.02 juta tong sehari pada tahun 1996 kepada 76.7 juta tong sehari pada tahun 2000.

Pembekalan minyak mentah yang berlebihan di pasaran telah mengakibatkan kejatuhan harga minyak dunia bermula pada tahun 1997 hingga pertengahan tahun 1999. Ia juga jelas melembapkan ekonomi dunia dan banyak negara menghadapi kegawatan ekonomi, tambahan lagi mata wang Amerika Syarikat terus naik.

Bagaimanapun mulai separuh terakhir tahun 1999, jumlah pembekalan minyak telah menurun sebanyak 1.9 peratus kepada 74.01 juta tong sehari, yang mana adalah kurang daripada jumlah permintaan sebanyak 75.49 juta tong sehari.

Keadaan ini telah menyebabkan harga minyak meningkat tapi kemudiannya stabil bila mana jumlah pembekalan minyak sama dengan jumlah permintaan iaitu sebanyak 76.7 juta tong sehari pada tahun 2000.

Langkah ini sengaja diambil oleh Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Minyak (OPEC) dan sebahagian negara-negara bukan OPEC untuk mengurangkan pembekalan minyak sebagai usaha untuk menaikkan dan menstabilkan harga minyak. Sementara bagi gas pula ianya masih memainkan peranan penting dalam sektor tenaga.

Ini jelas dengan bertambahnya bilangan negara-negara pengeluar baru gas cecair asli (LNG) iaitu Qatar (1996), Trinidad (1999), Nigeria (1999) dan Oman (2000) manakala Yeman akan memulakan pengeluarannya pada pertengahan tahun 2002 ini.

Antara negara-negara pengeluar LNG ialah Republik Indonesia (26.76 peratus) diikuti oleh Algeria (20.39 peratus), Malaysia (15.06 peratus), Australia (7.26 peratus), Negara Brunei Darussalam (6.64 peratus), Qatar (6.24 peratus), Nigeria (5.32 peratus) dan Emiriah Arab Bersatu (5.15 peratus).

RAJAH MENUNJUKKAN BEKALAN DAN PERMINTAAN MINYAK DUNIA

Tahun	Pembekal		Jumlah Bekalan Minyak Dunia	Permintaan Minyak Dunia
	OPEC	Bukan OPEC		
1996	28.45	43.57	72.02	71.60
1997	30.00	44.40	74.40	73.40
1998	30.83	44.67	75.49	73.90
1999	29.45	44.62	74.07	75.20
2000	30.8	45.90	76.70	76.70



PEMANGKU Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail berpendapat kejayaan dan kecemerlangan dalam sesuatu organisasi adalah kerana terdapatnya pegawai-pegawai dan kakitangan yang berilmu dan bersifat amanah, jujur serta rajin berusaha. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Sedari sepenuhnya cabaran semasa

TUNGKU. - Pegawai kanan kerajaan perlu menyedari sepenuhnya kepentingan cabaran-cabaran yang sedang dihadapi sebagai sebuah negara warga dunia terutama mengenai pengaruh dan implikasinya di dalam kehidupan masa kini dan generasi akan datang.

Isu-isu keselamatan, ekonomi, globalisasi, perhubungan dan media, perdagangan tanpa sempadan merupakan senario yang sedang dihadapi oleh semua negara warga dunia pada abad ke-21.

Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan

Oleh
Samle HJ

Awam, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail berkata, kesan globalisasi tidak memilah kawasan atau lokasi setempat di mana kejadian yang berlaku di satu sudut dunia turut dihadapi dan memberi kesan kepada pemerintah dan kerajaan atau rakyat di negara-negara yang lain.

"Walau bagaimanapun saya berpendapat perkara asas atau pokok di dalam sesebuah organisasi itu adalah kerana terdapatnya

pegawai-pegawai dan kakitangan yang berilmu yang mempunyai sifat-sifat amanah, jujur dan rajin berusaha," jelasnya ketika merasmikan Program Pembangunan Eksekutif di Universiti Brunei Darussalam pada 21 Januari lepas.

Beliau menambah, Jabatan Perkhidmatan Awam akan terus berusaha mencari jalan untuk meningkatkan keupayaan semua pegawai dan kakitangan yang terlibat di dalam perkhidmatan awam, khususnya kepada mereka yang memberikan perkhidmatan

kepada orang ramai.

Sebelum ini Piagam Pelanggan atau Tekad Pemuduan Orang Ramai (TPOR) yang pada awalnya telah digunakan dalam sektor swasta kini telah dijadikan budaya kerja yang diambil berat oleh semua peringkat dalam perkhidmatan awam di negara ini.

Seramai 16 orang pegawai kanan dari beberapa buah jabatan telah menyertai program itu sehingga bulan Mei depan. Program bertujuan memberi pengetahuan mengenai pendekatan-pendekatan masa kini dalam hal-ehwal dan dasar pentadbiran awam.

Oleh
Abu Bakar HAR

Saudara baru terima sumbangan dari MUIB

BERAKAS. - Saudara-saudara baru yang akan menunaikan fardu haji tahun ini melalui tambang kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menerima sumbangan bantuan sebanyak \$28,200.00 dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Saudara-saudara baru yang terdiri dari mereka yang layak menerima wang zakat menerima sebanyak \$4,700.00 seorang hasil dari kumpulan wang zakat.

Pada tahun ini seramai enam orang saudara-saudara baru seluruh negara telah dipilih untuk mene-



AWANG Muhammad Limon bin Abdullah Kumpu melahirkan rasa gembira dan menjunjung kasih atas kurnia yang telah telah diberikan. - Gambar oleh Abdullah HAD.

selebihnya sebanyak \$2,000.00 adalah bagi keperluan mereka semasa berada di Tanah Suci nanti.

Majlis penyerahan bantuan tersebut telah berlangsung di Pejabat MUIB pada 22 Januari lalu dan disempurnakan oleh Pegawai Ugama Kanan di Kementerian tersebut Dayang Hajah Norzainah binti Haji Mohd. Tahir.

Menurut MUIB bantuan tersebut dihulurkan bertujuan bagi memberi galakan dan memantapkan lagi akidah saudara-saudara baru kepada ajaran Islam selain menjadikannya sebagai amalan kehi-

dupan mereka.

Awang Muhammad Limon bin Awang Abdullah Kumpu, salah seorang penerima melahirkan rasa gembira dan menjunjung kasih atas kurnia yang telah diberikan.

Katanya beliau tidak menyangka akan terpilih menerima kurnia tersebut kerana permohonan yang banyak, akan tetapi atas berkat usaha berdoa dalam sembahyang, maka Allah Taala telah mengabulkan niat murni tersebut.

Awang Muhammad Limon yang berasal dari Kampong Kiudang, Tutong akan menunaikan fardu haji bersama isterinya, Dayang Nur Aini binti Abdullah Kalau yang juga salah seorang penerima bantuan.

Amalan cara hidup sihat kunci kejayaan

Oleh
Samle HJ

JALAN MUARA. - Mengamalkan dan membudayakan cara hidup yang sihat dan sempurna merupakan kunci kejayaan, di samping menjadikan seorang itu sihat dan cergas.

Salah satu kaedah utama dalam mengamalkan cara hidup yang sihat ialah dengan mempromosikan kesihatan diri sendiri, masyarakat dan alam sekitar.

"Ini bermakna kita mengubah perangai kita dari berperangai pengamal cara hidup yang kurang sihat kepada pengamal cara hidup yang lebih sihat," jelas Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Abdul Latif selaku tetamu kehormat ketika merasmikan Promosi Kempen Kesihatan bagi Matab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) 23 Januari, lalu.

Katanya, warga sekolah mempunyai peluang untuk memainkan peranan yang sangat penting dalam mempromosikan kesihatan diri sendiri, masyarakat

dan negara.

Menurutnya, pengamalan cara hidup sihat bergantung sepenuhnya ke atas individu untuk mengubah perangai kepada yang lebih sihat, cergas, peningkatan akhlak terpuji dan mulia.

"Salah satu tempat yang paling sesuai dan baik untuk menukar perangai buruk serta memupuk dan mengasuh perangai yang mempromosikan kesihatan ialah semasa kita di bangku sekolah lagi," tambah tetamu kehormat majlis.

Sementara itu, MTSSR telah menggariskan lapan projek utama dalam mempromosikan kesihatan dan kempen keselamatan di kalangan warga maktab tersebut sepanjang tahun ini.

Projek-projek termasuk pertolongan cemas, keselamatan tempat kerja, penayangan poster-poster kesihatan dan keselamatan, membersihkan dan mencan-

tikkan kawasan, lawatan-lawatan pendidikan dan aktiviti rekreasi.

Seminar dan bengkel bagi sesi kaunseling dan kempen anti merokok bagi pelajar-pelajar, sesi ceramah berhubung cara hidup sihat menurut Islam merupakan antara projek yang akan dikendalikan di jabatan-jabatan di maktab berkenaan.

Pengetua MTSSR, Awang Haji Mohd. Daud berkata, matlamat maktab ialah bagi membentuk warga sekolah yang mempunyai keseimbangan kesihatan rohani dan jasmani melalui amalan harian dan kurikulum yang bersepadu.

Sempena pelancaran kempen itu, kakitangan dan para pelajar MTSSR telah menjalani pemeriksaan kesihatan dan pada sebelah petangnya mereka telah mengadakan senam robik.

Poster dan tanda-tanda keselamatan dan kesihatan juga didedarkan kepada semua jabatan di maktab berkenaan.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Abdul Latif ketika menyampaikan poster dan tanda-tanda keselamatan dan kesihatan kepada ketua jabatan di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal sempena Promosi Kempen Kesihatan maktab tersebut. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PEGAWAI Ugama Kanan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Norzainah binti Haji Mohd. Tahir ketika menyampaikan sumbangan Majlis Ugama Islam Brunei kepada seorang saudara baru yang akan menunaikan fardu haji tahun ini. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Rencana....

SKIM RINTIS SATUKAN PENDIDIKAN SEKULAR DAN AGAMA

BERMULA 14 Januari lalu program percubaan Skim Rintis Sekolah Sehari Suntut dilaksanakan serentak di 13 buah sekolah rendah dan menengah di negara ini, di samping sekali gus menggabungkan pendidikan agama dan sekolah umum di bawah satu bumbung.

Waktu persekolahan umum bagi sekolah-sekolah yang terlibat dalam skim tersebut bahagian rendah bermula 7.15 pagi hingga 12.30 tengah hari, manakala sebelah petang bagi pengajian agama bermula 1.45 hingga 4.45 petang bagi darjah empat sementara darjah pra hingga darjah tiga bermula jam 2.00 hingga 4.30 petang.

Sementara itu bahagian menengah pula bermula 7.15 pagi hingga 12.30 tengah hari dan sebelah petang bermula 1.45 hingga 4.45 petang.

Konsep pelaksanaan sekolah sehari suntut itu dihasratkan untuk menyatukan pendidikan sekular dan pendidikan agama di bawah satu pentadbiran bersesuaian dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya setiap pelajar mendapat pendidikan seimbang antara duniawi dan ukhrawi.

Rancangan ini sudah lama diura-urakan, tetapi baru kini menjadi kenyataan, kerana Kementerian Pendidikan terpaksa mengambil masa untuk membuat pendekatan mengenainya dengan mengambil langkah yang lebih berhati-hati, menimbang serta meneliti akan kesan-kesan dari sesuatu langkah itu bak kata bidalan 'bertanya supaya tahu, berjalan supaya sampai'.

Dengan penggabungan itu, Jabatan Pengajian Islam,

Kementerian Hal Ehwal Ugama serta para pegawai dan kakitangannya ditempatkan di bawah Kementerian Pendidikan sebagai jabatan yang bertanggungjawab terhadap pendidikan Islam.

Usaha ke arah penggabungan tersebut bermula sejak penubuhan Majlis Pelajaran Kebangsaan pada 28 September, 1999 dengan memberi perhatian supaya usaha untuk menempatkan sekolah-sekolah agama di bawah satu bumbung dengan Kementerian Pendidikan adalah tujuan asal jawatankuasa tersebut ditubuhkan.

Oleh yang demikian tugas guru agama yang dianggap sebagai tonggak untuk kegiatan keagamaan dalam masyarakat dan menjadikan mereka tempat tumpuan perkhidmatan keagamaan, kini diterapkan melalui pendidikan berse-



CIKGU Zaini bin Muhammad tidak menghadapi sebarang masalah ketika mengajar.

padu agar setiap pelajar menjadi insan yang sempurna, mempunyai jati diri yang baik, berilmu, beriman dan berkebolehan.

Dengan ilmu yang dituntut oleh pelajar-pelajar, mereka akan dapat mengimbangi dan tidak mudah dipengaruhi oleh apa jua cabaran yang datang yang boleh merosakkan hidup mereka, bangsa dan negara amnya.

Memang menjadi kebiasaan atau kelaziman setiap pembaharuan yang dilaksanakan itu, walaupun ianya mendatangkan kebaikan namun tidak semua orang boleh menerimanya. Begitu juga dengan Skim Rintis Sekolah Sehari Suntut yang baru dilaksanakan itu. Walhal ianya dapat mem-



Rencana dan gambar-gambar oleh Dk. Hjh Saidah PHOA

bekalkan pelajar-pelajar sebagai perisi untuk memperthahankan diri menghadapi cabaran baru yang datang di luar jangkaan.

Beberapa orang ibu bapa yang ditemui kurang setuju dengan skim yang dilaksanakan itu, terutama mereka yang berpendapatan rendah dan tidak kurang pula yang menyokongnya.

Awang Ismail bin Dollah, seorang buruh di sebuah jabatan kerajaan menyatakan, sejak skim tersebut dilaksanakan beliau terpaksa mencari pendapatan lebih selepas waktu bekerja dengan mengambil upah memotong rumput di rumah jirannya atau memancing ikan semata-mata untuk memenuhi keperluan lima orang anaknya yang terlibat dalam skim tersebut, manakala isterinya pula cuma suri rumah tangga.

"Seorang anak yang mengikuti sekolah sehari suntut ini sekurang-kurangnya diberi belanja tiga ringgit setiap hari untuk pagi dan petang. Bayangkanlah dengan gaji saya yang kecil ini untuk menampung hidup kami sekeluarga tujuh orang mana mampu," keluhnya.

Bagi Awang Muhamad Ridwan bin Abdullah pula, jika sebelum sekolah sehari suntut tersebut diadakan, beliau masih boleh menabung wang gajinya setiap

bulan walaupun sedikit, tetapi kini apabila empat dari tujuh orang anaknya mengikuti skim tersebut, beliau tidak lagi mampu berbuat demikian.

"Saya tidak sampai hati melihat anak saya tidak makan di sekolah, biarlah wang simpanan saya habis asalkan anak saya boleh mengikuti pelajaran," katanya yang bekerja sebagai pengawal keselamatan di sebuah syarikat swasta.

Dayang Salmah binti Bakar pula tidak mempunyai masalah mengenai anaknya yang mengikuti skim tersebut, malah dengan adanya skim tersebut beliau tidak perlu lagi bergegas pulang dari tempat kerja mengambil anaknya balik sekolah.

"Walaupun kini saya terpaksa memberi belanja lebih kepada anak saya dari sebelumnya asalkan dia mendapat ilmu dan tidak membuang masa dengan perkara yang tidak berfaedah," katanya.

Cikgu Zaini bin Muhammad, mengajar di Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin pula tidak mempunyai masalah mengajar. Katanya buat masa ini sekolahnya kekurangan kitab Al-Quran dan buku teks amali. Dari itu setiap murid terpaksa membawa kitab mereka sendiri dari rumah.

Timbalan Pengetua

WALAUPI Skim Rintis Sekolah Sehari Suntut masih bu bagi pelajar-pelajar Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin, Kuala Belait tetapi mereka kelihatan tekun menghadapi pelajaran masing-masing.

RANCANGAN ini sudah lama diura-urakan, tetapi baru kini menjadi kenyataan, kerana Kementerian Pendidikan terpaksa mengambil masa untuk membuat pendekatan mengenainya dengan mengambil langkah yang lebih berhati-hati dengan menimbang dan meneliti akan kesan-kesan dari sesuatu langkah itu bak kata bidalan 'bertanya supaya tahu, berjalan supaya sampai'.

(Pengajian Islam) Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Rashidah, Lumut, Cikgu Haji Bagol bin Awang Tuah juga tidak mempunyai masalah dalam penerimaan pelajar-pelajar skim rintis tersebut. Cuma katanya sebilangan kecil bekalan buku teks tidak mencukupi seperti Tajwid, Risalah Tauhid dan Buku Matlak.

Bagaimanapun buku-buku tersebut telah dipohonkan kepada pihak berkenaan dan untuk sementara waktu, guru-guru berusaha dengan cara memfotostatnya di kedai.

Sementara itu Cikgu Rubiah binti Musa yang mengajar darjah pra menyatakan beliau memang tidak mempunyai masalah mengajar murid-muridnya.

Namun begitu ada di kalangan muridnya kelihatan letih dan mengantuk kerana mereka masih kecil dan belum lagi dapat menyesuaikan diri dengan keadaan.

Bagi pelajar darjah tiga sekolah agama di Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin, Nur Mariah binti Abdul Hassan pula merasa seronok belajar bersama kawan-kawannya. Begitu juga kawannya, Nur Amalina binti Ahmadi.

"Setiap hari saya belanja lima ringgit membeli makanan di kantin sekolah. Ada kalanya berbekal dari rumah," katanya.

Mengulas mengenai pemakanan pelajar-pelajar berkenaan, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz semasa membuat lawatan baru-baru ini ke sekolah yang melaksanakan skim rintis tersebut menyatakan, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa sama ada membekalkan makanan kepada anak-anak mereka ataupun membelinya di kantin sekolah.

Begitu juga ketahanan pelajar dalam menerima pelajaran, kata Yang Berhormat, tidak mendatangkan masalah kerana ianya perkara biasa dan bukan sahaja dipraktikkan di negara ini, malah di negara-negara lain lebih dahulu melaksanakannya.

Dari itu terpolanglah kepada pelajar dan ibu bapa memikirkannya seperti 'memalu ular dalam benih; ular biar mati, benih jangan rosak'.



'ALAH bisa, tegal biasa,' begitulah keadaannya bagi pelajar darjah tiga sekolah agama di Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin Kuala Belait, Nur Mariah binti Abdul Hassan dan Nur Amalina binti Ahmadi serta kawan-kawannya yang mengikuti Skim Rintis Sekolah Sehari Suntut.



SKIM Rintis Sekolah Sehari Suntut mula dilaksanakan secara serentak pada 14 Januari lalu di 13 buah sekolah rendah dan menengah di negara ini.

84 pegawai, kakitangan Kementerian Pendidikan menunaikan haji

BERAKAS. - Seramai 84 orang pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan akan menunaikan haji tahun ini melalui perkhidmatan penerbangan dan pengendali pakej haji yang diiktiraf oleh kerajaan.

Bagi memberkati pemergian bakal-bakal jemaah haji itu, Majlis Doa Kesyukuran diadakan oleh kementerian tersebut yang diadakan di kementerian berkenaan pada 24 Januari lalu.

Hadir di majlis itu termasuklah Setiausaha-setiausaha Tetap kementerian

Oleh Abdullah Asgar

berkenaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud.

Majlis juga diteruskan dengan sumbangan ikhlas kepada bakal-bakal jemaah haji yang berupa wang dan buku-buku panduan menunaikan ibadat haji.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bersama-sama para pegawai kanan yang lain ketika hadir di Majlis Doa Selamat Meraikan Bakal Jemaah Haji Kementerian Hal Ehwal Ugama. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Doa selamat bagi jemaah haji Kementerian Hal Ehwal Ugama

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS. - Seramai 23 orang pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang bakal menunaikan ibadat haji tahun ini diraikan dalam Majlis Doa Selamat bagi memberkati pemergian mereka.

Juga diraikan ialah lapan orang pegawai dan kakitangan perhubungan haji yang akan bertugas di sepanjang musim haji di Mekah dan Madinah serta di tempat-tempat yang bersangkutan bagi memastikan kesejahteraan bakal-bakal haji negara ini.

Majlis yang berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Ugama itu dihadiri oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal

Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim yang kemudiannya menyempurnakan penyampaian cenderahati kepada bakal-bakal haji kementerian tersebut pada 24 Januari yang lalu.

Memulakan majlis petang itu ialah bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai diikuti dengan bacaan Surah Yaasiin.

Misi Jabatan Penerangan memberi maklumat dan kesedaran

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS. - Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin berkata, misi Jabatan Penerangan bukan hanya sekadar menyalur atau menyebarkan maklumat melalui media cetak seperti PELITA BRUNEI dan komunikasi bersemuka dengan masyarakat di negara ini, malahan adalah untuk memberi kesedaran kepada rakyat dan penduduk di negara ini mengenai peranan dan usaha-usaha kerajaan ke arah kebajikan, kesejahteraan dan keselamatan.

Abd. Ghani membuat penjelasan tersebut semasa menerima lawatan serombongan pelawat yang terdiri daripada para pegawai

dan anggota Pasukan Polis Kawalan Istana Nurul Iman ke Jabatan Penerangan pada 23 Januari lalu di sini.

Beliau menjelaskan, melalui kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Per-tuan Negara Brunei Darus-salam telah berjaya mengangkat kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini dan merupakan antara yang terbaik dalam kebanyakan negara di dunia.

Terdahulu dari itu, rombongan yang diketuai oleh Inspektur Eunus bin

Doughty telah diberi taklimat mengenai struktur dan peranan Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Ketua Unit Media, Awang Kassim bin Haji Abdul Rahman.

Selain mendengar taklimat dan beramah mesra bersama Pengarah Penerangan, rombongan pelawat juga berkesempatan untuk meninjau secara dekat Bahagian Akhbar dan Bahagian Fotografi.

Seorang ahli rombongan, Koperal 1291 Awang Amba bin Lazim melahirkan perasaan terima kasih kerana walaupun masanya singkat, mereka telah ba-

nyak memperoleh maklumat-maklumat baru.

Katanya, maklumat yang diperolehi tidak akan disia-siakan, malahan akan dikongsi bersama dengan masyarakat yang lain yang belum tahu mengenai fungsi dan peranan Jabatan Penerangan terutama dari segi fungsinya kepada masyarakat dan orang ramai.

Beliau yang mewakili rombongan dengan perasaan gembira mengucapkan syabas kepada Jabatan Penerangan kerana fungsi jabatan itu yang bukan saja untuk memberi penerangan tetapi menyeluruh terutama menyalurkan informasi

untuk diterima oleh orang ramai selama ini.

Bagi pandangan Awang Amba lagi, jabatan-jabatan lain patut mengambil contoh atas lawatan tersebut kerana pelbagai informasi yang boleh diperolehi.

"Dan lagi mungkin tahun-tahun yang akan datang mereka dari Pasukan Polis Diraja Brunei khasnya Istana Nurul Iman berharap akan dapat melawat jabatan tersebut memandangkan adanya perubahan-perubahan dan informasi terkini yang akan mereka perolehi," saran beliau.



SETIAUSAHA-SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar dan Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim ketika hadir di Majlis Doa Kesyukuran bagi bakal-bakal jemaah haji Kementerian Pendidikan. - Gambar oleh Harun HR.



PENGARAH Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin menerima cenderamata dari Pasukan Polis Kawalan Diraja Istana Nurul Iman. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



PENGARAH Penerangan, Abd. Ghani dan para pegawai Jabatan Penerangan beramah mesra bersama serombongan pelawat yang terdiri daripada para pegawai dan anggota Pasukan Polis Kawalan Diraja Istana Nurul Iman yang membuat lawatan ke Jabatan Penerangan. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



ROMBONGAN pelawat berkesempatan meninjau secara dekat Bahagian Fotografi Jabatan Penerangan. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin ketika mengadakan perbincangan semasa mengunjungi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika mengunjungi kediaman Ketua Kampong Lorong Tiga Selatan, Seria merangkap Penghulu Mukim Seria, Orang Kaya Indera Perkasa Awang Haji Zolkeflee bin Abdullah.

Lawatan kerja ke Daerah Belait

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hj. Saidah PHOA

KUALA BELAIT. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin telah membuat lawatan kerja ke Daerah Belait pada 23 Januari lalu.

Yang Mulia Dato Seri Paduka mula-mula singgah ke kediaman Ketua Kampong Lorong Tiga Selatan, Seria merangkap Penghulu Mukim Seria Orang Kaya Indera Perkasa Awang Haji Zolkeflee bin Abdullah di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lorong Tiga Selatan, Seria.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga mengadakan rundingan singkat bersama ketua kampung mengenai kemajuan asas prasarana di kawasan berkenaan.

Lawatan tersebut bertujuan bagi meninjau tapak-tapak serta pelan pelaksanaan projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 di bawah Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.

Antara yang hadir semasa lawatan itu, Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail; Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Abdul Majid bin Alias, pegawai-pegawai kanan kerajaan yang lain dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kam-

pung Pekan Seria.

Menurut ketua kampung, keramaian penduduk di Mukim Seria melalui banci penduduk 1991, seramai 21,283 orang, manakala STKRJ termasuk berek-berek di kawasan yang melebihi empat ribu orang dan jumlah rumah pula 224 buah serta berek melebihi 400 pintu.

Dari sana, Yang Mulia Dato Seri Paduka seterusnya melawat ke Pasar Baru Seria yang terletak di Jalan Lorong Tiga Selatan yang terkandung dalam RKN Ke-6. Pembinaan pasar tersebut dimulakan pada



YANG Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin meninjau lebih dekat bahagian menjual sayur-sayuran, buah-buahan dan ikan di Pasar Baru Seria.

bulan Ogos 1995 dan siap sepenuhnya pada bulan September 1996.

Pasar dua tingkat itu dilengkapi dengan pelbagai kemudahan antaranya bangku bagi menjual daging dan ayam, sayur, ikan dan keperluan harian sebanyak 117 buah, manakala tingkat atas pula disediakan ruang pejabat, kantin, surau dan tandas awam.

Pasar yang mempunyai keluasan 28,336 meter persegi itu juga menyediakan kawasan letak kereta yang boleh menampung 260 buah. Ianya dibina bagi

menggantikan pasar lama yang dibina pada tahun 1953.

Sungguhpun pasar baru berkenaan mempunyai reka bentuk yang menarik, selesa dan termoden di negara ini namun ianya tidak mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung sehingga beberapa orang penjual terpaksa meninggalkan dan menutup bangku jualan mereka.

Dari sana Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri melawat mangsa kebakaran Berek Lorong Tiga Selatan, Seria yang kini ditempatkan sementara di berek kerajaan di Jalan Bolkiah, Seria. Selain itu sebilangan mereka ada yang ditempatkan di Rumah Persinggahan Kerajaan Kuala Belait. Kawasan terabit juga dilanda banjir kilat pada 3 Januari lalu dan menjejaskan 13 buah keluarga.

Keadaan banjir di kawasan itu dianggap paling buruk dalam beberapa tahun dengan mencatatkan ketinggian paras air sehingga satu meter.

Menurut Ketua Kampong STKRJ, kejadian banjir tersebut antara lain berpunca daripada sistem saluran perparitan yang



tersumbat kerana sampah sarap dan tanah yang terdapat di dalamnya menyekat air daripada mengalir.

Selubung dengan itu, beliau menyeru orang ramai supaya menjaga kebersihan alam sekitar dengan tidak membuang sampah sarap sewenang-wenangnya di merata-rata tempat. Begitu juga pihak pemaju, beliau mengingatkan mereka agar tidak cuai melakukan kerja mengangkut dan menembuk tanah.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri se-

terusnya mengunjungi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria. Di sana Dato Seri Paduka mendengar taklimat oleh Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria mengenai fungsi, struktur, misi dan rancangan masa depan jabatannya.

Dalam taklimatnya, antara lain menyentuh mengenai penyediaan tapak projek Pasar Baru Kuala Belait dan pembinaan kawasan letak kereta terbuka Kuala Belait Fasa II.

Persinggahan terakhir

Yang Mulia Dato Seri Paduka ke Pasar Kuala Belait yang baru diubahsuai dengan harga \$300 ribu. Projek berkenaan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dimulakan pada tahun lalu dan siap sepenuhnya pada 15 Januari lepas.

Sebelum peniaga-peniaga yang terlibat di pasar itu dipindahkan semula ke tempat asal mereka, beberapa siri taklimat telah diadakan di antara Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria dengan beberapa agensi yang lain serta semua peniaga yang terlibat.



YANG Mulia ketika berbual bersama seorang mangsa kebakaran Berek Lorong Tiga Selatan, Seria yang kini ditempatkan sementara di berek kerajaan, Jalan Bolkiah.



YANG Mulia bersama Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Harun dan pegawai-pegawai kanan kerajaan semasa melawat Pasar Baru Seria.

ARENA SUKAN

Brunei tundukkan ATM 2 - 1

Oleh Abdullah Asgar

SKUAD Negara Brunei Darussalam seharusnya berterima kasih kepada pemain pertahanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Mohd. Fadil Amon yang menjaringkan gol sendiri sekali gus memberi kemenangan percuma kepada pasukan negara.

Dalam pertemuan itu, pasukan negara mencapai kemenangan 2 - 1 pada perlawanan pembuka tirai setelah mengalahkan ATM di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 27 Januari lalu.

Kemenangan pertama itu memberikan mata penuh seperti yang diharapkan oleh jurulatih Mike Lyons dan pihak BAFA (Brunei Amature Football Association) sendiri.

Walaupun pasukan negara lebih banyak menguasai permainan hampir 80 peratus bermula dari separuh masa pertama, namun gandingan Awangku Mohd. Sharom, Marcus Stuart Phillips dan Raphael Patron Akakpo masih buntu untuk menjaringkan gol.

Peluang menjaringkan gol memang banyak tetapi ketangkasan penjaga gawang ATM, Abdul Rahman Baba juga harus diberi pujian kerana banyak menyelamatkan percubaan dari penyerang-penyerang skuad negara yang diketuai oleh Raphael Patron Akakpo hingga beliau sendiri terlepas peluang yang hanya berdepan dengan penjaga gol ATM di minit ke-19.

Serangan cantik Brunei semuanya itu tidak berjaya untuk menghasilkan gol, cuma di awal-awal permainan gol 'off-side' yang dibuat oleh Raphael Patron Akakpo membuat ATM gamam sebentar di sebalik tepukan penyokong yang menyangkakan gol, malangnya penjaga tepi telah mengangkat bendera lebih awal kerana salah seorang pemain tuan rumah berada di posisi 'off-side'.

Pasukan ATM di separuh masa pertama juga sekali-sekala membuat Mohd. Wardun Yusoff bekerja keras untuk mengawal gawangnya dari dibolosi dengan 'caunter attack' atau serangan mengejut yang dirancang tetapi tidak berhasil menjaringkan gol.

Di separuh masa kedua penguasaan permainan pasukan kebangsaan amat ketara kerana pada minit ke-66 Raphael Patron Akakpo yang disangkakan 'off-side' berjaya menggegarkan jaring ATM dengan rembatan mudah kaki kanannya.

Namun kegembiraan itu tidak lama kerana tandukan pemain gantian ATM, Mohd. Zahid Hashim menyamakan kedudukan yang belum sampai dua minit Negara Brunei Darussalam meraikan gol.

Dalam kedudukan hampir seri itu menyemarakkan semangat Pasukan ATM untuk mencuri satu mata di tempat lawan dengan hanya bertahan tetapi 'caunter attack' mereka juga sekali-sekala merisaukan penjaga gol Brunei dan memaksa pemain pertahanan pasukan kebangsaan bekerja lebih keras mengawal penyerang ATM.

Di minit-minit akhir melalui hantaran Awangku Sallehuddin dari tepi kepada Marcus Stuart Phillips ditanduk masuk oleh Mohd. Fadil Amon, pemain pertahanan ATM yang bertujuan untuk menyelamatkan keadaan, tetapi sangkaannya meleset kerana penjaga golnya sudah jauh keluar dan gagal menangkap bola terus masuk ke gawang sendiri di minit ke-88 memberikan kemenangan kuad negara dengan jaringan 2 - 1.

Sementara itu jurulatih Mike Lyons tetap berpuas hati dengan kemenangan itu kerana hasratnya sudah tercapai mengutip mata penuh di perlawanan pembuka tahun ini.

Beliau memberitahu PELITA BRUNEI sejourus tamat perlawanan, pasukan negara seharusnya banyak menjaringkan gol tetapi semua sia-sia kerana penyudah yang kurang berkesan.

Menang, seri diberi insentif bonus

Oleh Samie HJ

Haji Abdul Razak itu terkandung dalam perjanjian kontrak yang ditandatangani antara pemain-pemain dengan Persatuan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (BAFA), 25 Januari lalu.

Di bawah perjanjian itu, para pemain akan diberikan elaun bulanan dan harian sepanjang kontrak selama setahun, di samping melarang mereka untuk beraksi dalam sebarang kejohanan lain atau mewakili kelab lain di dalam atau di luar negara kecuali menerima persetujuan bertulis dari BAFA.

Naib Presiden II BAFA, Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran DSLJ Haji Abas hadir menandatangani bagi mewakili BAFA dengan para pemain yang dan disaksikan oleh Setiausaha Agung BAFA, Pengiran Haji Metussin.

Pengiran Haji Ali Hassan berkata, para pemain perlu memberi sokongan, di samping mempunyai disiplin terutama sepanjang latihan dan perlawanan.

"Pemain yang terpilih merupakan satu penghormatan kepada negara di

mana sumbangan itu sangat dihargai," jelasnya di Majlis Penandatanganan Perjanjian di antara BAFA dengan pemain bagi kejohanan Liga Perdana Malaysia musim 2002.

Seramai 20 pemain termasuk dua pemain import, Raphael Patron Akakpo dan Marcus Stuart Phillips terpilih menyurugi jersi kebangsaan musim ini.

Dua tonggak negara Haji Hassan Haji Damit dan Haji Khairul Haji Md. Yaakub yang pernah beraksi mewakili Pasukan BAFA II, Pra Piala Dunia dan pasukan Remaja Brunei turut menandatangani perjanjian.

Pemain lain yang terpilih termasuk dua penjaga gol, Jeffrey Mohammad dan Mohd. Wardun Yusoff, Mohd. Shaiful Aznee Zaini, Awangku Sallehuddin, Shahrin Hairul, Fadlin Galawat, Riwardi Wahid, Mohd. Subhi dan Awangku Mohd. Shahrom.

Juga menandatangani ialah Rosmin Haji Mohd. Kamis, Mohd. Radzi Tamat, Radiman Haji Abdul Rahman, Mohd. Saiful Rizal Awang, Abang Nor Sillmy, Shahrul Rizal Haji Abdul Rahman, Irwan Mohammad dan kedua-dua pemain im-



BERANGKAT ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan kerabat-kerabat diraja yang lain berangkat menyaksikan Kejohanan Bola Sepak Liga Perdana Dua antara Negara Brunei Darussalam dengan Angkatan Tentera Malaysia. - Gambar oleh Hamadi HM.

Negara sertai Kejohanan Bola Sepak ASEAN di Kemboja

Oleh Aliddin HM

NEGARA Brunei Darussalam akan menyertai Kejohanan Bola Sepak ASEAN belia di bawah umur 20 tahun yang diadakan di Kemboja bermula 21 Januari hingga 3 Februari depan.

Sehubungan dengan itu, serombongan 18 orang pemain dan lima orang pegawai termasuklah seorang pengadil berlepas meninggalkan negara ini menuju ke Kemboja pada 20 Januari yang lalu.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas bagi mengucapkan selamat belayar kepada pasukan negara ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digaong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain yang juga selaku Presiden BAFA dan Naib Presiden II BAFA, Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas.

Sebelum pasukan negara berlepas, Yang Berhormat telah menyerahkan bendera kebangsaan kepada ketua rombongan yang juga Pengerusi Pasukan Negara Brunei Darussalam, Pengiran Haji Muhammad Waslimin bin PSJ Pengiran Haji Abdul Momin.

Kejohanan selama dua minggu itu disertai oleh 10 buah negara anggota ASEAN dan Negara Brunei Darussalam ditempatkan dalam kumpulan 'B' bersama-sama dengan pasukan negara tuan rumah, Kemboja, Laos, Viet Nam dan Republik Filipina.

Pengurus pasukan, Pengiran Haji Muhammad Waslimin ketika ditemui memberitahu wakil PELITA BRUNEI bahawa peluang pasukan Negara Brunei Darussalam yang ditempatkan dalam kumpulan 'B' amat selesa untuk mara ke separuh akhir.

Jika pasukan negara menunjukkan prestasi yang baik dan cemerlang katanya, peluang untuk menduduki tempat kedua agak cerah.

Sebelum ini pun tambahnya, pasukan negara telah didedahkan dengan latihan pusat selama tiga minggu secara intensif dan kebanyakan pemain di bawah 20 tahun ini adalah pemain dari kelab tempatan yang sudah mempunyai pengalaman dalam sebarang kejohanan.



MARCUS Stuart Phillips terpilih menyurugi jersi kebangsaan musim ini. Gambar atas ketika pemain import itu menandatangani perjanjian sambil disaksikan oleh Naib Presiden II BAFA, Pengiran Haji Ali Hassan dan Setiausaha Agung BAFA, Pengiran Haji Metussin. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.



KERJA KERAS ... Pertahanan ATM cuba merampas bola yang dikawal oleh Awangku Mohd. Shahrom Pengiran Haji Ismail. - Gambar Hamadi HM.

Utusan tahniah

Dari muka I

Di hari yang sama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan Kocheril Raman Narayanan, Presiden Republik India dan Tuan Yang Terutama Tuan Atal Bihari Vajpayee, Perdana Menteri Republik India bersempena Ulang Tahun Hari Pengisytiharan Republik India.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik India. Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Presiden Kocheril Raman Narayanan sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik India akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Tuan Atal Vajpayee, Perdana Menteri Republik India, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Republik Rakyat India sempena Ulang Tahun Hari Pengisytiharan Republik India.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik India. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Tuan Atal Bihari Vajpayee, Perdana Menteri Republik Rakyat India sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik India akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Republik Indonesia, Yang Berhormat Bapak Haji Matori Abdul Djailil di Istana Nurul Iman.

Menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Republik Indonesia, Yang Berhormat Bapak Haji Matori Abdul Djailil di Istana Nurul Iman pada 29 Januari lepas.

Di majlis itu, Yang Berhormat Menteri Pertahanan Republik Indonesia diiringi oleh Direktur Jenderal Strategi Pertahanan Departemen Pertahanan Republik Indonesia, Mayor Jenderal TNI Sudrajat, MPA, Sekretaris Menteri Pertahanan Republik Indonesia, Brigadir Jenderal TNI Prasetyo MSc, Karo TU/dan Duta Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, TYT Tuan Rahardjo Djojonegoro.

Juga hadir di majlis itu ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair.

PetroleumBRUNEI didaftarkan

Dari muka I

- i. Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri
- ii. Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan.
- iii. Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan.

- iv. Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.
 - v. Ketua Eksekutif, PetroleumBRUNEI.
 - vi. Naib Presiden/Pengurus Umum PetroleumBRUNEI.
 - vii. Penolong Naib Presiden/Penolong Pengurus Umum, Jabatan Komersil dan Perancangan Strategik, PetroleumBRUNEI.
 - viii. Penolong Naib Presiden/Penolong Pengurus Umum, Jabatan Eksplorasi dan Penguasaan, PetroleumBRUNEI.
 - ix. Dua orang ahli pakar daripada sektor swasta.
- Lembaga Pengarah adalah dijadikan badan pentadbir (governing body) PetroleumBRUNEI dengan bertanggungjawab antara lain ke atas perkara-perkara berikut:
- i. Pembentukan dasar hulu dan hiliran petroleum.
 - ii. Lantikan-lantikan ke jawatan pengurus dan jawatan-jawatan yang lebih tinggi.
 - iii. Peruntukkan Perbelanjaan Kapital dan Operasi.
 - iv. Penyusunan struktur korporat dan penandatanganan perjanjian.
 - v. Memastikan syarikat dijalankan menurut aturan di bawah

Memorandum dan Articles of Association syarikat dan Brunei National Petroleum Company Order.

vi. Berkuaasa ke atas Peraturan-peraturan Pentadbiran misalannya Peraturan Perkhidmatan dan sebagainya.

Ke arah merencanakan rancangan kerja jangka masa pendeknya, objektif-objektif utama PetroleumBRUNEI adalah seperti mana berikut:

- i. Penumpuan kepada pasaran dalam negeri dan mengenal pasti serta meneliti peluang pelaburan dalam masa pendek.
- ii. Memajukan 'data base' industri petroleum tempatan.
- iii. Meningkatkan keupayaan 'in-house' dari segi sumber tenaga manusia dan teknologi dengan mengenal pasti keupayaan-keupayaan yang ada dan keperluan meningkatkan (upgraded) serta mendapatkan (acquired) keupayaan-keupayaan baru dan tambahan.
- iv. Melaksanakan langkah bagi memudahkan peralihan peranan kepada etika kerja komersil melalui kursus/seminar 'in house' mengenai metodologi dan teknik pengurusan komersil dan 'man-management'.
- v. Memajukan teknologi maklu-

mat melalui pengenalan 'software' baru yang dapat membantu di dalam proses-proses kerja.

vi. Bagi peranan antarabangsa, membuat langkah-langkah permulaan dalam mendapatkan dan mengumpul 'business intelligence' bagi membolehkan pengubalan rancangan strategik dan mengenal pasti peluang-peluang urus niaga dan 'major international players'.

PetroleumBRUNEI juga sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah juga memperkenankan dengan berfungsinya Lembaga Pengarah Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei, maka langkah-langkah akan diambil ke arah pembubaran Lembaga Minyak dan Gas Brunei. Di samping itu juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga memperkenalkan agar Unit Petroleum, Jabatan Perdana Menteri mengambil langkah-langkah yang perlu ke arah pembubaran jabatan berkenaan dan seterusnya bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Unit Petroleum dipindahkan kepada PetroleumBRUNEI.

Sembah Ucapan Hari Puja Usia

Oleh Zubaidah HS

JERUDONG. - Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam telah berkenan menerima mengadap serombongan 21 orang para isteri perwakilan asing ke negara ini di Istana Nurul Izzah, Jerudong.

Rombongan yang diketuai oleh isteri Duta Besar Kesultanan Oman, Puan Fauziah Mohamed telah menyumbangkan seimbangan bunga dan seterusnya menyebarkan ucapan Selamat Puja Usia ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia yang jatuh pada 29 Januari.

Antara para isteri per-

wakilan asing yang hadir di Majlis Mengadap itu ialah dari negara-negara ASEAN, Kanada, Australia, Republik Perancis, Republik Rakyat China, Republik Korea, Australia, Arab Saudi, Pakistan, India dan Bangladesh.

Berangkat sama di majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah.

Sementara itu pada malam 28 Januari, Duli

Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam telah berkenan berangkat ke Masjid Al-Ameerah Al-Hajah Maryam bagi sama-sama bersembahyang Maghrib dan lisyak berjemaah dan seterusnya Majlis Dou Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia yang dianjurkan oleh Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam merupakan Penasihat Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam.



SELAMAT PUJA USIA.... Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima mengadap dan bergembira bersama serombongan para isteri perwakilan asing ke negara ini sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia yang berlangsung di Istana Nurul Izzah, Jerudong. Berangkat sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah.

Dari muka I

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan putera baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah dari bakal jemaah haji lelaki.

Sementara itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah bakal jemaah haji wanita di ruang istana yang lain.

Seperti juga di tahun-tahun lepas selesai sahaja junjung ziarah bakal jemaah haji juga menerima kurnia kain ihram bagi bakal jemaah haji lelaki dan telekung bagi jemaah wanita.

Terdahulu bakal-bakal jemaah haji juga disajikan dengan jamuan tengah hari dan menunaikan sembahyang fardu Zuhar berjemaah di Istana Nurul Iman.

Dari jumlah keseluruhan 1,331 bakal jemaah haji negara ini yang akan menunaikan fardu haji ke Tanah Suci Mekah bagi musim haji 1422 Hijrah/2002 Masihi, seramai 665 orang adalah jemaah lelaki dan 666 orang lagi terdiri daripada jemaah wanita.

Pemergian bakal-bakal jemaah haji ke Tanah Suci sebahagiannya mengikut Pakej Darussalam Holdings, manakala sebahagian lagi melalui agensi-agensi pengembaraan yang lain.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Urusan Haji terus memainkan perannya bagi memastikan bakal-bakal jemaah haji negara ini cukup bersedia untuk menunaikan Rukun Islam yang kelima itu dengan memberikan kursus-kursus yang berkaitan termasuk latihan amali haji bagi membantu mereka mengerjakan Rukun Haji dengan lebih sempurna dan teratur.

Bagi melicinkan lagi pengurusan jemaah haji negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menghantar Pegawai-pegawai Perhubungan Haji, di samping pegawai-pegawai dan kakitangan kesihatan termasuk para doktor.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Tuan Jean-Pierre Lafosse, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam pada 28 Januari lepas (gambar atas).

Tuan Yang Terutama Tuan Jean-Pierre Lafosse akan menamatkan perkhidmatannya sebagai Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam. Majlis Mengadap diadakan di Istana Nurul Iman. Juga hadir di majlis tersebut ialah Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

SELAMAT MENUNAIKAN IBADAT HAJI

دتريتكن اوله جياتن قراغن، جياتن قردان منري دان دچيت اوله جياتن فرچيتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Budaya dan pemikiran masyarakat masa kini menjana pembangunan ummah

HARI ini kita telah dihadapkan dan dipertontonkan dengan pelbagai corak dan gaya kehidupan yang canggih dan 'up-to-date' sehingga ada di antaranya menjadi budaya dan ikutan serta cara hidup masyarakat. Budaya yang baik seperti sifat bermuafakat, tolong-menolong, budaya santun, budaya perkahwinan sihat, budaya berfikir dan bertindak secara sihat boleh dijadikan garis panduan bagi kehidupan harian.

Ada pula setengah budaya itu 'sakit mata memandang' dan carca-marba, seperti budaya yang ditiru dari luar (sudah tentu budaya kuning), budaya yang tidak sihat yang masih diamalkan oleh sesetengah masyarakat (budaya lama yang negatif yang bertentangan dengan agama dan akidah) perlu dijauhkan dan dihindarkan. Kalau tidak pening kepala memikirkannya.

Namun perkembangan budaya ini sangat menarik untuk dibincangkan terutama bagi pencinta budaya/sastera, ahli ilmunan, orang ramai dan media masa. Persoalannya apakah budaya Melayu sudah mulai susut nilai kualitasnya atau masyarakat itu sudah berubah selera dan pandai pula memilih dan menilai? Banyak perubahan telah berlaku, seiring dengan perubahan masa dan zaman, terutama dengan gelodak era komunikasi global. Pelbagai budaya muncul selepas budaya kuning. Kini budaya komputer, budaya internet, budaya 'game' dan budaya 'chi-chat', budaya VCD, budaya lepak sudah menular. Entah apa budaya lagi yang akan timbul.

Kecanggihan ilmu dan kepantasan gelodak era teknologi maklumat banyak mencabar keutuhan jati diri budaya sendiri. Tapi harus diingat perubahan budaya ke arah positif amat baik dan dialu-alukan. Sedikit demi sedikit budaya dan pemikiran yang tidak seialiran dengan pembangunan minda terpisah dan tersisih dengan sendirinya. Tanpa disedari, pemakaian budaya kolot dan ketinggalan zaman sudah mula dilupakan. Namun intisari dari perubahan itu tidak menghapuskan langsung teras budaya Melayu.

Pentakrifan budaya menurut Kamus Dewan ialah tamadun, peradaban, kemajuan (akal budi). Jadi makna dan erti budaya itu sudah mencerminkan taraf pencapaian, perilaku, tatacara kehidupan sesebuah masyarakat yang bertamadun. Perkembangan budaya yang sihat lagi dinamik menunjukkan keutuhan dan keunggulan sesuatu bangsa. Tapi ukuran maju mundur sesuatu bangsa tidaklah bergantung dengan peningkatan dan kemajuan budaya itu sendiri, tetapi meliputi pelbagai aspek terutama dari segi peningkatan ilmu, cara berfikir, cara bertindak dan juga cara melaksanakan/mengurus/mentadbir kehidupan seharian.

Di dalam Al-Quran dan Hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam jelas terdapat perkataan tamadun (masyarakat bertamadun, sekarang lumrah dipanggil masyarakat madani), akal dan adab. Semua itu menjurus kepada kebaikan dan kemajuan dari segi akhlak dan keperibadian seseorang itu. Jadi kalau dilihat pengertian budaya itu amat luas dan mendalam. Ia merupakan furu' dari ajaran agama itu sendiri. Yang lebih tepatnya budaya itu sebahagian dari adab atau peradaban Islam. Adab itu sendiri merupakan sebahagian dari pakaian Islam seperti firman Allah (Al-Qalam ayat 4) yang tafsirannya :

"*Sesungguhnya engkau (ya Muhammad) atas akhlak (adab) yang agung.*"

Begitu juga maksud hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud :

"*Sesungguhnya aku (Muhammad) diutus untuk menyempurnakan akhlak (adab) yang mulia.*"

Peradaban dan budaya Melayu itu sendiri banyak bersumberkan dari intisari ajaran Islam itu sendiri sebab itu kita lihat orang tua-tua Brunei, mereka itu mempunyai peradaban yang halus/sopan dan cantik dipandang mata seperti hormat-menghormati di antara satu sama lain.



GAMBAR HIASAN ... Berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitikberatkan ajaran agama Islam, keutuhan kebudayaan dan adat resam masyarakat Brunei yang sihat, menjadikan masyarakat Brunei dipuji oleh masyarakat dalam dan luar negara.

Yang tua dihormati dan yang kecil disayangi. Yang sakit diziarahi dan yang miskin/susah ditolongi, dan disedekahi. Sifat dan budaya begini merupakan anjuran agama Islam. Peradaban sangat cantik ini membuatkan masyarakat Brunei mempunyai jati diri tersendiri yang amat diharagai oleh orang asing. Ini bersesuaian dengan maksud hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam :

"*Bermula ilmu itu berserta adab, siapa yang tiada beradab tiada ilmu baginya walaupun ia alim (berilmu) sekalipun.*"

Jelas di sini, tuntutan adab (peradaban) dalam Islam sangat tinggi. Adab itu merupakan nilai tinggi ilmu seseorang itu. Adab mencerminkan tingkah laku, keperibadian dan akhlak seseorang. Yang berilmu akan menjaga adab ilmu. Semua peringkat manusia kena menjaga adab mere-

DALAM mengejar kemajuan dan kegilaan gelojak komunikasi maklumat, jangan lupa budaya dan jati Brunei yang asli. Budaya santun, budaya tinggi nilai budi mesti dipertahankan supaya masyarakat Brunei terus dihormati dan dipandang tinggi. Kejatuhan sesuatu bangsa atau negara apabila mereka tidak lagi mempunyai identiti kebudayaan, harga diri dan lupa dengan ajaran agama Islam. Walaupun mereka maju dari segi pembangunan infrastruktur dan mempunyai kekayaan dari segi material, itu semua tidak bermakna dan sia-sia sahaja.

OLEH IBNU UMAR

ka masing-masing. Itulah hakikat ilmu, semakin orang itu beradab semakin orang itu berilmu.

Peranan ilmu dalam menterjemahkan budaya sihat merupakan jalinan yang sihat terutama di era dunia teknologi maklumat. Kematangan berfikir masyarakat hari ini akan menjana hala tuju kemajuan dan pembangunan negara. Budaya sihat seperti budaya membaca/ilmu, budaya berfikir, budaya bertindak/bekerja, budaya berkeluarga/bermasyarakat adalah aset yang penting untuk menjadikan negara disegani dan digalati oleh masyarakat dunia, di samping akan menarik ramai pelancong datang ke Negara Brunei Darussalam.

Dalam mengejar kemajuan dan kegilaan gelojak komunikasi maklumat, jangan lupa budaya dan jati Brunei yang asli. Budaya santun, budaya tinggi nilai budi mesti dipertahankan supaya masyarakat Brunei terus dihormati dan dipandang tinggi. Kejatuhan sesuatu bangsa atau negara apabila mereka tidak lagi mempunyai identiti kebudayaan, harga diri dan lupa dengan ajaran agama Islam. Walaupun mereka maju dari segi pembangunan infrastruktur dan mempunyai kekayaan dari segi material, itu semua tidak bermakna dan sia-sia sahaja.

Yang jelas tidak semua budaya itu bersumber dari agama. Budaya yang bersandar dan terikat dengan agama yang boleh menjuruskan kepada takwa dan iman. Sebab itu kalau kita baca dan dengar sejarah/cerita ulama-ulama salaf dan wali-wali Allah, mereka menekankan adab dalam amalan kehidupan seharian seperti menjaga adab ilmu, adab kepada Allah, adab waktu ibadah, adab keluarga, adab jemaah dan sebagainya. Setiap gerak laku mereka sentiasa dilindungi dengan peradaban Islam yang cantik. Bila berbicara atau bergaul dengan masyarakat, mereka sentiasa menjaga lidah dan tingkah laku, sentiasa bersifat tawaduk, merendah diri, memuliakan tetamu dan menghormati orang lain serta juga sentiasa bersifat terbuka dan positif. Mereka adalah golongan orang yang bertakwa seperti firman Allah yang tafsirannya :

"*Sesungguhnya yang mulia di antara kamu di sisi Allah ialah yang bertakwa dari golongan kamu.*"

Budaya yang tidak bercanggah dengan ajaran agama merupakan budaya yang disanjung tinggi. Budaya dan cara berfikir yang menghampirkan kepada sifat takwa terhadap Allah harus diikuti supaya kehidupan beragama dan bermasyarakat dapat dipertahankan.

Walau bagaimanapun, semua pihak kena waspada dan berhati-hati supaya budaya yang tidak sihat seperti yang menular dalam masyarakat hari ini harus ditangani dengan bijaksana. Kegilaan para remaja terikut-ikut budaya barat, pergaulan bebas, sifat negatif boleh merosakkan masyarakat dan negara. Sesetengahnya membesarkan budaya (memperingati Hari Kekasih umpamanya) yang tidak berasal dari agama Islam akan merosakkan masyarakat. Jika hendak menyambutnya tidak semestinya pada hari tertentu. Buatlah sesuatu dengan niat yang ikhlas supaya segala yang dilakukan dapat manfaat dan berguna.

Budaya yang sihat, pemikiran yang positif akan menjana pembangunan negara. Keharmonian bermasyarakat, sifat hormat-menghormati budaya masyarakat lain menjadi teras perpaduan masyarakat dan negara, dan menjadikan masyarakat Brunei dihormati dan dipuji oleh masyarakat dalam dan luar negara. Ini semua berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara yang menitikberatkan ajaran agama Islam, keutuhan kebudayaan dan adat resam masyarakat Brunei yang sihat.

SASTERA DAN BUDAYA

Kritikan cerpen 'Thank You' karya Rahimi A. B. melalui pendekatan sosiologi

PENGENALAN

DALAM kertas kerja ini saya akan membuat analisis mengenai cerpen 'Thank You' karya Rahimi A. B. atau nama sebenarnya Ampuan Brahim bin Ampuan Haji Tengah. Beliau selalunya menyentuh mengenai hal kemasyarakatan contohnya dalam novel beliau 'Pamor', tema yang dikemukakan adalah 'perempuan menderita kerana lelaki' dan tema ini adalah bersifat universal. Jadi di dalam menganalisis cerpen ini saya akan menggunakan pendekatan sosiologi ataupun pendekatan dari segi masyarakat. Dengan menggunakan pendekatan sosiologi ini bererti bererti ia akan menyentuh mengenai perubahan-perubahan sesebuah masyarakat itu sama ada ia dari segi nilai-nilai yang terdapat dalam sesebuah masyarakat itu, kepercayaannya, ekonominya politik dan kekeluargaan.

SINOPSIS CERPEN

Mengenai sebuah keluarga. Seorang budak diasuh oleh neneknya. Nenek suka mengajar cucunya membaca Bismillah dan mengucapkan terima kasih. Nenek dimasukkan ke hospital. Cucunya dihantar ke nursery. Nenek tidak faham perkataan 'Thank You' yang diucapkan oleh cucunya.

Dari sinopsis di atas dapat disimpulkan tema cerpen ini adalah ada orang yang lebih mengagungkan budaya orang lain daripada budayanya sendiri. Ajarannya kita sepatutnya bangga dengan budaya yang kita miliki dan warisi dari mengagungkan budaya orang lain.

Seerti yang saya jelaskan di atas tadi menggunakan pendekatan sosiologi ini bererti ia akan melihat satu perubahan masyarakat. Perubahan dari segi nilai-nilai masyarakat seperti kepercayaan, cara hidup, kekeluargaan dan sebagainya.

Cerpen 'Thank You' ini walaupun ia berlatarkan kehidupan sebuah keluarga akan tetapi dengan sendirinya juga menggambarkan sebuah masyarakat. Di dalam cerpen ini penulis lebih melihat kepada masyarakat Brunei ini boleh dilihat melalui dialog yang menggunakan bahasa Brunei:

"Balikan sikirim, ma!"
 "Au ... mama balikan karang ah."
 "Banyak-banyak ma ah."
 "Au."

Jelas di atas melalui dialog penulis menunjukkan kepada masyarakat Brunei kerana bahasa yang digunakan itu sudah tentu boleh mencerminkan sesebuah bangsa, seperti kata pepatah bahasa menunjukkan bangsa. Jadinya bahasa itu sudah cukup menunjukkan bangsa seseorang itu.

Sudah tentu agama yang dianuti oleh kebanyakan masyarakat Brunei adalah agama Islam ini jelas berulang-ulang kali watak perempuan tua berbadan kurus mengucapkan 'Bismillahir Rahmanir Rahim'. Ketika ia mengajar watak budak yang berbadan gemuk ketika budak itu sedang menyusu dan ketika ia hendak tidur, ini boleh kita lihat melalui dialog watak perempuan berbadan kurus ketika ia bercakap dengan cucunya,

"Lain kali, kalau alai hisap susu, cakap Bismillahir Rahmanir Rahim, ya cucu!"

"Kalau hendak tidur pun cakap Bismillahir Rahmanir Rahim, ya cucu!" kata perempuan berbadan kurus sambil batuk-batuk. Batuk perempuan berbadan kurus bertalu-talu dan keras.

Penekanan tentang ajaran agama Islam itu adalah penting dalam sebuah keluarga. Keluarga adalah salah satu ejen utama yang boleh mempengaruhi cara hidup seseorang secara individu. Begitu juga dalam masyarakat, agama itu penting kerana ia merupakan satu pegangan, idealogi sesebuah masyarakat. Kerana tanpa pegangan hidup, terutama sekali jika terlalu

OLEH YUHANA

cetek dalam agama seseorang itu boleh terpengaruh dengan mudah, sebab itulah watak perempuan berbadan kurus mengatakannya berulang-ulang kali kepada cucunya.

Melalui cerpen ini penulis juga menggambarkan cara hidup di dalam keluarga terutama sekali pada watak perempuan berambut separas bahu dan watak lelaki berambut ikal mereka digambarkan sebagai orang yang berpendidikan dan cara hidupnya dipengaruhi oleh kebudayaan barat. Bila mereka ingin menyekolahkan anak mereka lebih suka menyekolahkan anak mereka disekolah sekolah bernama nursery, Avant-Garde School, kemudian mereka lebih suka anak mereka menggunakan bahasa-bahasa asing seperti 'Thank You'.

Apa dua Avant-Garde itu? Dalam risalah sastera avant-garde itu adalah metafora ketenteraan dalam bahasa Perancis (vanguard, yang bermaksud barisan depan atau tentera barisan depan) dan dirujuk kepada penulisan baru yang memperlihatkan pembaharuan-pembaharuan yang mengejutkan (biasanya dilakukan dengan penuh kesedaran) dari segi gaya.

Penulis sengaja menggunakan perkataan avant-garde itu untuk memperlihatkan bahawa masyarakat itu telah berubah disebabkan pendidikan yang diterimanya. Pendidikan juga salah satu faktor yang membolehkan sesebuah masyarakat itu berubah. Penulis ingin mengatakan ada segelintir masyarakat di Brunei lebih suka pendidikan luar dan melalui pendidikan inilah yang akan mempengaruhi kehidupan mereka sehari-hari.

Dan pada masa sekarang orang lebih mementingkan masa dan kerjaya mereka dari memberi perhatian kepada keluarga, sehinggalah anak sendiri pun di hantar ke nursery dan dijaga oleh keluarga mereka yang lain. Contohnya dalam cerpen ini bila perempuan berbadan kurus dimasukkan ke hospital selama tiga bulan dan contoh di bawah ini merupakan sudut pandangan watak perempuan berbadan kurus,

"Sekarang baru aku sedar, tidak ada dangan balik (orang mengambilku). Sejak aku ditahan di rumah sakit ini anaku jarang-jarang melawatu waktu tengah hari lebih-lebih lagi sejak tiga bulan kebelakangan, anaku cuma melawatu waktu petang sahaja."

Ada segelintir keluarga dan masyarakat meninggalkan keluarga mereka untuk dijaga oleh orang lain. Pada masa sekarang ini selalu kita dengar orang-orang tua ditinggalkan di hospital tanpa penjagaan dari keluarganya sendiri, mereka lebih mengharapkan kepada doktor dan jururawat yang bertugas. Dengan alasan mereka subuk dan tidak mempunyai masa untuk menjaga dan menjenguk setiap masa.

Watak-watak yang terdapat di dalam cerpen ini

PENULIS sengaja menggunakan perkataan avant-garde itu untuk memperlihatkan bahawa masyarakat itu telah berubah disebabkan pendidikan yang diterimanya. Pendidikan juga salah satu faktor yang membolehkan sesebuah masyarakat itu berubah. Penulis ingin mengatakan ada segelintir masyarakat di Brunei lebih suka pendidikan luar dan melalui pendidikan inilah yang akan mempengaruhi kehidupan mereka sehari-hari.

cukup sesuai untuk dijadikan simbol masyarakat. Watak perempuan berbadan kurus iaitu nenek kepada budak yang berbadan gemuk. Ia melambangkan generasi lama yang masih lagi mengamalkan dengan adat dan budaya lama. Generasi ini masih lagi kuat berpegang pada budaya lamanya bukan bererti mereka ini tidak berubah tapi masih lagi berpegang teguh dan berlandaskan pada ajaran-ajaran dan nilai-nilai keislaman.

Watak budak gemuk merupakan lambang generasi yang akan datang. Generasi ini kalau dari permulaan sudah tersilap dalam memberi pendidikan dan diasuh lebih banyak berdasarkan kepada kebudayaan luar, maka dengan sendirinya ia akan membentuk macam mana masyarakat yang akan datang dan kebudayaan yang lama akan dilupakan begitu saja.

Sementara itu watak perempuan berambut separas bahu dan lelaki berambut ikal merupakan masa ini. Mereka inilah yang akan membentuk generasi yang kemudiannya kalau sekiranya mereka ini sudah dari awal memberi tunjuk ajar yang bertentangan kepada budaya mereka sendiri, maka ia akan jadi ikutan oleh generasi yang akan datang.

Selain itu penulis juga menggunakan teknik imbas kembali (flash back) yang menjadi simbol mengapa penulis menggunakan teknik tersebut barangkali penulis ingin membezakan bagaimana masyarakat pada satu masa dulu dan masyarakat masa sekarang yang sudah jauh berbeza dan banyak perubahan yang berlaku.

Ini boleh kita lihat dari perenggan kedua, "Perempuan tua berbadan kurus ... sehinggalah ... Perempuan berbadan kurus tersenyum (tersenyum puas)." Dalam perenggan-perenggan ini merupakan imbas kembali yang mana ia boleh menggambarkan bagaimana generasi lama ingin mempertahankan kebudayaan dan agama Islam itu supaya lebih kukuh dengan mengajar generasi-generasi baru itu dengan perkataan Bismillahir Rahmanir Rahim dan mengucapkan perkataan Terima Kasih. Dengan cara itu masyarakat yang akan datang tidak akan mudah terpengaruh oleh budaya luar.

Selebih perenggan-perenggan itu menggambarkan apa yang berlaku sekarang pada masa ini. Generasi lama sudah tidak lagi berupaya untuk membendung kemasukan budaya luar yang sudah diamalkan oleh masyarakat pada masa ini. Generasi pada masa ini lebih mementingkan budaya lain contohnya melalui dialog di bawah ini.

"Bukan macam itu, lai. Terima kasih," kataku.

"Salah tu ni, tink yu."

"Terima kasih."

"Tink yu."

"Salah tu ni, tink yu."

"Thank you, lai, bukan tink yu," kata Masni.

"Thank You," kata Rahim.

"Tink yu," kata cucuku.

Rahim dan Masni ketawa.

Jelas di atas itu menunjukkan bahawa masyarakat sekarang ini lebih suka kepada budaya luar dan budaya mereka sendiri, atas sebab itulah barangkali mengapa penulis mengemukakan tema yang berkaitan dengan kebudayaan kerana ingin mengajar dan ingin pembaca berfikir bagaimanakah masyarakat pada masa sekarang ini? Adakah masyarakat sekarang ini masih lagi hidup berlandaskan pada budaya yang mereka miliki dan yang mereka warisi?

Berkesan atau tidaknya apa yang ditulis ataupun yang ingin disampaikan pada penulis itu adalah bergantung pada seseorang kerana setiap orang itu mempunyai interpretasi yang berlainan terhadap cerpen yang ditulis dan tema yang ingin disampaikan.

Sebagai kesimpulannya saya, setelah membaca berulang kali cerpen 'Thank You' karya Rahimi A.B., dapat saya simpulkan penulis memang ingin memberigakan tentang perubahan masyarakat pada masa sekarang. Dan perlu diketahui masyarakat merupakan sesuatu yang bukan statik dan inya adalah mobiliti, akan menghadapi beberapa perubahan disebabkan faktor-faktor yang tertentu lebih-lebih lagi pada masa sekarang ini zaman negara membangun, sudah tentu negara kita tidak akan terlepas dari kemasukan budaya luar. Bukan semua yang terpengaruh dengan budaya luar, hanya segelintir saja, kita tidak boleh menyatakan bahawa masyarakat kita sudah berubah dan lebih suka kepada kebudayaan luar, kita masih boleh menerima budaya luar tapi dengan mempertahankan budaya yang kita miliki adalah penting dalam hidup kita lebih-lebih lagi nilai-nilai masyarakat tersebut ia adalah penting.

Dengan menggunakan pendekatan sosiologi ini di dalam mengkritik karya sastera, kita boleh mengetahui latar belakang masyarakat tersebut kerana karya sastera, itu juga mempersoalkan mengenai manusia dan ada yang mengatakan sastera itu merupakan sebagai cermin masyarakat.

RUJUKAN

- i. Rahimi A. B., 'Thank You' dalam Bahana Jan 1990, DBP Brunei.
- ii. Ibid, Hlm 34.
- iii. Ibid, Hlm 37.
- iv. Safiah Hussain, et.al, Glosari Istilah Kesusasteraan, DBP: KL, 1998, Hlm 23.
- v. Opcit, Hlm 38.
- vi. Ibid, Hlm 34.
- vii. Ibid, Hlm 37.
- viii. Ibid, Hlm 40.
- xi. Hashim Awang, Kritikan Kesusasteraan Teori dan Penulisan, DBP: KL, 1998, Hlm 95.
- x. Ibid, Hlm 27.

MARILAH kita sentiasa mempertingkatkan takwa kita kepada Allah Subhanahu Wataala, dengan melakukan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya, mudah-mudahan kita selamat di dunia dan di akhirat.


Panggilan 'Baitullah' bergema kembali, memanggil umat Islam untuk menunaikan fardu haji dalam menyempurnakan Rukun Islam yang kelima. Kewajipan haji hanyalah sekali untuk dilakukan oleh umat Islam yang telah memenuhi syarat-syarat haji iaitu hendaklah ia seorang Muslim yang merdeka, baliqh lagi berakal dan berkemampuan. Apa yang dimaksudkan dengan mampu ialah hendaklah ia mempunyai kesihatan tubuh badan yang baik serta mempunyai kewangan yang cukup bagi menampung perbelanjaannya pergi dan balik dari menunaikan ibadat haji, sara hidup sepanjang menunaikan ibadat dan juga bagi keperluan anak isteri atau tanggungan yang ditinggalkan di tanah air. Kerana itu orang tua yang uzur, orang yang sakit, orang yang miskin, orang yang berbutang ataupun halangan-halangan yang lain, maka ia tidaklah diwajibkan untuk menunaikan fardu haji. Kelonggaran hukum ini membuktikan betapa Allah Subhanahu Wataala Maha Mengasihani hamba-hamba-Nya dan tidak membebankan mereka dengan paksaan.

Adapun orang yang berkemampuan pula, tetapi dengan senghaja tidak mahu menunaikan fardu haji sedangkan tiada halangan untuknya berbuat demikian, maka sesungguhnya ia akan berada dalam kerugian, di mana rezekinya akan disempitkan dan matinya pula akan dikira sebagai mati dalam keadaan Yahudi atau Nasrani iaitu jika ia mati sebelum melaksanakan ibadat haji.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: *"Barang siapa yang telah memiliki bekal dan kenderaan yakni perbelanjaan yang cukup yang dapat menyempurnakannya ke Baitullah dan tidak menunaikan ibadat haji, maka tidaklah ia mati kecuali sebagai orang Yahudi atau Nasrani."* (Riwayat At-Tarmizi dan Ahmad).

Alhamdulillah, umat Islam di negara kita amat mengambil berat dalam perlaksanaan untuk menyempurnakan ibadat haji. Sebaik sahaja syarat-syarat ibadat haji telah tertuai, maka sudah pasti kita akan pergi untuk menunaikan fardu haji. Namun sebelum permergian kita ke Tanah Suci, kita haruslah mempersiapkan diri sama ada dari segi jasmani, material, kewangan dan jadual perancangan yang teliti supaya ibadat haji yang hendak dilaksanakan berjalan dengan lancar. Selain itu kita juga harus turut berseedia dari segi rohani iaitu pembersihan hati dan jiwa.

Hati dan jiwa kita harus bersih, ikhlas dan jujur, buangkanlah jauh-jauh segala sifat yang buruk dan keji dari jiwa, hapuskanlah perasaan mencintai keduniaan dan harta benda semata-mata. Dan yang paling penting tanamkan niat di dalam hati kita bahawa permergian kita ke Baitullah adalah ikhlas semata-mata untuk mengabdikan diri kepada Allah Azzawa-



jalla, beribadat kepada-Nya, memohon keampunan, keinsafan diri, bertaubat dan membina keazaman untuk menjadi hamba-Nya yang dikasihani serta patuh pada segala perintah larangan-Nya.

Kepada bakal jemaah haji yang akan pergi ke Tanah Suci, harus bersyukur kerana menjadi antara hamba-hamba-Nya yang terpilih untuk menjadi tetamu Allah. Di kesempatan ini berusaha lah kita untuk menjadi hamba-Nya yang dikasihani, mematuhi perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Oleh itu janganlah ibadat haji kita cacat oleh percakapan atau perbuatan yang sia-sia, tidak berfaedah atau menyakitkan sesiapa. Kerana itu kita harus mempunyai pertahanan diri yang kuat dan di antaranya ialah untuk menanamkan sifat sabar, sabar dari perasaan marah, sabar dari berbuat kerosakan, sabar di atas kesusahannya yang bakal ditempuh dan sabar dalam menerima ujian dari Allah Subhanahu Wataala.

Dan janganlah juga ibadat kita rosak kerana melakukan perkara-perkara mungkar dan bid'ah serta kepercayaan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam. Umpamanya perbuatan membawa bersama ketika

tawaf wang yang banyak, memeluk tiang jin, mengutip batu untuk dibawa balik ke Brunei, mencium dinding-dinding masjid dan Makam Nabi dan sebagainya yang tidak lain bertujuan supaya dapat memperolehi keberkatan dari perbuatan-perbuatan tersebut. Jika dilakukan juga, maka sudah tentu kita akan mendapat kemurkaan dari Allah Subhanahu Wataala dan mendapat dosa.

Selain ibadat haji yang

rosak, sudah pasti ganjaran dan kelebihan yang telah dijanjikan untuk para jemaah haji akan berkurang atau mungkin tidak akan dapat dinikmati. Sesungguhnya antara ganjaran ibadat haji ialah pengampunan terhadap dosa-dosanya yang telah lalu, akan dimakbulkan segala permohonan dan doa-doa yang dihajatkan, akan dilipatgandakan pahala di atas amal ibadat yang dilakukan sepanjang ibadat haji, akan mendapat kehormatan daripada

Para jemaah haji dingatkan

JANGAN LAKUKAN PERKARA MUNGKAR, BIDA'AH

Allah Subhanahu Wataala serta akan dijanjikan pula balasan Syurga di akhirat kelak. Dan di antara hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang menyatakan antara kelebihan-kelebihan haji ialah yang bermaksud:

"Barang siapa melaksanakan haji di rumah ini (Baitullah) dan dia tidak bercakap kotor atau berkata perkataan yang tidak baik dan dia tidak berbuat fasik, maka dia akan kembali seperti pada hari dia dilahirkan oleh ibunya." (Al-Bukhari).

Dalam memberkati lagi permergian bakal jemaah haji biasanya Majlis Doa Selamat pun akan diadakan dan dihidhiri oleh sanak-saudara dalam memeriahkan lagi suasana permergian mereka. Dan bakal jemaah haji yang hendak pergi memulakan pelayaran, sesungguhnya terdapat banyak amalan-amalan sunat yang baik

untuk dilakukan bagi memberkati lagi perjalanan yang hendak dibuat. Di antaranya ialah disunatkan untuk mendirikan Salat Safar dua rakaat sebelum keluar dari rumah, kemudian kita berdoa semoga pelayaran kita dalam keadaan baik. Dan sunat juga untuk kita mengucapkan selamat tinggal kepada anak, isteri dan ahli keluarga serta disunatkan juga untuk memberi sedekah ketika keluar daripada rumah. Diharapkan dengan bersedekah dapat menghindarkan dari kesusahannya atau mati yang buruk serta menghindarkan diri dari ditimpa bala dan musibah.

Dari itu kepada bakal jemaah haji, berusaha lah untuk menjaga kesucian fardu haji dari sebarang jenis kerosakan, ingatlah bahawa kita ke sana adalah untuk beribadat dan bukannya untuk bersuka ria atau melancong, membeli-belah atau untuk menziarahi tem-

pat-tempat bersejarah semata-mata. Kerana itu lakukanlah ibadat haji dengan bersungguh-sungguh semoga ibadat yang dilakukan mendapat rahmat, berkat serta memperolehi ganjaran yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wataala. Dan apa yang lebih kita harapkan ialah mudah-mudahan ibadat haji yang bakal kita kerjakan akan diterima sebagai haji yang maabrur.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 97 yang tafsirannya:

"Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu siapa yang mampu sampai kepadanya. Dan siapa yang kufur ingkar kewajipan ibadat haji, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya tidak berhajat sesuatu pun dari sekalian makhluk."

وقت سبهيغ، امساک، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سبهيغ، امساک، شوروق دان ضحی باگي دليره بروني دان مورا مولاي دري هاري رايو، 16 ذوالقعدة، 1422 برسنان 30 جنوري، 2002 هيشگ کهاري ثلاث، 22 ذوالقعدة، 1422 برسنان 5 فيبروري، 2002 اداله سفرت دباوه اين :-

هجرت	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروق	ضحی	سبهي
ذوالقعدة									
16	12.35	3.56	6.31	7.43	5.06	5.16	6.36	7.00	جنوري 30
17	12.35	3.57	6.31	7.44	5.06	5.16	6.36	7.00	31 جنوري
18	12.35	3.57	6.32	7.44	5.07	5.16	6.36	7.00	1
19	12.36	3.57	6.32	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	2
20	12.36	3.57	6.32	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	3
21	12.36	3.57	6.32	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	4
22	12.36	3.57	6.33	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	5

وقت ۲ سبهيغ باگي دليره توتوغ دعبه ساتو مينيت دان دليره بلايت دعبه نيگ مينيت، سبهيغ فرض جمعة سلوروه ناکارا بروني دارالسلام مولاي دري فولک 12.45 تھاري.



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

DARI HAL MAHAR

daripada syarat sah atau rukun nikah. Jika tidak disebutkan mahar di dalam akad nikah atau ada perselisihan di dalamnya, maka pernikahan tersebut tetap sah. Ini membuktikan bahawa ada perbezaan di antara pernikahan dan jual beli. Jual beli itu tidak sah melainkan di dalamnya akad harga yang diketahui. Manakala nikah pula, ianya sah tanpa disebutkan mahar itu di dalam akad.

boleh disewa sama ada yang nampak (ada di tangan seseorang) atau hutang yang dalam tanggungan. Mahar itu juga boleh diberi secara tunai, bertangguh atau dibayar secara beransur-ansur. Untuk jelasnya diuraikan syarat-syarat mahar.

rahan, seperti burung yang terbang di udara atau binatang liar di dalam hutan atau ikan di lautan.

Sesungguhnya saya datang kepadamu untuk menghibahkan diriku kepadamu. Perempuan itu berdiri begitu lama.

riwayat Abu Daud).

Demikian juga hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah sama seperti hadis di atas, akan tetapi tidak disebutkan kain sarung dan cincin. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Apakah yang kamu hafal daripada Al-Quran?"

Dia berkata: "Surah Al-Baqarah dan surah berikutnya."

Baginda bersabda: "Bangunlah! Lalu ajarkan dua puluh ayat kepadanya, dan dia adalah isterimu." (Hadis riwayat Abu Daud).

Dalam sebuah hadis daripada 'Abdullah bin 'Amir bin Rabi'ah daripada ayahnya, bahawa seorang perempuan daripada Bani Fazarah telah berkahwin dengan mas kahwin sepasang sandal yang maksudnya:

"Bahawasanya seorang perempuan daripada Bani Fazarah telah berkahwin dengan sepasang sepatu." Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Apakah engkau redha menyerahkan diri dan hartamu dengan sepasang sepatu?"

Perempuan itu berkata: "Ya."

Dia berkata: "Maka Rasulullah membolehkan perkahwinannya itu." (Hadis riwayat At-Tirmidzi)

Oleh itu tidak sah menjadikan sesuatu yang tidak bermanfaat dan tidak bernilai pada kebiasaannya sebagai mahar, seperti serangga, sebutir biji gandum dan sebagainya.

Bersambung

**Bilangan 132
Bahagian
Kedua**

Bismillah,
Walhamdulillah
Wasallatu Wassalamu
'Ala Rasulillah, Wa'ala
Aalihie Wasahbihe
Waman Walah.

**MAHAR PARA
SAHABAT DAN
SELAINNYA**

S AYYIDINAI-Umar Radiallahuanhu mengahwini Ummu Kalthum binti 'Ali Radiallahuanhu dengan mahar empat puluh ribu dirham. Thalhan bin 'Ubaidullah mengahwini anak perempuan Abu Bakar Radiallahuanhu dengan mahar seratus ribu dirham. Sementara Mushab bin Sakinah binti Husain Radiallahuanhuma dengan mahar sejuta dirham. (Al-Majma'uk: 18/8-9)

Abdul Rahman bin 'Auf bernikah pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mahar emas seberat biji buah kurma iaitu tiga dan sepertiga dirham. Manakala Sa'id bin Al-Musayyab menikahkan anak perempuannya dengan

mahar dua dirham. (Ahkam Az-Ziwayj: 77)

Sementara Khalifah Al-Ma'mun daripada Bani 'Abbas, menikahi puteri Bauran iaitu anak kepada Perdana Wazir Khalifah Al-Ma'mun yang bernama Fadhl bin Sahb dengan mahar beratus-ratus talam emas yang dipenuhi dengan wang emas (dinar). Dihiasi dengan lilin-lilin yang dibakar dengan minyak 'Anbar yang harum semerbak serta dicampur dengan kasturi yang digiling halus. Sehingga tercatat dalam sejarah bahawa majlis pernikahan itu sangat mewah serta mahar yang paling mahal bersesuaian dengan kekayaan Khalifah Al-Ma'mun. (Tafsir Al-Azhar: 2/1097)

HUKUM MAHAR

Seorang suami diwajibkan memberi mahar kepada isterinya walaupun mahar itu bukan salah satu

Kewajipan mahar itu telah disebutkan dalam Al-Quran, di antaranya firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu mas-mas kahwin mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari mas kahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya." (Surah An-Nisaa': 4)

Menurut Al-Qurthubi bahawa ayat di atas ditujukan kepada pihak suami. Ini menunjukkan bahawa Allah Subhanahu Wataala memerintahkan supaya pihak suami bertabarak dengan memberikan mahar kepada isteri-isteri mereka. (Al-Jami' LiAhkam Al-Quran: 3/1330)

**SYARAT-SYARAT
MAHAR**

Hendaklah mahar yang diberikan kepada pihak isteri itu merupakan sesuatu benda yang boleh dijual beli atau sesuatu yang ada harga atau

1. Hendaklah mahar itu terdiri daripada sesuatu yang suci dan bukan sesuatu yang haram. Oleh yang demikian tidak sah sekiranya arak, bangkai, babi atau sesuatu yang najis dijadikan mahar.

2. Hendaklah mahar itu dalam milik atau kuasa suami. Tidak sah sekiranya barang curian, rampasan atau barang yang memang tidak dimilikinya seperti disebutkan mahar di dalam akad sebanyak seribu ringgit akan tetapi dia tidak memilikinya. Begitu juga sekiranya dia menjadikan sesuatu yang bermanfaat sebagai mahar tetapi tidak dimilikinya, seperti dia menjadikan khidmat seorang hamba sebagai mahar akan tetapi dia tidak memiliki hamba itu.

3. Hendaklah mahar itu bersih daripada sebarang penipuan, seperti sesuatu yang tidak ada atau tidak diketahui sama ada pada jenis, jumlah atau sifatnya. Sebagai contoh, menjadikan rumah atau binatang ternak atau sebagainya yang tidak ditentukan yang mana satu untuk dijadikan mahar.

Demikian juga tidak sah dijadikan mahar sesuatu yang belum sempurna miliknya, seperti barang belian yang belum diterima (qabadh) atau sesuatu yang tidak mampu untuk disera-

4. Hendaklah mahar itu mempunyai nilai dan manfaat. Seperti memberi khidmat kepada pihak isteri. Sebagai contoh, memelihara kambing si isteri dengan masa yang tertentu atau menjahit pakaiannya atau mengajar Al-Quran atau mengajjar syair yang dibolehkan oleh syarak atau mengajar menulis atau bertakung dan sebagainya daripada sesuatu yang bermanfaat dan dibolehkan oleh syarak. Firman Allah Subhanahu Wataala tentang hikayat Sya'ib bersama Musa Alaihimassalam yang tafsirnya:

"Bapa perempuan itu berkata (kepada Musa): Aku hendak mengahwinkanmu dengan salah seorang dari dua anak perempuanku ini, dengan syarat bahawa engkau bekerja denganku selama delapan tahun; dalam pada itu, jika engkau genapkan menjadi sepuluh tahun, maka yang demikian itu adalah dari kerelaanmu sendiri. Dan (ingatlah) aku tidak bertujuan hendak menyusahkanmu; engkau akan dapati aku insya Allah, dari orang-orang yang baik layanannya." (Surah Al-Qashash: 27)

Sementara dalil bagi menjadikan pengajaran Al-Quran itu sebagai mahar, adalah hadis Sahb bin As-Sa'diy yang maksudnya:

"Bahawasanya perempuan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lalu berkata: Wahai Rasulullah!

Berilmu dan bertakwa penyelamat masa depan belia dan remaja

BELIA dan remaja adalah orang yang sangat penting dan sebagai tulang belakang negara, malah dewasa ini disebut juga sebagai aset pembangunan negara, sebab mereka inilah bakal menjadi pemimpin yang bertanggungjawab ke atas nasib bangsa, agama dan negara. Oleh yang demikian mereka ini perlulah diasuh dan dipimpin dengan sebaik-baiknya. Perkara yang penting mesti dimiliki oleh setiap belia dan remaja ialah sikap bertanggungjawab dan memahami pengertian hidup yang sebenarnya mengikut kehendak dan landasan Allah Subhanahu Wataala, tegasnya hidup mestilah beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala agar terselamat di dunia dan di akhirat.

Peranan belia dan remaja dalam peningkatan ilmu pengetahuan bukan hanya sekadar memenuhi otak dengan pelbagai ilmu tetapi hendaklah mencakupi rohani dan jasmani iaitu mendidik diri dengan akhlak mulia, jiwa dan mental yang murni supaya semuanya seimbang, maksudnya untuk meningkatkan ilmu kebudiannya kepada para belia dan remaja mestilah berlandaskan pendidikan bersepadu iaitu dari segi ilmu pengetahuan dan amalanNya setiap masa. Allah Subhanahu Wataala telah mewajibkan kepada setiap umat manusia supaya sentiasa menuntut ilmu walau di mana sekalipun kita berada. Imam Al-Ghazali pernah berkata:

benar bertujuan kerana Allah jua. Sebagaimana firman Allah dalam Al-Quran Surah Al-Baqarah ayat 151 yang tafsirnya :

"(Nikmat berkhidmatkan Kaabah yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepadamu (Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan Kitab (Al-Quran) serta hikmah kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui."

Ada beberapa faktor penting harus dimiliki oleh setiap para belia dan remaja. Umpamanya berdisiplin. Sebagai seorang belia dan remaja mestilah memiliki disiplin supaya menjadi contoh terbaik dan berguna, baik dari segi tingkah laku mahupun fikiran, kerana mereka ini adalah generasi yang sangat aktif, berani dan cerdas mental mahupun fizikal. Mereka ini juga memiliki idealisme yang baik dalam cita-cita dan perjuangan hidup walaupun pengalaman dan ilmu belum cukup. Akan tetapi ketika inilah dititikberatkan disiplin diri sebagai persediaan membangun ummah yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wataala.

Beribawa bukanlah semudah yang kita sebut. Dalam perkara ini, ianya melibatkan hati yang cecal, fikiran yang waras, pendirian yang tegas, prihatin keadaan sekeliling, sentiasa bertawakal kepada Allah dan berwaswasa. Selain daripada itu, ibu bapa juga berperanan dalam mencorakkan hidup mereka dengan menanamkan nilai-nilai Islam dari peringkat awal hingga dewasanya, supaya tidak terpesat dengan pengaruh-pengaruh yang boleh merosakkan akidah. Belia dan remaja yang beribawa merupakan tonggak kejayaan bangsa, agama dan negara.

Hidup akan bertambah sempurna jika memiliki ilmu. Tegasnya ilmu merupakan pelaburan yang teras sangat penting kepada pembangunan, kesejahteraan dan kemandapan hidup bernegara. Jadi jelasnya kepada kita betapa pentingnya para belia dan remaja memiliki ilmu yang tinggi dengan benar-benar berteraskan agama Islam. Ini tidak diragui kerana negara kita yang membangun sangat mementingkan pembinaan jiwa serta budi pekerti Muslim yang sejati. Islamlah sahaja penyelamat hidup di dunia dan di akhirat.

Berlaku taat dan setia adalah sikap yang sangat penting dalam kehidupan, malah bagi memperluaskan identiti yang mulia bagi sesuatu bangsa. Agama Islam sangat mementingkan perkara ini iaitu berlaku takwa dan taat setia kepada Allah, ibu bapa dan seterusnya kepada raja. Oleh yang demikian, adalah perlu para belia dan remaja dipupuk dengan sikap taat setia supaya akan dapat mengkalikan kerukunan dalam berkeluarga serta bernegara dan sentiasa diberkati oleh Allah Subhanahu Wataala.

Sifat takwa amat perlu dimiliki oleh setiap umat Islam. Sayugialah para belia dan remaja dipupuk dengan sifat takwa yang sebenar-benarnya kerana mereka mudah terdedah dengan pelbagai gejala yang kurang sihat dan mempengaruhi jiwa dan kehidupan mereka. Hanya dengan keimanan dan ketakwaan yang kukuh kepada Allah Subhanahu Wataala sahaja yang boleh menolong menghalang apa jua masalah yang rumit yang cuba mempengaruhi diri mereka. Dalam apa jua perkara, sebagai umat Islam kita digalakkan untuk berusaha, di samping berdoa dan bertawakal kepada-Nya jua. Cara sedemikian boleh menolong para belia dan remaja menuju kesempurnaan hidup di dunia dan akhirat.



Seterusnya para belia dan remaja haruslah sedar bahawa proses pendidikan adalah suatu cara pembentuk peribadi supaya berkembang dan hidup menurut jalan kehidupan yang direndi oleh Allah Subhanahu Wataala. Memang sepatutnya para belia dan remaja membiasakan diri rajin belajar dan menambah ilmu pengetahuan yang bermanfaat yang boleh digunakan bagi kepentingan diri, negara dan bangsa. Memiliki keyakinan diri dan dapat menentuskan pendidikan yang baik lagi sempurna adalah sikap dan usaha yang positif ke arah pembentukan para belia dan remaja yang berkualiti dan beridentiti yang bakal menjadi tonggak keteguhan negara dan bangsa.

Para belia dan remaja merupakan golongan yang terpenting kepada sesebuah negara. Mereka adalah pelapis dan bakal pemimpin dan penyambung wawasan. Oleh yang demikian, mereka sangat penting memiliki ilmu yang tinggi dan bersifat takwa kepada Allah Subhanahu Wataala, di samping perlunya memperolehi ilmu pengetahuan dalam bidang-bidang yang bermanfaat untuk kehidupan mereka yang lebih sempurna supaya mereka dapat menjadi pembimbing dan pendorong yang berpengetahuan. Jika seseorang belia dan remaja itu berilmu dan berjaya dalam kehidupannya, sudah tentulah akan menjadi contoh teladan dan penggerak kepada orang lain yang memerlukan pengetahuan. Dari itu, para belia dan remaja hendaklah sentiasa menggunakan ilmu untuk kebaikan dan memberi manfaat kepada diri dan masyarakat. Apa yang penting juga haruslah para belia dan remaja mengikut dan mencontohi perjalanan dan perjuangan hidup serta ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk dijadikan pedoman hidup di dunia dan kebahagiaan di akhirat kelak.

MOU BERSAMA SIRIM



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Matdanan bertukar MOU bersama Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM Berhad Malaysia, Dato Dr. Haji Ariffin bin Haji Aton. Menyaksikan majlis itu ialah Setiausaha Tetap KPSSU, Awang Haji Idris bin Haji Belaman dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke negara ini (atas). Sementara gambar bawah, Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan para perwakilan dari Negara Brunei Darussalam dan SIRIM Berhad Malaysia bergambar kenangan setelah menandatangani MOU. - Gambar oleh Masri Osman.



BERAKAS. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menandatangani Memorandum Perjanjian Persefahaman (MOU) bersama SIRIM Berhad Malaysia, dalam bidang piawaian produk makanan untuk perkhidmatan bagi membantu pengusaha kecil dan sederhana (SME) di negara ini.

Mewakili pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Awang Haji Matdanan bin Haji Jaafar manakala pihak SIRIM Berhad Malaysia diwakili oleh Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Dato Dr. Haji Ariffin bin Haji Aton.

Majlis tersebut berlangsung di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada 19 Januari lepas.

Turut menyaksikan perjanjian itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Idris bin Haji Belaman dan

Oleh Haji Ahmad HS

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam.

Antara tujuan MOU kedua-dua negara ialah untuk mewujudkan rangkaian kerjasama dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia dalam bidang piawaian produk makanan dan perkhidmatan dan sebagai langkah kerajaan dalam membantu pengusaha kecil dan sederhana di negara ini.

Di antara bidang rangkaian kerjasama dalam perjanjian persefahaman tersebut ialah di bidang piawaian yang merupakan satu keperluan untuk meningkatkan mutu pengeluaran produk-produk tempatan agar dapat bersaing di pasaran tempatan, serantau dan antarabangsa.

Majlis diikuti dengan sesi seminar yang menjurus kepada faedah perjanjian dan piawaian bertujuan bagi memberikan kefahaman dan kesedaran mengenai perlunya berpiawaian dalam pengeluaran produk-produk makanan dan memberikan per-



khidmatan di negara ini.

Menurut siaran akhbar Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, perjanjian tersebut akan dapat mempercepatkan proses pengiktirafan mutu, pensijilan, penyelidikan dan perkembangan produk serta perkara-perkara yang berkaitan yang dipersetujui bersama bertujuan untuk membantu para pengusaha kecil dan sederhana di negara ini dalam menangani masalah persaingan pemasaran di alaf globalisasi.

Seramai 150 jemputan yang terdiri dari pihak-pihak kerajaan dan swasta telah dilibatkan terutama mereka yang terlibat dalam pawaian dan mutu produk dan perkhidmatan.

Oleh Samie HJ

JTB kaji semula kadar caj internet

BERAKAS. - Jabatan Telekom Brunei (JTB) telah mengkaji semula kadar bagi produk-produk yang berhubung kait dengan internet termasuk BruNet, NetKad dan NetKad Plus Hallo.

Pengarah Telekom, Awang Buntar bin Osman berkata, perubahan terbaru itu berikutan maklum balas dari pelanggan-pelanggan, justeru JTB telah mengambil langkah perlu bagi menyesuaikan kadar harga pemakaian dengan menjadikan produk itu lebih menarik dan termampu.

Katanya, JTB merupakan jabatan kerajaan yang sentiasa mempromosikan pembangunan ICT di negara ini dan langkah mengurangkan harga perkhidmatan akan membantu merangsang dan menggalakkan penggunaannya di kalangan orang ramai.

Katanya, JTB tidak mengadakan keuntungan dari pelanggan internet tetapi dengan mempunyai minat yang mendalam membantu negara untuk mempromosi ICT di kalangan masyarakat negara ini.

Menurutnya, jabatan berkenaan telah mengeluarkan berjuta ringgit setiap tahun bagi peralatan penghubung 45 Mbps ter-

masuk sewa harga talian antarabangsa dan bayaran memasuki internet.

Di masa akan datang, JTB telah merancang untuk mengadakan pelaburan pusat pemulihan bencana, sistem pengesanan gangguan, infrastruktur akses broadband dan latihan tenaga manusia bagi menjalankan dan mengekalkan keleng-

kapan yang berteknologi tinggi.

Bermula 19 Januari lalu, produk prabayar Netkad, para pelanggan akan dapat menikmati masa pelayaran yang lebih panjang kepada 365 hari berbanding tempoh mansuh 90 hari.

Sementara itu, bermula 1 Februari, Jabatan Telekom

juga akan memperkenalkan kadar perkhidmatan Brunet Dial-up yang baru dengan potongan harga yang menarik.

Bagaimanapun pelanggan yang menggunakan pelan 'E-Mel Ekonomi' dan 'Penuntut' tidak mendapat sebarang perubahan, sementara pelanggan yang menggunakan pelan yang lain akan menerima potongan antara 1.82 peratus sehingga

13.99 peratus mengikut kategori.

Caj bagi melayari internet bagi perkhidmatan prabayar NetKad Plus Hallo ialah \$0.03 setiap minit.

Pada awal tahun 2002, JTB telah memperkenalkan bayaran sebanyak tiga sen seminit bagi panggilan telefon tempatan di seluruh negara.



YANG Dipertua Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam, Dayang Hajah Zaliha binti Haji Mohiddin ketika menyaksikan pelbagai jualan sempena Pesta Jualan Sehari persatuan itu yang bertemakan 'Save The Children Fund'. Pesta tersebut diadakan di Pusat Belia pada 20 Januari lepas. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PENGARAH Telekom, Awang Buntar bin Osman ketika menjelaskan kadar baru produk internet kepada para wartawan tempatan baru-baru ini. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Pesta Jualan anjuran Persatuan Siswazah

BANDAR SERI BEGAWAN. - Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah mengadakan Pesta Jualan Sehari sempena penubuhannya yang berlangsung pada 20 Januari lalu.

Pesta yang bermula dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam itu telah berlangsung di Dewan Pusat Belia di ibu negara.

Hadir merasmikan pesta itu yang diselenggarakan dengan mesyuarat agung kali ke-6 persatuan tersebut ialah Yang Dipertua persatuan berkenaan, Dayang Hajah Zaliha binti Haji Mohiddin.

Oleh Abu Bakar HAR

Pesta Jualan yang bertemakan 'Save The Children Fund' akan mendermakan sebahagian hasilnya kepada tabung kanak-kanak.

Antara aneka jualan yang dijual di sepanjang pesta tersebut termasuklah barangan keluaran tempatan seperti produk keropok udang, kraf tangan, pasu di samping jualan produk dari luar negeri termasuk alat-alat rawatan kulit.

MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA

Sediakan dana khas di sekolah-sekolah

MENGHULUR bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik dan dalam kesusahannya merupakan amalan mulia dan menjadi tuntutan agama. Bantuan dalam pelbagai bentuk seperti kewangan, kebendaan, tenaga dan buah fikiran, ditambah dengan keikhlasan sudah setentunya mendatangkan manfaat kepada yang menerimanya, bahkan akan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wataala. Begitulah halnya mengenai kebajikan anak-anak yatim, yang sedikit sebanyak bergantung harap kepada bantuan orang ramai bagi menyera kehidupan mereka, lebih-lebih lagi dalam meringankan perbelanjaan persekolahan mereka.

Langkah terbaik yang dapat diambil ialah dengan mengadakan kutipan derma atau sedekah yang dikhususkan kepada anak-anak yatim. Bantuan ini dapat dilaksanakan melalui pihak-pihak yang berkuasa, sekolah-sekolah, badan-badan kebajikan di peringkat masyarakat, kampung dan mukim, institusi kewangan, sektor swasta dan orang-orang perseorangan. Bantuan seumpama ini sudah setentunya akan dilihat sebagai tanggungjawab dan keprihatinan pihak yang terlibat akan kepentingan persekolahan anak-anak yatim. Dan semuanya dilakukan bagi memastikan mereka tidak tersisih dari alam persekolahan dan mampu mendapat ilmu penge-

tahun secukupnya.

Pihak sekolah sendiri dapat membantu dengan menyediakan dana khas bagi anak-anak yatim yang belajar di sekolah-sekolah berkenaan. Bantuan juga boleh dilartakan dalam bentuk peralatan-peralatan sekolah seperti buku-buku, pakaian dan seumpamanya di samping nasihat dan galakan untuk mereka dapat berdikari. Sebagai sebahagian anggota masyarakat, mereka juga perlu didedahkan dengan peranan dan tanggungjawab kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.

Di peringkat masyarakat pula, ia dapat dilaksanakan secara lebih meluas iaitu dengan melibatkan badan-badan, pertubuhan-pertubuhan sukarela, sektor swasta dan persendirian. Bantuan-bantuan dapat dikumpulkan bagi satu-satu tempoh yang diperlukan atau dilakukan secara berperingkat-peringkat dan bermusim atau mengikut kemampuan masing-masing. Untuk memastikan bantuan penderma terus diterima, tabung khusus anak-anak yatim perlu diletakkan di tempat-tempat tertentu seperti masjid, gedung perniagaan dan tempat awam.

Pihak institusi-institusi kewangan juga boleh bertindak sebagai penyelar bagi memproses bantuan-bantuan atau tajaan persekolahan anak-anak yatim secara lebih kemas dan teratur. Bantuan yang bukan dalam bentuk kewangan

seperti peralatan-peralatan persekolahan dan harta benda atau barang-barang terpakai yang bersesuaian boleh disalurkan kepada pihak-pihak berkenaan atau terus kepada anak-anak yatim atau penjaga mereka.

Mengadakan aktiviti-aktiviti berupa jualan amal yang dikhususkan bagi membantu anak-anak yatim juga boleh menarik perhatian penderma-penderma yang ingin berbuat amal kebajikan secara tidak langsung. Bantuan yang khusus seperti motivasi, pendorong semangat untuk mereka terus belajar dan berjaya di dalam pelajaran, di samping kasih sayang, simpati dan pemedulian, perlu juga menjadi agenda masyarakat dalam usaha membantu kesejahteraan anak-anak yatim.

Kesempurnaan anak-anak yatim sememangnya menjadi perkara penting yang perlu diambil perhatian. Usaha membantu meringankan perbelanjaan persekolahan mereka hanya merupakan sumbangan bagi memenuhi sebahagian keperluan hidup mereka. Usaha selanjutnya juga perlu dilaksanakan seperti membekalkan mereka dengan semangat

berdikari, berdaya maju serta turut menyumbang kepada kemajuan agama, masyarakat, bangsa dan negara, selain memimpin mereka ke jalan yang lurus serta direddai Allah.

Awang Abdul Wahab bin Haji Abdullah.
No. 21, Kampong Burong Pinggai Ayer,
Bandar Seri Begawan,
BM 1126.
No. k/p : 058132

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Membantu Meringankan Perbelanjaan Persekolahan Anak-anak Yatim. Huraikan Langkah dan Cara Terbaik Menanganinya.' Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

Keperihatinan semua lapisan masyarakat perlu

ANAK-ANAK yatim ialah anak-anak yang kematian ayah atau ibu atau kedua-duanya sekali. Selain daripada kehilangan tempat untuk mengadu dan bermanja dengan kasih sayang, mereka juga kehilangan tempat untuk bergantung dalam meneruskan hidup, kerana tanggungjawab ibu bapa itu adalah memberi nafkah yang cukup kepada anak-anaknya. Oleh itu golongan anak yatim, sebagai sebahagian daripada masyarakat, perlu diberi perhatian agar mereka dapat merasa kasih sayang dan diberi peluang yang

sama seperti mana individu yang lain.

Bantuan yang teramat penting bagi anak-anak yatim ialah bantuan dalam perbelanjaan harian mereka terutama perbelanjaan sekolah. Ini adalah kerana pelajaran merupakan aset penting dalam merealisasikan cita-cita setiap individu. Dengan mempunyai pelajaran yang cukup, masa depan seorang individu akan menjadi lebih cerah dan terjamin.

Pelbagai cara telah dan sedang dilaksanakan oleh semua pihak dalam sama-sama membantu meringankan perbelanjaan perse-

kolahan anak-anak yatim. Apa yang nyata ialah pihak kerajaan dan swasta, ditambah lagi dengan sokongan masyarakat telah bersatu padu dalam menolong memperbaiki kehidupan anak-anak yatim di negara ini, dan juga memberikan pertolongan yang sama kepada mereka yang ditimpa musibah dan kesempatan seperti anak-anak cacat, keluarga miskin dan sebagainya.

Di antara bukti keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia khususnya kepada anak-anak yatim ialah dengan tertubuhnya Dana Pengi-

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Institusi Keluarga Asas Pembinaan Masyarakat. Bincangkan'. Tarikh tutup 2 Februari, 2002.
2. 'Kes Kecurian - Bincangkan Faktor Yang Mendorong Kes Itu Terjadi dan Cara Mengatasinya'. Tarikh tutup 9 Februari, 2002.
3. 'Huraikan Tema Hari Kebangsaan Tahun Ini : Memperkasa Keupayaan Bangsa'. Tarikh tutup 16 Februari, 2002.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

ran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim. Ini ditambah lagi dengan tabung-tabung derma khusus untuk anak-anak yatim di masjid-masjid dan kutipan derma di sekolah-sekolah serta institusi-institusi kerajaan dan swasta.

Syarikat-syarikat swasta juga turut menyumbangkan sebahagian daripada hasil pendapatannya untuk didermakan kepada anak-anak yatim. Di samping itu, beberapa syarikat juga telah memperkenalkan beberapa cara kepada orang ramai untuk memberi sumbangan. Plan

Takaful Siswa Khas Bagi Anak-anak Yatim daripada Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) misalnya membolehkan individu untuk memberikan sumbangan daripada pendapatan bulanan mereka.

Kesedaran dan keprihatinan pihak masyarakat dalam hal ini juga amat membanggakan. Setiap usaha yang diusahakan oleh pihak kerajaan dan swasta dalam hal ini telah disokong dengan semangat keharmonian dan kasih sayang antara sesama insan. Malah sesetengah individu juga sanggup untuk mencari sendiri mereka yang benar-benar memerlukan bantuan hanya untuk mendapatkan pahala dan ganjaran daripada Allah.

Adalah diharapkan agar usaha-usaha dalam membantu memperbaiki kehidupan anak-anak yatim untuk diteruskan malah dipertingkatkan lagi. Pertolongan sedemikian kepada mereka yang ditimpa musibah dan kesempatan secara tidak langsung mengeratkan hubungan antara anggota masyarakat dan memadam jurang perbezaan di antara individu yang berkemampuan dengan yang sebaliknya.

Md. Shah Rizal Amir bin Haji Mohiddin.
No. 5 Simpang 236-4,
Kampong Katok,
Jalan Tungku,
Gadong, BE 2319,
No. k/p : 293525

Kerajaan tidak 'camah mata'

ANAK-ANAK yatim merupakan golongan masyarakat yang kurang bernasib baik disebabkan oleh kematian ayah atau ibu ataupun kedua-duanya sekali. Kehilangan orang yang tersayang ini sudah setentunya memberi impak terhadap kebajikan mereka secara menyeluruh. Ini termasuklah perbelanjaan persekolahan dan keperluan asas lainnya. Kekurangan ini pastinya membataskan kehidupan mereka. Sebagai anggota masyarakat mereka perlulah diberi pemedulian berupa sokongan moral dan juga kewangan oleh pelbagai pihak.

Mereka merupakan sebahagian daripada aset negara yang amat berharga. Penglibatan mereka dalam agenda pembangunan negara di suatu masa nanti perlulah seaktif peranan yang dimainkan oleh anggota masyarakat lainnya. Dari sinilah perlu dinilai akan hal kebajikan mereka agar mereka tidak tersisih serta tidak merasa kekurangan. Alhamdulillah keadaan di negara kita yang tercinta ini amatlah membanggakan sekali, anak-anak yatim mendapat bantuan daripada pihak-pihak tertentu khususnya Unit Perkhidmatan Hal Ehwat Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sementara itu, penyertaan agensi-agensi kerajaan lainnya mahupun swasta juga menggalakkan, juga menunjukkan betapa prihatinnya masyarakat kita terhadap kebajikan mereka.

Kedudukan tidak 'camah mata' dalam membangun negara ini melambangkan dasar Kerajaan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia yang telus dan bersifat dedikasi serta pemedulian. Sementara itu, jika ditinjau di sesetengah negara lain, persekolahan anak-anak yatim yang tidak dititikberatkan mengundang kepada masalah-masalah sosial dan masyarakat buta huruf. Ini boleh saja terjadi disebabkan oleh kelemahan pentadbiran negara mahupun disebabkan oleh keadaan kewangan yang tidak mengizinkan. Perkara ini pastinya tidak diinginkan oleh kita semua. Apabila keadaan ini menimpa, ia akan meruncingkan lagi masalah yang sedia ada sehingga terbawakan kepada keadaan yang lebih teruk lagi iaitu peningkatan kadar jenayah. Urutan pendekatan ini kemudiannya menular kepada ekonomi pula. Dari sinilah dapat diteliti secara ringkas betapa pentingnya sesebuah kerajaan itu membangun negara tanpa mengabaikan pembangunan ummah.

Kemewahan yang terdapat di negara kita biasanya dimanfaatkan ke jalan yang berfaedah seperti yang disarankan oleh agama Islam. Konsep Melayu Islam Beraja (MIB) telah mencorakkan masyarakat kita menjadi masyarakat penyayang. Dari segi ekonomi, kita mengamalkan ekonomi Islam yang tidak bersifat kapitalis mahupun sosialis yang telah lama dipraktikkan membolehkan sumber keuntungan disalurkan ke arah kebajikan, kerana dasarnya tidak menekankan dan menindas sesama manusia. Ini dapat diperhatikan dengan apa yang telah dilakukan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiyah menerusi dana kebajikan bagi anak-anak yatim

yang dikenali sebagai Dana Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim. Dana ini memberi peluang kepada orang ramai serta pihak-pihak tertentu untuk beramal bagi menyokong tindakan kerajaan dalam meningkatkan mutu kehidupan anak-anak yatim. Selaras dengan pesatnya teknologi masa kini membolehkan perkara amal dilakukan secara digital, lebih berkesan dan cepat. Sementara itu, selain bantuan perbelanjaan persekolahan, perbelanjaan lainnya seperti sumbangan derma menjelang hari raya juga sering kali dilakukan oleh pihak-pihak yang prihatin di negara ini.

Sesungguhnya kita telah pun membuat perkara yang betul. Kita telah melaksanakan tanggungjawab kita sebagai anggota masyarakat. Perkara yang sedia ada ini bolehlah dikatakan sebagai langkah dan cara yang terbaik bagi meringankan perbelanjaan persekolahan mereka. Apa yang diharapkan ialah agar kerja berkebiasaan ini akan terus bernafas menjadi cara hidup kita di samping menarik lebih ramai individu dan agensi-agensi lainnya menyertai dalam sama-sama meningkatkan kebajikan ummah.

Awang Mahathir bin Haji Nordin,
No. 507, Kampong Keriam,
Tutong TB 1141.
No. k/p : 287446

Pencapaian PCE sekolah rendah Kuala Belait dapat keputusan terbaik



PENGARAH Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam menyampaikan sijil dan hadiah penghargaan kepada seorang guru sekolah yang mencapai 100 peratus lulus dalam peperiksaan PCE tahun lalu.

SERIA. - Pengarah Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam menyatakan prestasi keseluruhan calon dari sekolah rendah Daerah Belait dalam peperiksaan PCE tahun lalu lebih baik dari daerah-daerah lain dengan pencapaian 82.56 peratus.

Pencapaian calon sekolah kerajaan di daerah itu telah mencatatkan keputusan terbaik dalam ketiga-tiga mata pelajaran ut-

ma dengan memperoleh 98.55 peratus bagi Bahasa Melayu; 93.53 peratus dalam Bahasa Inggeris dan 80.45 peratus dalam Matematik, jelasnya.

Pengiran Datin Paduka berkata, kejayaan pegawai pelajaran dan guru-guru besar menganjurkan pelbagai kursus dan kegiatan merupakan faktor peningkatan kualiti pengajar dan pembelajaran yang membawa kejayaan membanggakan dalam peperiksaan tersebut.

Berucap di Majlis Kesyukuran dan Penghargaan Sekolah-sekolah Rendah Daerah Belait yang diadakan di Dewan Utama Kelab Rekreasi Brunei Shell (BSRC) di sini pada 19 Januari lalu.

Pengiran Datin Paduka berharap sekolah-sekolah yang belum mencapai sasaran kebangsaan 80 peratus

supaya akan bangkit semula dengan penuh keazaman menjadikan tahun lalu sebagai cabaran dan menerimanya dengan minda terbuka.

Guru-guru besar dan guru-guru perlulah membuat penilaian sendiri pelaksanaan tugas dan membuat penganalisaan yang lebih terperinci bagi mengenal pasti punca pencapaian sekolah menurun dan tidak mencapai keputusan yang diharapkan," katanya.

Beliau menambah, setelah mengenal pasti masalah penurunan pencapaian itu, guru-guru besar perlu berunding dan membincangkannya dengan guru-guru lain bagi mencari jalan memperbaiki strategi dan kesilapan serta berusaha merancang pelan tindakan yang bersesuaian untuk dilaksanakan, di samping membuat pemantauan keberkesanan seawal yang boleh.

Berita dan gambar-gambar oleh Dk. Hajah Saidah PHOA

Beliau berkata dengan adanya komitmen dan pemantauan berterusan itu segala masalah akan cepat diatasi dengan melaksanakan tindakan susulan.

Majlis kali ketiga itu merupakan rancangan tahunan anjuran bersama pegawai-pegawai, guru-guru besar, penolong guru besar dan guru-guru sekolah-sekolah rendah Daerah Belait.

Ianya dihasratkan bagi mengukuhkan perpaduan dan silaturahim serta tanda kesyukuran kerana telah dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan berkesan dan penuh kejayaan.

Selain itu ianya juga bertujuan memberi penghargaan kepada sekolah-sekolah,

guru-guru dan murid-murid cemerlang dalam peperiksaan PCE 2001 serta sebagai dorongan kepada guru dan ibu bapa supaya akan terus memberi komitmen yang tinggi dan berkualiti.

Di majlis itu, Pengarah Sekolah-Sekolah menyampaikan sijil dan hadiah penghargaan kepada lima orang guru yang mempunyai bilangan murid yang paling ramai mendapat gred 5A, 14 orang murid mendapat 5A dan 15 orang murid mendapat 4A 1B serta guru-guru darjah enam tahun lalu.

Sebanyak lima buah sekolah rendah Daerah Belait mencapai 100 peratus lulus dalam peperiksaan PCE tahun lalu, manakala 10 buah lagi melimpasi sasaran kebangsaan.

Lima buah sekolah Lulus 100 peratus

SERIA. - Pegawai Pelajaran Kanan Daerah, Cikgu Juna bin Jumat selaku Pengerusi Majlis Kesyukuran dan Penghargaan Sekolah-sekolah Rendah Daerah Belait berkata, pencapaian sekolah-sekolah rendah Daerah Belait dalam peperiksaan PCE tahun lalu meningkat daripada tahun sebelumnya sebanyak 3.47 peratus daripada 71.56 peratus kepada 75.03 peratus.

Katanya, walaupun pencapaian tersebut masih di bawah pencapaian daerah pada tahun 1999 iaitu 84.56 peratus, namun sekolah-sekolah rendah Daerah Belait masih kekal tempat pertama mengikut daerah dan di tempat kedua mengikut kawasan.

Selain itu pencapaian murid yang lulus mendapat gred A, B dan C bagi semua subjek juga bertambah baik dan meningkat bilangannya berbanding pencapaian tahun-tahun sebelumnya, jelasnya.

Bagaimanapun, tambahnya bilangan murid cemerlang berkurangan tiga orang kerana pada tahun 2000 seramai 32 orang, manakala tahun lalu cuma 29 orang sahaja.

Katanya, sebanyak lima buah sekolah telah menunjukkan peningkatan keputusan 100 peratus lulus pada tahun lalu berbanding hanya dua buah sekolah tahun sebelumnya, manakala bilangan keseluruhan sekolah yang melimpasi peratus lulus 80 peratus sebanyak 10 buah daripada 17 buah sekolah.

Beliau seterusnya menyatakan beberapa perancangan telah dibuat bagi meningkatkan pencapaian pengajaran dan pembelajaran secara berterusan, antaranya meningkatkan pengajaran dalam darjah dan melaksanakan sistem pengasuhan terancang dan berterusan.

Untuk itu katanya, lima unsur akan menjadi inti amalan kerja bagi setiap guru antaranya latihan dalam bilik darjah, pengayaan, bimbingan pemulihan, kerja rumah dan ulang kaji.

Dalam itu juga katanya, para ibu bapa dan penjaga murid akan memainkan peranan sama penting sebagai penyelia dan memantau pembelajaran di rumah bagi memastikan setiap tugas yang diberi oleh guru-guru dibuat dan disiapkan oleh para pelajar.

"Ibu bapa akan dijemput ke sekolah untuk membincangkan strategi jika anak-anak mereka mempunyai masalah ataupun prestasi di bawah jangkaan peratus lulus," katanya.

Oleh itu beliau berharap agar tugas yang disebutkan itu tidak akan dilihat sebagai suatu bebanan kerana tugas tersebut bukanlah perkara yang baru, hanya sebelum ini pelaksanaannya kurang dititikberatkan dan tidak selaras.



PENGIRAN Datin Paduka Hajah Mariam menyaksikan pameran yang diadakan di Majlis Kesyukuran dan Penghargaan Sekolah-sekolah Rendah Daerah Belait pada 19 Januari lalu.



PENGARAH Sekolah-Sekolah ketika beramah mesra bersama guru-guru dan ibu bapa yang menghadiri Majlis Kesyukuran dan Penghargaan Sekolah-sekolah Rendah Daerah Belait.

Pengurus, guru perlu komitmen tinggi

SERIA. - Pengarah Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam berkata, komitmen yang tinggi dan penghayatan tugas yang dipertanggungjawabkan sangat perlu bagi kejayaan sesuatu rancangan dan usaha.

Dari itu katanya, setiap pengurus sekolah dan guru perlu mempunyai komitmen yang tinggi dan menghayati tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka.

Berucap di Majlis Kesyukuran dan Penghargaan Sekolah-sekolah Rendah Daerah Belait yang diadakan di Dewan Utama Kelab Rekreasi Brunei Shell (BSRC) di sini pada 19 Januari lalu.

Beliau berkata, seorang pengurus yang memahami, menghayati tugas dan per-

anannya secara mendalam akan lebih aktif dan inovatif dalam pekerjaannya terutama dalam melaksanakan rancangan pembangunan sekolah, guru dan pelajarinya.

Sehubungan dengan itu beliau berharap sekolah-sekolah yang gagal mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan tidak akan menjadikan faktor pelajar sebagai punca menurunnya prestasi sekolah.

Oleh yang demikian untuk memaju dan meningkatkan kualiti pencapaian sekolah dan pelajar dalam peperiksaan awam dan kualiti pendidikan keseluruhannya secara umum memerlukan kepimpinan, kegigihan, usaha dan perancangan yang rapi dan berkesan.

Pengarah Sekolah-Sekolah juga me-

nyatakan pada tahun ini semua sekolah rendah dan menengah seluruh negara telah dibekalkan dengan komputer bagi kegunaan para pelajar.

Dari itu Pengiran Datin Paduka menyeru guru-guru supaya mempersiapkan diri menerima perubahan tersebut dan berusaha meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan komputer ke arah mewujudkan pendidikan berkualiti.

Beliau juga menyeru supaya mereka menggunakan kemudahan dan sumber yang ada, umpamanya Pusat Pendidikan yang dikendalikan oleh CFBT bagi menambah ilmu dan kemahiran dalam pengajaran.

ALAM SEKITAR

Perkhidmatan Bomba catat peningkatan panggilan kecemasan

BERAKAS. - Jabatan Perkhidmatan Bomba telah mencatatkan peningkatan panggilan kecemasan sebanyak 14 peratus iaitu 2,648 yang terdiri dari 32 jenis panggilan secara menyeluruh pada tahun lepas berbanding sebanyak 2,019 pada tahun 2000.

Menurut penyiasatan kejadian kebakaran bangunan dan rumah pada tahun 2001, jabatan berkenaan telah berjaya menyelamatkan kira-kira \$30,212,345.00 tetapi dalam masa yang sama anggaran kerugian harta benda yang musnah oleh api adalah sebanyak \$10,310,722.65.

Pengarah Perkhidmatan Bomba, Awang Haji Zaidi bin Haji Mohd. Daud berkata, statistik panggilan ke jabatan itu menunjukkan kejadian kebakaran yang melibatkan hutan dan rumput, bangunan dan rumah, elektrik, kereta, perahu dan gas merupakan panggilan yang tertinggi dengan sejumlah 987 atau 37 peratus panggilan.

Dari jumlah itu, 695 panggilan adalah bagi kejadian kebakaran hutan/rumput dengan menunjukkan peningkatan sebanyak 25 peratus dari tahun 2000 di mana Daerah Brunei dan Muara telah mencatatkan pang-

Oleh Samle Haji Jait

gilan tertinggi dengan 305 panggilan yang kebanyakannya berlaku dalam bulan Julai.

Panggilan bagi keba-

karan bangunan/rumah juga mencatatkan panggilan yang kedua tertinggi di mana sejumlah 105 panggilan telah ditangani.

Jumlah itu dilaporkan meningkat sebanyak 6 peratus berbanding tahun 2000 yang hanya menerima 94 panggilan.

"Berpandukan dari kajian hasil penyiasatan kejadian kebakaran bangunan/rumah berkenaan,

punca-punca utama kebakaran bangunan/rumah berlaku adalah disebabkan oleh sikap cuai dan lalai serta sikap kurang prihatin terhadap keselamatan umum," jelas Pengarah Perkhidmatan Bomba semasa sidang akhbar mengenai statistik panggilan kecemasan tahun 2001 di ibu pejabat jabatan berkenaan, 22 Januari lalu.

Katanya, dari kes-kes kejadian tersebut sebanyak 80 kes dipercayai berlaku secara tidak sengaja - 'accidental', 22 kes secara disenghaja - 'incendiary' dan 3 kes lagi sebabnya tidak dikenal pasti - 'undetermined'.

Panggilan yang kedua tertinggi secara keseluruhannya adalah permintaan orang ramai bagi menangani 'haiwan' termasuk menangkap haiwan liar seperti beruang, ular dan buaya, menyelamat binatang yang terperangkap dan memburu haiwan serta serangga yang merbahaya seperti penyengat yang mencatatkan sejumlah 697 panggilan (26 peratus) sepanjang tahun lalu.

Sementara itu perkhidmatan peri kemanusiaan seperti kayu rebah mencatat 286 atau 11 peratus, diikuti oleh panggilan melibatkan kemalangan termasuk kereta, perahu di samping kejadian hilang atau lemas dengan 98 panggilan (7.5 peratus).

Jabatan Perkhidmatan Bomba juga mencatat



PENGARAH Perkhidmatan Bomba, Awang Haji Zaidi bin Haji Mohd. Daud melahirkan penghargaan atas sokongan agensi kerajaan dan kerjasama orang ramai bagi mencegah, menyelamatkan, memadam dan lain-lain lagi sehingga pihaknya berjaya menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. - Gambar oleh Mohd. Zui-izzi.

panggilan kecemasan yang lain seperti terkunci, lif tidak berfungsi, gas bocor, tali bendera putus dan lain-lain termasuk 54 panggilan palsu.

Selain dari statistik panggilan kejadian, jabatan berkenaan juga telah mencatatkan sejumlah 41 orang korban jiwa, peningkatan sebanyak 8 peratus akibat dari kejadian kebakaran bangunan/rumah, kemalangan jalan raya dan perahu. Korban jiwa dalam kebakaran bangunan/rumah mencatatkan seramai 4 orang.

Jabatan Perkhidmatan Bomba merupakan salah satu agensi yang bertanggungjawab bagi menangani kejadian ancaman bahan biologi dan juga

bahan mencurigakan yang merbahaya (hazardous).

Di sepanjang tahun 2001 lalu, sebanyak 6 kejadian bahan-bahan yang mencurigakan dan 11 panggilan gas bocor diterima di mana pengendaliannya memerlukan tatacara yang teratur serta peralatan yang khusus, bukan saja bagi keselamatan awam akan tetapi kakitangan yang bertugas juga tidak terdedah kepada keadaan yang berpotensi membahayakan.

Awang Haji Zaidi juga turut melahirkan penghargaan atas sokongan dari pihak agensi kerajaan yang lain serta kerjasama dari orang ramai sehingga pihaknya dapat melaksanakan tanggungjawab dengan lancar, teratur dan berjaya.

Dalam masa yang sama, jabatan itu akan terus mempertingkatkan lagi tahap perkhidmatan selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa dengan peningkatan dan penambahan serta kemahiran kakitangan, keperluan peralatan, jentera dan teknologi kerja yang terkini serta keperluan yang lain.

Jabatan Perkhidmatan Bomba merupakan agensi kerajaan yang dimandatkan dan dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan tugas-tugas memadam, menyelamat, mencegah dan perlindungan keselamatan termasuk tugas-tugas peri kemanusiaan.



KEBAKARAN bangunan ataupun rumah mencatat panggilan yang kedua tertinggi, iaitu meningkat enam peratus pada tahun lepas jika dibandingkan dengan 94 panggilan tahun 2000. - Gambar oleh Harun HR.



KEJADIAN kebakaran di Kampong Ayer yang berlaku hampir setiap tahun telah banyak memusnahkan harta benda dan lain-lain lagi. - Gambar oleh Harun HR.

"BERPANDUKAN dari kajian hasil penyiasatan kejadian kebakaran bangunan/rumah berkenaan, punca-punca utama kebakaran bangunan/rumah berlaku adalah disebabkan oleh sikap cuai dan lalai serta sikap kurang prihatin terhadap keselamatan umum," jelas Pengarah Perkhidmatan Bomba semasa sidang akhbar mengenai statistik panggilan kecemasan pada tahun 2001 di ibu pejabat jabatan berkenaan, 22 Januari lalu.

Stesen Minyak Kg. Sungai Teraban mampu bersaing

Oleh Haji Nasip Rosli

KUALA BELAIT. - Kampung Sungai Teraban tidak lama lagi akan mempunyai stesen minyaknya sendiri, di mana penyempurnaan perletakan tiang asas stesen minyak bagi Koperasi Peladang Kampung Sungai Teraban telah disempurnakan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail.


Pegawai Daerah Belait dalam ucapannya di majlis itu menekankan kepada setiap ahli dan pemimpin kampung supaya bertekad dan berusaha gigih menerusi sifat bersatu padu untuk merealisasikan kewujudan stesen minyak tersebut, memandangkan minyak adalah satu-satunya sumber penyumbang di daerah ini dan dapat menyatupadukan penduduk di bawah satu bumbung iaitu Koperasi Peladang Kampung Sungai Teraban.

Menurutnya lagi, lokasi kawasan yang begitu strategik dan bertepatan dengan kehendak prinsip perniagaan iaitu mudah dihubungi dan dapat memberikan keselesaan kepada pengguna yang bakal membeli minyak, sudah semestinya stesen minyak tersebut akan mampu bersaing

dengan syarikat-syarikat yang lain di negara ini.

Sementara itu, Pemangku Ketua Kampung Sungai Teraban, Pengiran Haji Abas bin Pengiran Haji Md. Salleh yang juga selaku Pengerusi Koperasi Peladang kampung tersebut menerangkan bahawa pada asalnya tanah yang dipohonkan adalah dihasratkan untuk kawasan bercucuk tanam secara komunal. Akan tetapi atas nasihat daripada Jabatan Pertanian yang mendapati kawasan tersebut tidak sesuai untuk digunakan untuk bercucuk tanam maka ianya dibatalkan dan ditukar kepada stesen minyak.

Stesen minyak yang bernilai \$400,000.00 dijangka siap pembinaannya dalam bulan Julai 2002 dan menempatkan lima buah tangki minyak jenis Ron 92, Ron 97 dan diesel. Peringkat kedua projek tersebut akan menempatkan beberapa kemudahan awam termasuk restoran serta perkhidmatan membaiki kereta.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail ketika menyempurnakan perletakan tiang asas stesen minyak bagi Koperasi Peladang Kampung Sungai Teraban. - Gambar ihsan Haji Nasip Rosli.



PEGAWAI Daerah Belait, para pengulu, ketua kampung dan jemputan khas ketika hadir di Majlis Perletakan Tiang Asas Stesen Minyak Koperasi Peladang Kampung Sungai Teraban. - Gambar ihsan Haji Nasip Rosli.



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Adam bin Haji Ahmad menyampaikan cenderahati kepada Ketua Kampung Lorong Tiga Selatan, Setia, Orang Kaya Indera Perkasa Haji Awang Zolkeflee bin Abdullah. - Gambar ihsan Haji Nasip Rosli.

Kunjungan muhibah rombongan dari Pusat Da'wah Islamiah

Oleh Haji Nasip Rosli

KUALA BELAIT. - Rombongan dari Pusat Da'wah Islamiah, Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Adam bin Haji Ahmad telah mengadakan Kunjungan Muhibah Hari Raya kepada saudara-saudara baru di Daerah Belait. Rombongan juga telah singgah di rumah Ketua Kampung Lorong Tiga Selatan, Setia, Orang Kaya Indera Perkasa Awang Haji Zolkeflee bin Abdullah.

Kunjungan tersebut bertujuan mengukuhkan lagi hubungan silaturahim serta mengeratkan perpaduan antara saudara-saudara baru. Di samping itu ianya juga dihasratkan akan dapat memberikan semangat yang kuat dan

tinggi kepada saudara-saudara baru dalam menempuh kehidupan. Kunjungan semumpama ini juga menggambarkan sikap pemedulian kerajaan terhadap mereka yang baru memeluk dan mengenali agama Islam.

Semasa kunjungan muhibah tersebut, saudara-saudara baru juga telah menerima cenderahati daripada Pusat Da'wah Islamiah yang telah disampaikan oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Adam bin Haji Ahmad.

Awang Headillah pemenang Mencipta Logo ASEAN

SUNGAI AKAR. - Awang Headillah bin Zainuddin muncul sebagai pemenang Peraduan Mencipta Logo ASEAN bagi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-7 baru-baru ini.

Oleh Abu Bakar HAR

Manakala tempat kedua dan ketiga dimenangi oleh Dayang Tina Theologou

dan Dayang Hajah Maslinda binti Zainal Abidin.

Pemenang pertama merupakan penuntut dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, sementara Dayang Tina Theologou dan Dayang

Hajah Maslinda pula mewakili Sekolah Antarabangsa Brunei dan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA).

Selain mereka, seramai lima orang penuntut juga telah menerima hadiah penghargaan masing-masing.

Hadir dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang ialah Pengarah Jabatan ASEAN, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Mustafa. Majlis berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 19 Januari lalu.

Juga hadir di majlis itu ialah Pengerusi Komite Nasional ASEAN-COCI, Dato Paduka Awang Haji Mahmud.

Menurut pihak penganjur, mereka telah menerima sebanyak 187 penyertaan dan hanya 12 penyertaan layak untuk ditapis ke peringkat akhir. Setelah penilaian terakhir dibuat hanya lapan penyertaan layak ke peringkat akhir.



PENGARAH Jabatan ASEAN, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Mustafa ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang Peraduan Mencipta Logo ASEAN. - Gambar oleh Halim HS.

Bergotong-royong bina jambatan kayu di Kampong Kulapis

KAMPONG KULAPIS. - Penduduk Kampong Kulapis dan sekitarnya yang menggunakan jabatan bailey menghubungkan Kampong Katimahar kini boleh menggunakan jambatan kayu sementara, bagi menunggu jambatan yang sedia ada dibaik pulih.

Ini berikutan kejadian sungai banjir dan hujan lebat belum lama dulu mengakibatkan jambatan bailey yang ada rosak dan tidak selamat digunakan oleh sebarang kenderaan dan pejalan kaki.

Jambatan tersebut hampir roboh jika tidak dibaik pulih dengan segera. Selain itu di bawah jambatan itu juga terdapat paip air yang membekalkan air ke kawasan tersebut dan hanya menunggu masa untuk terputus jika sesuatu tindakan tidak dilaksanakan segera.

Bagi mengatasi masalah penyeberangan anak-anak ke sekolah berhampiran dan kegunaan yang lain, Jabatan Daerah Brunei dan Muara membelanjakan hampir tiga ribu ringgit bersama penduduk kampung terlibat secara bergotong-royong membina jambatan kayu sementara bagi kesejahteraan.

PELITA BRUNEI difahamkan oleh Penolong



AWANG Haji Ahmad bin Haji Anggas, penduduk Kampong Kulapis melahirkan rasa puas hati dan berterima kasih kepada Jabatan Daerah atas pemedulian mereka.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Mohd. Tanjong, pembelian kayu dan sebagainya disediakan oleh Jabatan Daerah.

Katanya, jambatan kayu tersebut digunakan sementara bagi menunggu pembukaan semula jambatan bailey yang rosak dijangka siap tiga bulan akan datang.

Beliau menjelaskan dengan pembinaan jambatan kayu itu sedikit sebanyak dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung.

Oleh
Abdullah Asgar
Gambar-gambar
oleh Haji
Masmaleh HMA

terutama kanak-kanak sekolah yang sering menggunakan jambatan tersebut untuk pergi ke sekolah.

Katanya, pihak Jabatan Daerah telah difahamkan oleh Jabatan Kerja Raya bahawa pembinaan semula jambatan yang rosak akan siap dalam bulan April ini kerana syarikat pemborong telahpun dipilih bagi menjalankan kerja membaikpulih jambatan dan mengukuhkan tebing sungai untuk mengelakkan kejadian yang sama berulang kembali.

Sementara itu seorang penduduk kampung, Awang Haji Ahmad bin Haji Anggas pula melahirkan rasa puas hati dan berterima kasih kepada Jabatan Daerah di atas pemedulian mereka untuk membina jambatan kayu sementara tersebut.

Dengan siapnya jambatan sementara tersebut senangnya anak-anak murid yang belajar di Sekolah Rendah Katimahar menyeberangi sungai dan pihak ibu bapa



PENDUDUK Kampong Kulapis dan sekitarnya bergotong-royong menyediakan pelbagai peralatan untuk membina jambatan kayu bagi kemudahan mereka dan penduduk kampung-kampung sekitarnya dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

kurang merasa risau mengenai keselamatan anak mereka.

Jelasnya, ketika jambatan itu ditutup murid-murid sekolah dan para penduduk yang bekerja terpaksa menggunakan jalan alternatif, Jalan Bebatik-Mulaut sebelum tembus ke Jalan Sengkurong yang agak jauh hingga mengambil masa 15 ke 20 minit untuk sampai ke persimpangan jalan utama.

Bagaimanapun tambahnya, ada juga sesetengah murid dan penduduk kampung sanggup menanggung risiko dengan menggunakan jabatan rosak yang ditutup untuk laluan kerana enggan menggunakan jalan alternatif.

Antara mereka yang terlibat dalam kerja gotong-royong tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Abang Haji Hepnie.

MAJLIS PENGUNDIAN DAN PEMILIHAN CALON KETUA KAMPONG TASEK MERADUN

BANDAR SERI BEGAWAN. - Pejabat Daerah Brunei dan Muara memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampong Tasek Meradun bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan bagi calon Ketua Kampong Tasek Meradun, Mukim Kilanas akan diadakan selama dua hari mulai pada hari Sabtu, 9 Februari bermula jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi dan di sebelah petang bermula jam 2.30 hingga 4.00 petang; dan hari Ahad, 10 Februari bermula jam 9.00 pagi hingga selesai bertempat di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Majeedih Nurul Bolkihah Kilanas.

Oleh yang demikian Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara memohonkan kerjasama daripada semua penduduk kampung berkenaan yang terdiri daripada warganegara Brunei Darussalam dan penduduk tetap yang berumur 18 tahun ke atas, dan tinggal bermastautin di kampung tersebut adalah diminta hadir di hari pemilihan dan pengundian dengan membawa kad pengenalan masing-masing.

Kehadiran penduduk-penduduk kampung berkenaan adalah sangat-sangat diharapkan.



JAMBATAN kayu dibina menyeberangi sungai ini bagi menggantikan jambatan bailey yang telah rosak akibat sungai banjir dan hujan lebat.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Kementerian Pendidikan, Dato Seri Setia Awang Haji Kassim ketika menyampaikan Al-Quran kepada seorang penuntut lelaki yang baru diterima belajar di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah. - Gambar oleh Ramli Tengah.



SEORANG penuntut perempuan yang baru Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah menerima Al-Quran dari Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Pendidikan, Dato Seri Setia Awang Haji Kassim. - Gambar Oleh Ramli Tengah

JADIKAN AL-QURAN PANDUAN DAN PEGANGAN HIDUP

BANDAR SERI BEGAWAN. - Umat Islam akhir-akhir ini sering kali ditindas dan dihina yang semua itu adalah disebabkan kerana umat Islam sendiri lupa pada Al-Quran.

"Al-Quran hanya untuk dipertandingkan bukan untuk dijadikan panduan, Al-Quran tidak dikaji dan dipelajari dengan mendalam dan umat Islam sendiri tidak pandai membongkar rahsia yang terkandung di dalamnya," Pegawai Tugas-Tugas Khas di Kementerian Pendidikan, Dato Seri Setia Awang Haji Kassim menjelaskan perkara tersebut di Majlis Minggu Pendaftaran dan Taaruf Pelajar Baru Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Sesi Pengajian 1422 Hijrah/2002 Masihi di institut berkenaan pada 14 Januari lalu.

Al-Quran, katanya, yang diwariskan melalui Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan mukjizat intelektual dan bukannya mukjizat pancaindera dan sebenarnya Al-Quran adalah untuk memandu kita menajamkan akal dan

Oleh
Abu Bakar HAR

minda.

Kita, menurutnya, perlu yakin bahawa dengan kesepakatan ilmu boleh melahirkan satu ummah yang benar-benar dapat memartabatkan Islam di negara ini sebagaimana contoh yang digambarkan bahawa umat Islam terdahulu mempraktikkan ajaran Al-Quran dan pada masa yang sama mereka jua mempelajari ilmu keduniiaan sehingga mereka menjadi satu ummah yang kukuh dan dihormati oleh ummah yang lain.

Pada tahun ini institut tersebut telah menerima seramai 34 orang penuntut

baru dan dari jumlah tersebut seramai 14 orang penuntut adalah lelaki.

Pada awalnya institut ini telah menerima sambutan yang amat menggalakkan melalui lebih 200 pemohon dan apabila diadakan sesi temu duga, hanya sejumlah 34 orang penuntut yang diterima.

Semua penuntut di institut berkenaan dikehendaki menghafaz sebanyak lima juzuk Al-Quran setahun dan bagi memudahkan mereka, setiap mata pelajaran menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar.

Sesi taaruf yang diadakan itu antara lain bertujuan bagi melatih dan membiasakan pelajar-pelajar baru dengan kehidupan berasrama.



PENUNTUT-PENUNTUT baru Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah membaca Ikrar di Majlis Minggu Pendaftaran dan Taaruf Pelajar Baru Sesi Pengajian 1422 Hijrah/2002 Masihi institut berkenaan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Pendidikan akademik, agama perlu diletakkan seiring

RIMBA. - Pendidikan akademik dan agama perlu diletakkan seiringan agar para pelajar tidak mementingkan pelajaran akademik sahaja, tetapi juga melaksanakan tuntutan agama yang mencakupi Fardu Ain dan Fardu Kifayah.

Penolong Pengarah Pengajian Islam, Ustazah Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani berkata demikian di Majlis Kesyukuran Integrasi Pengajian Umum dan Islam Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan di maktab berkenaan di sini pada 21 Januari yang lalu.

Beliau menambah, pelajaran agama yang dipelajari sama ada di sekolah-sekolah agama atau di sekolah-sekolah umum bukan hanya untuk pengetahuan, tetapi juga untuk penghayatan dan amalan dalam kehidupan seharian.

Mengetahui dan mempelajari Rukun Iman dan Rukun Islam jelasnya, tidak cukup untuk mengukuhkan dan

Oleh
Aliddin HM

memantapkan akidah seseorang tanpa menghayati dan mengamalkannya, tetapi hendaklah melaksanakan setiap suruhan Allah dan Rasul-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya.

"Jika akidah kita telah cukup mantap dan kukuh dengan melaksanakan segala tuntutan agama yang difardukan kepada kita, apa sekalipun cabaran, halangan, hambatan, rintangan, godaan dan pengaruh-pengaruh luaran yang datang kepada pelajar-pelajar insya-Allah akan dapat ditepis,

PELAJARAN agama yang dipelajari sama ada di sekolah-sekolah agama atau di sekolah-sekolah umum bukan hanya untuk pengetahuan, tetapi juga untuk penghayatan dan amalan dalam kehidupan seharian.

disisihkan dan dihindari berkat pertolongan Allah," tegasnya.

Beliau menjelaskan mengenai iman dan amal merupakan dua perkara yang penting, seiring dan tidak berpisah kerana amal itu adalah terbitnya daripada iman manakala iman pula tidak akan sempurna tanpa amal.

Integrasi kedua-dua pengajian ini telah lama wujud di maktab berkenaan sejak tahun 1990 semasa Kementerian Pendidikan melancarkan Skim Sekolah Sehari Suntut.

Konsep berkenaan bertujuan untuk mengukuhkan pendidikan

secara menyeluruh bagi mencapai duniawi dan ukhrawi di bawah satu bumbung, selain dihasratkan sebagai langkah awal ke arah menyediakan pendidikan bersepadu yang menepati Falsafah dan Matlamat Pendidikan Negara.



PENOLONG Pengarah Pengajian Islam, Ustazah Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani (kanan sekali) ketika hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Kesyukuran Integrasi Pengajian Umum dan Islam Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, yang berlangsung di maktab itu pada 21 Januari lepas. - Gambar oleh Masri Osman.

S

EJAK dari tengah hari tadi sehinggalah matahari telah hampir tenggelam, Efa masih terkuntang-kanting seorang diri di atas katil dalam bilik tidurnya. Semenjak beberapa tahun terakhir itu, begitulah keadaan Efa.

Dalam rumah mewah dua tingkat yang serba cukup itu, Efa kini lebih banyak menghabiskan waktu tergoalek ke kanan dan kiri sambil terus-menerus memikirkan keadaan tersebut. Rozman sendiri seakan-akan tidak pernah tahu akan keadaan isterinya itu. Rozi, satu-satunya anak tunggal mereka juga tidak mengerti akan wujudnya keadaan itu. Tetapi bagi Efa sendiri pun, memang tidak mahu mereka tahu. Bagi Efa, biarlah dia sendiri mencari jalan untuk menyelesaikannya. Tapi semakin Efa berusaha untuk memecahkan masalah itu, ianya menjadi semakin bertambah rumit dan runcing. Kadang-kadang Efa bercakap sendirian di kamar tidur. Setiap persoalan yang timbul di benaknya, dijawab sendiri. Namun keadaan masih juga terus bertambah parah. Fikirannya semakin kacau bagai gumpalan benang-benang yang kusut-masai. Jiwanya semakin merasa resah, gelisah, hampa dan penuh kecewa.

Pernikahan dengan Rozman 17 tahun yang lalu memang atas dasar cinta sama cinta. Setelah menjalinkan perhubungan cinta sejati selama tiga tahun, mereka sama-sama setuju untuk mendirikan rumah tangga. Majlis perkahwinan mereka berlangsung dalam suasana yang cukup meriah sekali. Maklum, sama-sama dari keluarga yang berada. Kebahagiaan semakin terpancar gemilang dalam rumah tangga mereka semenjak kehadiran Rozi. Perniagaan Rozman pun semakin maju sehingga mereka mampu menikmati taraf hidup mewah seperti yang ada sekarang. Rozi satu-satunya anak gadis milik mereka sudah semakin meningkat remaja. Rozman pernah merasa sudah tiba waktunya mereka harus menambah cahaya mata. Rozman mahukan suasana yang ramai dalam keluarganya. Rozman sudah rindu untuk menggendong anak kecil lagi. Kali ini kalau boleh Rozman mahukan anak lelaki pula. Sekurangnya boleh mentadbir harta peninggalannya kelak. Tetapi waktu itu, Efa masih belum bersedia lagi. Efa terlalu sibuk dengan butik pakaianya. Lagi pun bagi Efa memiliki seorang anak sudah memadai daripada tidak memiliki sama sekali. Walaupun masih berkeinginan untuk membela anak, mereka masih boleh mengambil anak angkat. Terdapat ramai anak-anak yatim piatu di pusat-pusat kebajikan. Namun Rozman masih berkeras untuk mendapatkan anak hasil dari zuriatnya sendiri. Mengasuh anak memang tidak salah, tapi kenapa itu mesti dilakukan sedangkan mereka masih muda dan masih boleh mendapatkan anak dari darah daging sendiri. Begitu pendapat Rozman. Efa pula masih tetap tidak berganjak dari pendiriannya. Bagi Efa, lelaki hanya tahu meminta anak saja tetapi tidak pernah tahu akan susah payah dan penat lelah mengandung dan melahirkan. Tambahan pula Efa memerlukan banyak waktu untuk terus mengembangkan lagi perusahaan butik pakaianya.

Semenjak peristiwa itu Rozman sudah tidak pernah menyebut-nyebut lagi akan keinginannya itu. Hanya sekali-sekala perasaan bersalah timbul juga di sanubari Efa. Rozman kadang-kadang seperti memendam sesuatu darinya. Efa sendiri tidak dapat menduga dengan tepat apa sebenarnya yang telah berlaku. Namun semua perkara itu tidaklah terlalu membebankan jiwa Efa seperti sedang membelit tubuhnya sejak tahun-tahun kebelakangan ini. Kalau dilihat dan diteliti kasih sayang yang Rozman berikan masih tetap utuh dan mekar sama seperti waktu mulamula mereka mendirikan rumah tangga dulu. Malahan semakin hari cinta dan kasih sayang Rozman semakin bertambah terhadap Efa. Semua permintaan dan kehendak Efa dituruti. Begitu besarnya kesucian cinta Rozman terhadap Efa. Tapi entah mengapa lantaran cinta Rozman yang terlalu luhur itulah yang kini menimbulkan bencana besar di



jiwa Efa. Efa sendiri tidak mengerti mengapa semua itu harus terjadi. Ketulusan cinta Rozman tiba-tiba bagaikan belati-belati tajam yang menghiris-hiris perasaannya. Jiwa Efa dilanda kemarau. Padang hatinya menjadi kering-kontang. Saban detik kalbunya merintih parah, meraung meronta cuba untuk melepaskan cengkaman gelora yang menghempas pantai kesabarannya.

Hidup terasa semakin pahit, semakin jauh dari makna. Kenapa Rozman seolah-olah tidak menyedari keadaan itu? Atau Rozman sengaja pura-pura tidak menyedarinya. Mungkin Rozman sengaja bersandiwara selama itu. Rozman memang tahu tapi sengaja membisu. Rozman memang sedar tapi sengaja membiarkan keadaan itu terus berlautan. Rozman memang mengerti kerana tidak sanggup menghadapi kenyataan pahit itu. Rozman tidak berani menerima hakikat itu. Rozman memang kejam. Hanya kerana tidak mahu kehilangan Efa, Rozman sanggup menjadi tunggul daripada membicarakan perkara itu. Kalau Rozman memang betul-betul telah menjadi tunggul mestikah Efa juga jadi begitu? Tidak! Efa bukan tunggul! Efa manusia yang bernyawa dan mempunyai perasaan serta ke-

MINUM KOPI TIDAK BERGULA

GERPEN

OLEH SUTERA KALBU

SEBENARNYA Rozman sendiri tidak mengerti bagaimana semua itu boleh terjadi. Tapi Rozman sendiri pun sudah tidak dapat berbuat apa-apa lagi. Tidak pernah Rozman menduga badai dahsyat itu akan melanda keharmonian dan kebahagiaan yang mereka kecapai selama itu. Tanpa pengetahuan Efa sudah puas Rozman mengkaji punca kejadian itu.

ingin-an-keinginan yang normal sama seperti manusia lain. Lagi pun sampai bila Efa harus terus bertahan lagi? Sedangkan Rozman sendiri masih diam membisu seribu bahasa. Rozman tidak pernah mahu membicarakan perkara itu bersama. Rozman selalu mengelak dengan pelbagai alasan daripada menyentuh perkara itu. Setiap kali Efa cuba meluahkan persoalan itu, sepuas kilat pula Rozman akan mengalihkan pembicaraan ke topik lain. Jadi memang betul, Rozman tahu akan perkara itu.

Sebenarnya Rozman sendiri tidak mengerti bagaimana semua itu boleh terjadi. Tapi Rozman sendiri pun sudah tidak dapat berbuat apa-apa lagi. Tidak pernah Rozman menduga badai dahsyat itu akan melanda keharmonian dan kebahagiaan yang mereka kecapai selama itu. Tanpa pengetahuan Efa sudah puas Rozman mengkaji punca kejadian itu.

Sedangkan di awal perkahwinan mereka dulu semuanya berjalan dengan baik. Dalam diam-diam Rozman telah pergi menemui beberapa doktor pakar. Rata-rata semua doktor pakar mengatakan Rozman dalam keadaan baik dan normal. Semua nasihat dari doktor pakar telah Rozman patuhi. Namun keadaan itu tetap sama dan masih tiada apa-apa perubahan langsung. Kemudian Rozman mengikut cadangan beberapa orang kawan-kawannya. Berubat cara kampung pula. Entah sudah berapa puluh orang dukun dan bomoh yang Rozman temui. Rozman telah diberi mandi dengan segala air jampi dan macam-macam azimat yang telah digunakan. Tapi masalah itu begitu juga. Rozman semakin bingung. Walaupun masalah itu belum pernah sekali dia dan Efa bincangkan secara lebih terbuka, tapi Rozman sedar bahawa selama ini memang Efa sudah cukup menderita. Tapi apa yang mesti dibuatnya lagi? Melepaskan Efa kepada orang lain adalah satu perbuatan yang amat berat, malahan tidak pernah terlintas langsung di hatinya untuk melakukannya. Efa adalah segala-galanya dalam hidup Rozman.

Malam itu seperti yang telah dijanjikan Fuad menghubungi Efa lagi. Fuad adalah kenalan Efa sewaktu masih di pusat pengajian dulu. Memang sebelumnya Fuad ada menaruh hati terhadap Efa. Tapi nasib lebih menyebelahi Rozman.

"Sampai bila aku harus menunggu, Efa? Setiap kali, hanya itu perkataan dan jawapan yang kau berikan," Fuad meluahkan perasaannya.

"Kami masih saling mencintai Fuad. Lagi pun Rozman memerlukan aku di sisinya."

PUISI

SIRNA

Kau kembali menanyakan di mana suaraku kini di keghairahan malam aku kian tersudut malah surut menafsir diri semakin jauh kita meninggalkan terminal.

Jangan saling menyalahkan kita kembali mengenali diri menerangi lautan makna kehidupan sekalipun pedih mundur jangan menyerah menemukan cahaya makna kehidupan memperkasakan jati diri di ganas arus peradaban globalisasi.

Noorima

WAKTU PENUH

Untuk yang kesekian kalinya pekat malam ini kupinjam bayang rambulan kurebahkan di dadaku dengan degup dingin mengusap bibir batin bicarolah semahunya jiwa raga menumpah suara sebersih embun turun perlahan meresap mesra menonton peraduan ke jagat raya!

Selajur sinar pagi hangat menyapa mengalir dari gebu tengkuik mengemas penuh ke urat-urat saraf sempurna ke hujung ibu jariku sepercik sinar siang bangkit memancar gemilang dan... waktu pun semakin penuh!

Sutera Kalbu

TAUBAT : TIDAK SEMPAT AGAKNYA

Siapa sangka dalam ketawa sorak keriangian Malaikat Maui datang beritandang tidak sempatlah usia persaraannya.

Meninggalkan ayam lagaan yang menang dan pangkat yang baru dirasakan empuk kerusinya dan lagi anak isterinya meraung bagai di rasuk iblis lalu mitos masa pun berjalan kerana kejahilan hukam agaknya sekalipun fasih mengaji katakan keramaian harus diteruskan hingga malam ketujuh kemudian ke-40 terakhir ke-100 bersama majlis pengajian Al-Quran acara judi-judian rancak lebih hebat.

Agaknya tidak sempat bertaubat kerana yakin teknologi memanjangkan usianya mengesan kedatangan Malaikat Maui untuk disogok dengan keberadaan materainya.

Fatimah R.O. Has

HUJAN RINTIK-RINTIK

Di senja itu hujan rintik-rintik membasahi bumi yang kian gersang bumi yang gersang melambang hati insan yang haus akan kebenaran.

Oh Tuhan siramlah hatiku jangan siram di bumi saja biarlah banjir melimpah menjelma menjadi berkat.

Pohon berkatku hampir menjadi layu yang kian jatuh berguguran terik matahari tidak menghiraukan hanya Tuhan saja tempatku bernaung.

Ami JA

RENTAK MASA

Selangkah perjalanan menghitung hari mengira masa.

Pejam celik mata hati lena dalam sedar bangun dalam lena tanpa sedar begitu pantas putaran masa.

Klik .. klik .. rentak masa tanpa menunggu tidak menanti apa terjadi itulah jadi.

Berlari terus berlari jangan undur walau setapak andai kalah akulah saja andai menang bersoraklah.

Teruskan nafas hidup demi masa usah imbas kisah dulu memanggil derita dan hanya mengundang si air mata.

Puteri Seni

PERTEMUAN

Pertemuan membuat aku faham akan erti indah dan menawan tatkala dua pasang mata bertentangan perkenalan menggamit mesra belaian rindu dan erti bahagia sering mengheret ke alam fantasi.

Bibir percintaan mengajar aku akan erti janji dan kata setia yang menjadi mahligai di kota hati kesetiaan memahamkan aku akan erti janji dengan kejujuran yang menjadi pedoman cinta.

Dengarlah sayangkan bahawa kaulah segalanya untukku kucurahkan hati tak mungkin kumelupakanmu yang kuharapkan sayang selalu.

BUAT KEKASIH

Bersama kelopak kerinduan ini kukutip kembali kemesraan lalu biar kumpang di sanubari menjadi satu.

Lantaran cintaku padamu inginku ulangi sumpah setia biarpun waktu berlalu aku tetap kekasih setiamu betapa indahnya bersamamu berbicara seperti dulu melafatkan puisi cinta tanda cintaku abadi.

Bobby

Dari muka 12

"Dan aku?" Fuad menyoal. Tanpa menanti jawapan Efa, Fuad terus menyambung.

"Apa lagi yang mesti kau nantikan dari seorang lelaki seperti dia Efa. Kau telah mensia-siakan hidupmu. Kau membahongki dirimu sendiri selama ini Efa."

"Cukup Fuad! Aku tahu dan sedar semua itu. Tapi aku terpaksa membiarkan keadaan ini terus seperti ini Fuad. Aku tak tergamak meninggalkan dia begitu saja. Rozman terlalu mencintaiku Fuad. Dia telah banyak berkorban untukku," Efa bersuara sebak.

"Kau harus berani menghadapi kenyataan ini Efa. Kau harus kuat dan Rozman juga harus terima kenyataan ini walau sepahit mana sekalipun. Dia tidak boleh membiarkan keadaan ini terus menghimpit dirimu."

"Dia masih sayangkan aku Fuad."

"Apa? Sayang?" Sepatutnya jika dia betul-betul sayangkan kaulah dia mesti sanggup dan bersedia untuk melepaskanmu. Tapi bukannya dengan cara seperti ini, membiarkan kau terumbang-ambing seperti ini bererti dia sendiri telah meracuni hidupmu."

"Aku tak tahu Fuad....." esak tangis Efa semakin jelas terdengar.

"Efa, aku sentiasa menantikan kehadiranmu dengan dada yang terbuka luas. Tapi sampai bila. Sedangkan kau seolah-olah masih menaruh harapan yang Rozman akan kembali pulih seperti dulu."

"Tapi kau beristeri Fuad. Aku merasa kurang yakin terhadap diriku sendiri untuk menempuh keadaan itu nanti. Lagipun dua jiwa akan berkecai sekiranya kita bersatu nanti."

"Aku lelaki Efa! Aku berniat ikhlas dan jujur untuk mengambilmu. Aku tak sanggup melihat orang yang pernah kucintai suatu masa dulu kini berada dalam dilema kehidupan yang getir dan pahit begini. Di samping itu aku juga mahukan anak dari darah dagingku sendiri. Kau tabukan selama hidup bersama Sofey, sehingga ke hari ini kami masih belum mampu memiliki walau seorang cahaya mata. Memang perkara itu tidak akan pernah terjadi lagi terhadap Sofey sejak pembedahan yang berlaku ke atas dirinya di awal perkahwinan kami dulu. Jadi apa salahnya jika hari ini aku mengharap agar kau hadir dalam hidupku dan membawa cahaya yang kunanti-nantikan selama ini? Aku masih menyayangimu... sama seperti dulu."

"Tapi aku...." Efa cuba menjelaskan sesuatu.

"Cuma seorang pun cukuplah Efa... dari darah dagingku sendiri. Aku mohon untuk mendapatkannya bersamamu. Aku memohon sekali lagi padamu Efa..." Fuad merayu dengan sepenuh jiwa dan raganya.

Malam semakin dingin mencengkam. Efa merebahkan tubuhnya di sisi Rozman yang sudah lama terlena. Efa memandang kosong pada sekujur tubuh yang nyenyak itu. Keresahan dan kegelisahan seperti malam-malam panjang yang sudah terus menyeret dan menghambat dirinya.

Detik-detik indah saat perkenalan dan percintaan antara mereka berdua menjelma lagi di ruang mindanya. Alangkah manisnya saat-saat itu, penuh kasih sayang dan sumpah setia untuk hidup dan mati bersama. Tapi kini tiba-tiba saja segalanya sudah berubah dan pergi begitu saja. Mendung hitam yang datang membawa duka, menyusuk dan mencalar tiap keindahan yang sedang mereka nikmati bersama. Namun sepahit mana sekalipun Efa sedar, kenyataan itu tidak boleh dipendamkan lagi. Efa harus berani menyatakan segalanya pada Rozman. Walaupun pasti nanti Rozman akan merasa benar-benar kecewa.

Rozman tunduk akur setelah mendengar seluruh penjelasan Efa dalam sedu-sedannya di pagi itu. Fuad dan isterinya Sofey juga muncul di saat yang sama. Fuad berjanji di hadapan semua yang ada untuk menjaga Efa dengan baik dan sempurna. Rozman hanya mengangguk lemah.....!

Setelah habis idah, Fuad telah menunaikan janjinya untuk memperisterikan Efa. Hujan kembali terasa membasahi ladang-ladang gersang yang selama ini kering dan kontang. Selang setahun kemudian Efa telah melahirkan seorang bayi lelaki yang mereka beri nama Aiman. Fuad dan Sofey merasa cukup bahagia sekali, kini hasrat dan impian mereka terlaksana sudah. Sinar cahaya seolah-olah telah memenuhi seluruh ruang dalam hidup mereka. Perasaan kasih dan sayang Fuad terhadap Aiman terlalu amat mendalam sekali. Saban waktu dan ketika, Fuad terlalu sibuk asyik membelai dan mendodoi cahaya matanya yang satu itu. Begitu juga halnya dengan Sofey. Aiman dijaga dan dibelai sama seperti bayi yang lahir dari rahimnya. Efa sendiri hanya kadang-kadang saja dapat menyentuh anak damitnya. Namun Efa tetap gembira kerana pasangan suami isteri itu telah membela anak damitnya dengan amat baik dan sempurna.

Hari terus saja berlalu. Fuad dan Sofey terus leka dalam mengasuh dan memberikan kasih sayang yang sepenuhnya terhadap Aiman. Entah mengapa semakin hari Efa merasakan dirinya terpinggir jauh dari keluarga tersebut. Semakin hari Efa mulai merasa dirinya tak ubah hanya seperti sebuah boneka semata-mata. Efa berusaha untuk menyingkirkan perasaan itu namun ianya terus saja datang melanda ke dalam jiwanya. Akhirnya belaian dan kasih sayang yang mesra semakin berkurangan dari Fuad. Efa semakin tersisih.

Malam itu hujan turun dengan lebatnya. Fuad, Sofey dan Aiman sedang bergurau senda di kamar atas. Sementara Efa sendirian di kamar bawah. Gelak tawa dan gurau senda dari kamar atas kedengaran selang-seli dengan derap rintik hujan yang gugur. Bunyi petir dan guruh saling tingkah-meningkah. Bayangan Rozman dan wajah manis Rozi tiba-tiba saja muncul dengan jelas di hadapan Efa. Suatu masa dulu mereka pernah memiliki kebahagiaan manis bersama.... Efa bangun dan berjalan perlahan menuju ke tingkap. Dia merenung jauh ke dalam samar hujan yang lebat..... Hidup terasa semakin pahit.





ستياس برسام ببسكتيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIMAK RTB berhak menukuk mana-mana jua rancangan

RABU 30 JANUARI

PAGI

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 MUTIARA FIRMAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SIARAN TAMAT

PETANG

4.00 LAGU KEBANGSAAN
4.02 MUTIARA FIRMAN
4.12 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 EAGLE RIDERS YR.1
5.00 Goll Goll - Siaran Langsung
5.45 BERITA
5.30 WILDLIFE ADVENTURES - 'Artic Adventures'
6.31 AZAN MAGHRIB
6.45 SURAH NABAWIYAH

MALAM

7.00 LIPUTAN SEMASA
7.25 WANITA - Ulangan
7.43 AZAN ISYAK
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 DRAMA CO PRODUCTION: IMBAS
9.25 MUTIARA HUTAN - 'Anggrek Hutan' Bhg. I - (Siri Baru)
10.00 NEWS AT 10
10.30 DRAMA STV 12 - 'Phua Chu Kang'
11.00 MASTER OF ILLUSION
12.00 DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 31 JANUARI

PAGI

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 MUTIARA FIRMAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SIARAN TAMAT

PETANG

4.00 LAGU KEBANGSAAN
4.02 MUTIARA FIRMAN
4.10 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 ANIMATION HOUR: BLINKY BILL/BATMAN OF THE FUTURE
5.15 DOCUMENTARY - 'Hollywood Haunts'

5.45 BERITA
6.31 AZAN MAGHRIB
6.45 Fiqhul Miraths

MALAM

7.00 SURAH-SURAH PILIHAN
7.25 GEMA ISLAM
7.44 AZAN ISYAK
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 AN NUUR - Siaran Langsung
10.00 NEWS AT 10
10.30 DRAMA: DI LUBUK HATINYA
11.00 WAYANG PILIHAN - 'Typhoon People' Pt. II
12.30 DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 1 FEBRUARI

PAGI

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 MUTIARA FIRMAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SUSUNAN RANCANGAN
10.15 SESAME STREET
11.15 FUN TIME - Ulangan
11.30 BERITA
11.40 GUERILLA GARDENER
12.15 DISCOVER ISLAM
12.30 SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30 GEMA ISLAM - Ulangan
2.00 SUKAN ANTARABANGSA
2.30 DINAMIK - Siaran Langsung
3.00 TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Where The Red Fern Grows'
3.57 AZAN ASAR
4.35 ANIMATION HOUR: VOLTRON - DEFENDER OF THE UNIVERSE/ SANG WIRA
5.30 TECHNOLOGY WORLD
5.45 BERITA
6.15 AT TAHZIB
6.32 AZAN MAGHRIB
6.45 AN NAZHAFAH

MALAM

7.00 LIPUTAN SEMASA
7.20 ALAM FLORA
7.44 AZAN ISYAK
8.00 BERITA NASIONAL
9.00 DRAMA: ASAM GARAM - Ulangan
9.30 HEALTH WORKS

10.00 NEWS AT 10
10.40 KHUTBAH JUMAAT
10.55 TELEDRAMA - 'Aku Tak Berdosa' Bhg V
12.25 DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 22 FEBRUARI

PAGI

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 MUTIARA FIRMAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SUSUNAN RANCANGAN
10.10 ANIMATION HOUR: FANTAGHIRO/THE ADVENTURES OF BLINKY BILL
11.00 SCIENCE INSIGHT
11.30 BERITA
12.00 DRAMA CO PRODUCTION: CATATAN MISTERI - Ulangan
12.36 AZAN ZUHUR
12.40 DOKUMENTARI: DESTINASI - GAYA HIDUP - 'Pasur'

PETANG

1.10 PANGGUNG PETANG SABTU - 'Seven Alone'
2.45 KAMPUNG KITA - Ulangan
3.15 PETER BENCHLEY'S AMAZON - 'Wild Child'
3.57 AZAN ASAR
4.15 SCIENCE OF THE IMPOSSIBLE - 'Facing Doomsday'
5.00 ANIMATION HOUR: JIN JIN AND THE PANDA PATROL/CARE BEARS
5.45 BERITA
5.55 PERSPECTIVE
6.32 AZAN MAGHRIB
6.45 WASIAT IMAN

MALAM

7.00 DUNIA ASIA
7.25 GOOD MEDICINE
7.44 AZAN ISYAK
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 HIBURAN
10.00 NEWS AT 10
10.30 TAYANGAN GAMBAR - 'The Spiral Staircase'
12.05 DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 3 FEBRUARI

PAGI

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN

6.02 MUTIARA FIRMAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SUSUNAN RANCANGAN
10.10 SESAME STREET
11.15 KLIK! KLIK! KLIK!
11.30 BERITA
11.40 SUNDAY MATINEE - 'The Wonderful Galaxy of Oz'
12.36 AZAN ZUHUR
12.41 SUNDAY MATINEE - Sambungan

PETANG

1.20 WORLD CUP QUALIFIERS - Itali lwn Hungary'
2.10 DRAMA STV12 - 'Pasir Panjang Roboh' Bhg. II
3.57 AZAN ASAR
4.15 ANIMATION HOUR: TOM & JERRY KIDS III/GET ALONG GANG
5.00 JUARA - Siaran Langsung
5.35 MUSLIM OF THE WORLD - 'Sudan'
5.45 BERITA
6.15 DISAPPEARING FRONTIER
6.32 AZAN MAGHRIB
6.45 SINARAN WAHYU

MALAM

7.00 ZIHNUK ISLAM
7.44 AZAN ISYAK
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 TIRAI KELUARGA - 'Anak Bapak'
10.00 NEWS AT 10
10.30 TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.00 STINGERS - 'Right On Target'
11.45 DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 4 FEBRUARI

PAGI

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 MUTIARA FIRMAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SIARAN TAMAT

PETANG

4.00 LAGU KEBANGSAAN
4.02 MUTIARA FIRMAN
4.12 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 ANIMATION HOUR: THE ZETA PROJECT/ THE ADVENTURES OF

6.02 SUPER MARIO BROS
6.12 SUKAN GLOBAL
5.45 BERITA
5.55 NETWORK EARTH
6.32 AZAN MAGHRIB
6.45 BIMBINGAN KELUARGA

MALAM

7.00 LIPUTAN SEMASA
7.25 ASBABUN NUZUL
7.42 AZAN ISYAK
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 DRAMA CO PRODUCTION - 'Menongkah Arus'
8.50 AMAZING TAIL'S
9.25 MELODI KASIH
10.00 NEWS AT 10
10.30 THE PLANET'S FUNNIEST ANIMALS
11.00 WILD ONES - 'Men And Their Megapox'
11.30 DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 5 FEBRUARI

PAGI

6.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02 MUTIARA FIRMAN
6.12 RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00 BERITA
9.15 RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00 SIARAN TAMAT

PETANG

4.00 LAGU KEBANGSAAN
4.02 MUTIARA FIRMAN
4.10 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 ANIMATION HOUR: THE WIZARD OF OZ/ DRAGON TALES
5.00 AMAZING SCIENCE - 'Weird Nature'

5.45 BERITA
6.05 DRAMA CO PRODUCTION: SITI AYU - Ulangan
6.33 AZAN MAGHRIB
6.45 BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00 COSBY - 'Natural Born Debtors'
7.25 DOKUMENTARI TEMPATAN - 'WARISAN BUDAYA - 'Mukim Mentiri' - Ulangan
7.44 AZAN ISYAK
8.00 BERITA NASIONAL
8.50 KAMPUNG KITA
9.25 ELEMENTS
10.00 NEWS AT 10
10.30 ADRENALIN JUNKIES
11.15 FIRE - 'United We Stand'
12.00 DOA DAN SIARAN TAMAT



AHLI Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Lela Dato Paduka Haji Awang Chuchu menyampaikan sumbangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah kepada Awang Damit bin Sulaiman, seorang penduduk Kampong Puduk, Mukim Kota Batu. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Yayasan SHHB sumbangkan perahu dan enjin

Oleh Haji Ahmad HS

BANDAR SERI BEGAWAN. - Dalam usaha untuk mempertingkatkan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk di negara ini, pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) terus berusaha melibatkan dalam memeduli kebajikan rakyat dan penduduk khususnya bagi yang kurang bernasib baik.

YSHHB telah menyampaikan sumbangan berbentuk sebuah perahu 'fiberglass' berserta enjin 60 kuasa kuda dan peralatan menangkap ikan kepada Awang Damit bin Sulaiman, seorang penduduk Kampong Puduk, Mukim Kota Batu.

Majlis Penyampaian Sumbangan yang bernilai \$8,100.00 disempurnakan oleh Ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Lela Dato Paduka Haji Awang Chuchu di Masjid Kampong Puduk pada 18 Januari yang lalu.

Menurut pihak YSHHB, sumbangan kepada Awang Damit akan dapat menambahkan pendapatannya bagi menyara keluarga seramai lima orang dengan bekerja

sebagai nelayan setelah bersara dari perkhidmatan dalam kerajaan sebagai pemandu bot di Jabatan Radio dan Televisyen Brunei dua tahun lalu.

Pihak PELITA BRUNEI yang sempat menemu bual Awang Damit berkata, beliau telah bersara daripada perkhidmatan kerajaan yang bertugas sebagai pemandu bot di Jabatan Radio dan Televisyen Brunei sejak dua tahun lalu dan memohon bantuan kepada pihak YSHHB dan mendapat sumbangan seperti yang diterima pada hari itu.

"Saya dan bersama keluarga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak YSHHB di atas bantuan yang diberikan kepada saya. Dengan adanya bantuan kemudahan seperti perahu dan enjin serta alat

menangkap ikan yang diberikan ini dapatlah saya memulakan kerja sebagai nelayan," katanya.

Ketika ditanya pendapatan sebagai nelayan, beliau menjelaskan, pendapatannya adalah tidak menentu, kadang-kadang mendapat kira-kira \$15.00 atau \$30.00 sehari terakluk keadaan cuaca dan tangkapan yang diperolehi.

Beliau yang mempunyai 10 orang anak, lima daripadanya masih di bawah tanggungannya, berhasrat memulakan perikanan menangkap ikan secepat mungkin.

Penduduk Kampong Puduk seramai 350 orang dengan 40 buah rumah yang mana sebahagian penduduknya bekerja sebagai nelayan selain bekerja dalam perkhidmatan awam.



AWANG Damit bin Sulaiman yang berkerja sebagai nelayan setelah bersara dari perkhidmatan dalam kerajaan mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak yayasan atas bantuan yang diberikan. Gambar atas kelihatan Awang Damit mencuba perahu dan enjin yang telah disumbangkan kepadanya. - Gambar oleh Abdullah HAD.

**PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.**

- Berapa ramaikah Pegawai-pegawai Perhubungan Awam yang mewakili kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan menghadiri seminar sehari yang berlangsung di Jabatan Penerangan, Berakas pada 27 Januari, 2001?
 - 59 orang pegawai
 - 62 orang pegawai
 - 65 orang pegawai
- Berapa ramaikah pelancong dari Hong Kong tiba ke Negara Brunei Darussalam sempena Tahun Melawat Brunei pada 23 Januari, 2001?
 - 103 orang
 - 115 orang
 - 123 orang
- Apakah tajuk Suara Dari Mimbar keluaran PELITA BRUNEI pada 31 Januari, 2001?

.....

.....

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN

ALAI PINTAR

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Alai Pintar keluaran 9 Januari, 2002.
- A 2. MENTARI TERBENAM 3. REBUT PELUANG GANJARAN BULAN SYAWAL DENGAN MENERJAKAN PUASA ENAM.

PEMENANG RUANGAN ALAI PINTAR KELUARAN PELITA BRUNEI 9 JANUARI, 2002.

MOHD. HAFIZ BIN ABDUL WAHAB,
NO. 22E, JALAN 64,
KAMPONG PERPINDAHAN LAMBAK
KANAN.
UMUR : 9 TAHUN
SEKOLAH RENDAH PENGIRAN ANAK
PUTERI HAJAH MASNA

DAYANG RASIDAH BINTI HAJI ALIAS,
NO. 42C, KAMPONG BOLKIAH 'A',
BUANG SAKAR, JETI 3.
UMUR : 10 TAHUN
SEKOLAH RENDAH PINTU MALIM

MD. AFIF BIN METASSIM,
NO. 28, JALAN 3, SIMPANG 159,
KAMPONG PERPINDAHAN LAMBAK
KANAN.
UMUR: 7 TAHUN
SEKOLAH RENDAH P.G.G.M.B MADANG

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 514

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 514,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Masyarakat perlu prihatin, pemeduliaan

MUARA. - Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim menyeru masyarakat di negara ini supaya bersikap prihatin dan pemeduliaan terhadap perkara yang berlaku di sekeliling mereka.

Anggota masyarakat perlu memainkan peranan tersebut terutama dalam menghulurkan bantuan kepada anggota masyarakat yang dikenal pasti mendapat kesesahan.

"Dalam hubungan ini peranan yang perlu dimainkan oleh anggota masyarakat setempat ialah supaya menghulurkan bantuan-bantuan kepada anggota masyarakat yang dikenal pasti mendapat kesesahan," jelasnya.

Dato Paduka menyatakan perkara itu di Majlis Sambutan Hari Raya dan Penyampaian Sijil Majlis Perundangan Mukim Serasa dan Sijil Jawatankuasa Pesta Pantai 2001 berlangsung di Kompleks Sukan Air Pantai Serasa pada 20 Januari yang lalu.

Dato Paduka selanjutnya berkata, bagi mewujudkan bangsa dan negara yang sejahtera maka perlu wujud masyarakat yang prihatin dan pemeduliaan.

Dato Paduka menyatakan beberapa tabung telah diwujudkan seperti Tabung Kebajikan Anak-Anak Yatim di peringkat daerah-daerah dan peringkat kebangsaan serta Tabung Orang-Orang Cacat Anggota, bagi orang ramai menghulurkan bantuan.

Langkah ini menurutnya, adalah sebagai bukti Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam prihatin dan memedulikan mereka yang mendapat kesesahan serta yang memerlukan bantuan.

"Bukan setakat itu sahaja, pihak kerajaan juga telah menubuhkan tabung-tabung bagi membantu masyarakat antarabangsa yang mendapat kesesahan seperti Tabung Kemanusiaan Rakyat Awam

Oleh Haji Ahmad HS

Afghanistan yang masih berjalan," katanya.

Sehubungan itu Dato Paduka menyeru kepada masyarakat di negara ini akan dapat menghulurkan sumbangan seangkat-angkat hati bagi meringankan penderitaan yang ditanggung oleh rakyat awam Afghanistan.

Di majlis itu Dato Paduka Awang Haji Dani juga menyampaikan Sijil Majlis Perundangan Mukim Serasa dan Sijil Jawatankuasa Pesta Pantai 2001, kepada seramai 60 orang ahli.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim ketika menyampaikan sijil kepada seorang ahli Majlis Perundangan Mukim Serasa dan Sijil Jawatankuasa Pesta Pantai 2001, Majlis berlangsung di Kompleks Sukan Air Pantai Serasa. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal bin Haji Momin menyampaikan derma kepada seorang bakal haji Kementerian Kesihatan yang akan menunaikan fardu haji tahun ini. - Gambar oleh Harun HR.

26 Pegawai Perubatan mengiringi jemaah haji

Oleh Aliddin HM

BERAKAS. - Serombongan 26 orang Pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan yang terdiri daripada para doktor, jururawat dan paramedik akan mengiringi jemaah haji Negara Brunei Darussalam yang akan menunaikan fardu haji ke Mekah pada tahun ini.

Rombongan Pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan itu diketuai oleh Pegawai Perubatan Kanan di kementerian berkenaan, Dr. Awang Haji Ahmad Yazid bin Haji Abdul Wahab.

Di samping itu seramai 31 orang bakal haji dari kementerian tersebut juga akan menunaikan fardu haji ke Mekah pada tahun ini.

Sehubungan dengan itu kementerian berkenaan telah mengadakan Majlis Doa Selamat dan Penyampaian Derma kepada para pegawai dan bakal-bakal haji kementerian tersebut yang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal bin Haji Momin berlangsung di Dewan Serbaguna Kementerian Kesihatan di sini.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatiha beramai-ramai dan doa selamat dibacakan oleh Ustaz Pengiran Haji Khairul Anuar bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Para Pegawai Perubatan dan bakal-bakal haji di negara ini dijangka akan berlepas menuju ke Mekah pada akhir bulan ini.

BASMIDA, De' Hayat Musical & Production bekerjasama jayakan Konsert XPDC

BERAKAS. - Persatuan Membasmi Dadah (BASMIDA) dan De' Hayat Musical and Production akan bekerjasama menjayakan Konsert XPDC dengan membawa mesej antidadah bagi menghindarkan masyarakat di negara ini, khususnya golongan remaja daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Yang Dipertua BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali berkata demikian semasa Sidang Akhbar bersama para wartawan tempatan yang berlangsung di De' Hayat Musical and Production di sini pada 18 Januari yang lalu.

Menurut Datin Hajah Masni, pihaknya akan bekerjasama dengan pe-

Oleh Aliddin HM

nganjur konsert itu, Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Haji Othman, Pengurus De' Hayat Musical and Production bagi menyampaikan mesej antidadah melalui jualan kemeja T XPDC, kain rentang dan lebih 1,000 belon akan dilepaskan dalam Dewan Amphitheatre, Taman Permainan Jerudong Park pada malam konsert itu diadakan pada 2 Februari depan.

Kumpulan XPDC terdiri daripada empat anggota akan menjadi contoh kepada para remaja yang selalu terikut-ikut dengan telatah dan gaya penyanyi pujaan mereka

daripada mendengar cakap ibu bapa. Kebetulan juga penyanyi utama kumpulan itu tidak merokok dan tidak terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

Menurut Pengiran Haji Abu Bakar, konsert anjuran syarikatnya sebagai sumbangan kepada negara dalam sama-sama menyalurkan mesej antidadah kepada golongan remaja negara ini.

"Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab semua pihak di negara ini untuk sama-sama bersatu tenaga dan saling bekerjasama bagi membanteras kegiatan-kegiatan penyalahgunaan dadah," katanya.

Untuk itu tambahna, segala perbelanjaan tam-

bahan bagi konsert itu akan ditanggung oleh syarikatnya dalam menyampaikan mesej antidadah kepada para penonton.

Tiket-tiket berharga \$18.00, \$22.00 dan \$50.00 boleh dibeli

untuk menyaksikan Konsert XPDC. Melalui tiket \$50.00, para penonton berpeluang menghadiri sesi bertemu artis. Konsert tersebut dijangka dapat menarik antara 5,000 hingga 8,000 orang penonton.



YANG Dipertua Persatuan Membasmi Dadah (BASMIDA), Datin Hajah Masni (dua dari kiri) dan Pengurus De' Hayat Musical and Production, Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Haji Othman (dua dari kanan) ketika hadir di Sidang Akhbar Konsert XPDC yang akan diadakan pada 2 Februari dengan membawa mesej antidadah. - Gambar oleh Haji Mesmah HMA.



JABATAN DAERAH BELAIT KEMENTERIAH HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran : JDB/T/01/2002, JDB/T/02/2002, JDB/T/03/2002, JDB/T/04/2002, JDB/T/05/2002 dan JDB/T/06/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam dokumen tawaran. Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada 19 Februari, 2002 jam 2.00 petang (hari Isnin).
1. JDB/T/01/2002 - MENINGGIKAN TARAF 1 BATANG JALAN TANAH TUMPANG SEMENTARA (TOL) TERSUSUN KAMPONG SUNGAI TERABAN, MUKIM KUALA BELAIT.
2. JDB/T/02/2002 - MENINGGIKAN TARAF JALAN TANAH TUMPANG SEMENTARA (TOL) TERSUSUN KAMPONG LUMUT, MUKIM SUNGAI LIANG.
3. JDB/T/03/2002 - MENINGGIKAN TARAF JALAN SINGAP, MUKIM BUKIT SAWAT PERINGKAT II.
4. JDB/T/04/2002 - MENINGGIKAN TARAF JALAN LAID LAKANG DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.

JABATAN PERDANA MENTERI

TAWARAN MEMBERSIHKAN KAWASAN LUAR DAN DALAM 'POOL TRANSPORT' JABATAN PERDANA MENTERI, KAWASAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS.'

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa, Subbagian Jabatan Perdana Menteri, Bilik Pentadbiran, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan BS 8610, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat pada hari Selasa 5 Februari, 2002 jam 4.00 petang.
- Tawaran ini adalah bagi tempoh 2 tahun sahaja.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya akan menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
- Borang dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Kenderaan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas semasa hari-hari bekerja telefon 02-380255/02-380739.
- Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan "MEMBERSIHKAN KAWASAN LUAR DAN DALAM 'POOL TRANSPORT', JABATAN PERDANA MENTERI, KAWASAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS" tanpa menunjukkan identiti pembekal. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

SCOPE OF WORK

(I) KAWASAN LUAR BANGUNAN	i. Membersihkan kawasan bangunan Pool Transport, Jabatan Perdana Menteri termasuk kawasan garage dan longkang. ii. Memotong rumput dalam kawasan berpagar.
(II) KAWASAN DALAM BANGUNAN	i. Membersihkan bilik-bilik bangunan. ii. Membersihkan lantai. iii. Memberihkan cermin jendela. iv. Membersihkan meja dan kerusi. v. Membersihkan bilik tandas (2 W/C).
(III) PERALATAN, BARANG-BARANG DAN BAHAN-BAHAN PERMBERSIHAN/CUCIAN	Ditanggung sendiri oleh penender yang berjaya.
(IV) BAYARAN PERKHIDMATAN BULANAN	

JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran : RTB/02/02

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF RTB FIBRE OPTIC RING NETWORK FROM PABX ROOM, RTB HEADQUARTER TO SUNGAI AKAR NEW TV COMPLEX" bersesuaian dengan keperluan am dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, bertulis dengan TAWARAN : RTB FIBRE OPTIC RING NETWORK, Bilangan tawaran : RTB/02/02 tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 25 Mac, 2002.
- Tiga salinan ceriaan bahagian teknikal tawaran berkenaan hendaklah dihantar kepada Pengarah Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Sturey, Bandar Seri Begawan BS 8610, Negara Brunei Darussalam UP - Jurutera Penguasa tidak lewat jam 2.00 petang hari Isnin 25 Mac, 2002.
- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Jurutera Penguasa, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan BS 8610, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran sebanyak \$50.00 (tidak dikembalikan).



JTB JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

No. Projek : JTB/SO/BKS 0003/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong telekom yang berdaftar dalam kelas K1, K2 & K3.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi CIVIL WORKS, HAULING AND JOINTING CABLE.
3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang ditutup rapat dan bertandakan : JTB/SO/BKS0003/2002 - PROVISION OF UNDERGROUND CABLE FOR CABINET 15, 16, 17 & 19 KAMPONG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN BERAKAS EXCHANGE AREA tanpa menunjukkan nama pemborong kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin 18 Februari, 2002 jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati dari Unit Pemborong & Tender, Bahagian Corporate Services (CS), Tingkat 2, Jabatan Telekom, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak \$100.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan surat jaminan bank.
5. Lukisan-lukisan, spesifikasi-spesifikasi dan lain-lain dokumen yang perlu boleh didapati dari Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas dengan menunjukkan resit-resit pembayaran tawaran.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang temurah atau terendah.
7. Perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak kerja adalah satu syarat tawaran dan bakal-bakal pemborong mestilah berjumpa dengan wakil pengarah pada hari Isnin 11 Februari, 2002 jam 9.00 pagi di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas Negara Brunei Darussalam.
8. Hanya pemborong-pemborong yang berkelayakan dibenarkan hadir untuk perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak dengan menunjukkan salinan pendaftaran mereka dalam kelas yang dimaksudkan atau surat kebenaran bagi penyertaan mereka dalam tawaran ini. Tawaran-tawaran tidak akan diterima daripada pemborong-pemborong yang tidak hadir.

JTB JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JTB/SO/LMS0001/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Jabatan Telekom yang berdaftar dalam kelas K1 dan K2 & K3 sahaja.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi : PROVISION OF SECONDARY NETWORK FOR LIMAU MANIS AREA
3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang bertutup rapat dan bertandakan : JTB/SO/LMS0001/2002 - PROVISION OF SECONDARY NETWORK FOR LIMAU MANIS AREA tanpa menunjukkan nama pemborong kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin 18 Februari, 2002 jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati dari Unit Pendaftaran Pemborong, Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 2, Bahagian Unit Pentadbiran, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas BS 3510, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak \$200.00/Dokumen tawaran (tidak dikembalikan).
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang temurah atau terendah.
6. Hanya pemborong-pemborong yang berkelayakan sahaja dibenarkan dan hendaklah menunjukkan salinan pendaftaran mereka dalam kelas yang dimaksudkan atau surat pernyataan mereka dalam tawaran ini semasa mendapatkan dokumen-dokumen tawaran.
7. Sehubungan dengan tender tersebut satu kalimat/perjumpaan bagi menerangkan berkenaan dengan tender ini akan diadakan pada hari Isnin 11 Februari, 2002 jam 9.00 pagi bertempat di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas. Kehadiran penender-penender adalah diwajibkan dan adalah satu syarat yang mesti dipatuhi.
8. Sekiranya pemborong-pemborong gagal menyelesaikan projek yang berkenaan pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab yang bertulis yang boleh diterima, maka bayaran denda 0.1 peratus daripada jumlah harga projek tersebut akan dikenakan setiap hari bagi kesemuanya tidak melebihi 10 peratus.

JTB JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

No. Projek : JTB/SO/MSN0001/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong telekom yang berdaftar dalam kelas K1, K2 & K3 sahaja.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi PROVISION OF SECONDARY NETWORK FOR MASIN AREA.
3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang ditutup rapat dan bertandakan : JTB/SO/MSN0001/2002 - PROVISION OF SECONDARY NETWORK FOR MASIN AREA.

No. Projek : JTB/SO/JG0001/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong telekom yang berdaftar dalam kelas K1, K2 & K3 sahaja.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi PROVISION OF SECONDARY NETWORK FOR JUNJUNGAN AREA.
3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang ditutup rapat dan bertandakan : JTB/SO/MSN0001/2002 - PROVISION OF SECONDARY NETWORK FOR JUNJUNGAN AREA tanpa menunjukkan nama pemborong dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin 11 Februari, 2002 jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran yang terperinci bolehlah didapati dari Unit Pendaftaran Pemborong, Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 2, Bahagian Unit Pentadbiran Sumber Tenaga, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas BS 3510, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak \$200.00/Dokumen tawaran (tidak akan dikembalikan).
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang temurah atau terendah.
6. Hanya pemborong-pemborong yang berkelayakan sahaja yang dibenarkan dan hendaklah menunjukkan salinan pendaftaran mereka dalam kelas yang dimaksudkan atau surat pernyataan mereka dalam tawaran ini semasa mendapatkan dokumen-dokumen tawaran.
7. Sehubungan dengan tender tersebut satu kalimat/perjumpaan bagi menerangkan berkenaan dengan tender ini akan diadakan pada Isnin 4 Februari, 2002 jam 9.00 pagi bertempat di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas. Kehadiran penender-penender adalah diwajibkan dan adalah satu syarat yang mesti dipatuhi.
8. Sekiranya pemborong-pemborong gagal menyelesaikan projek yang berkenaan pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab yang bertulis yang boleh diterima, maka bayaran denda 0.1 peratus daripada jumlah harga projek tersebut akan dikenakan setiap hari bagi kesemuanya tidak melebihi 10 peratus.

JTB JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JTB/SO/SBK0001/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Jabatan Telekom yang berdaftar dalam kelas K1, K2, K3 & C1, C2 & C3.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi : UPGRADE AND REARRANGE OF SECONDARY CABLE AND CIVIL AT KAMPONG SUBOK EXCHANGE AREA.
3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang bertutup rapat dan bertandakan : JTB/SO/SBK 0001/2002 - UPGRADE AND REARRANGE OF SECONDARY CABLE AND CIVIL AT KAMPONG SUBOK AREA tanpa menunjukkan nama pemborong kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin 18 Februari, 2002 jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati dari Pejabat Pengarah Telekom di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak \$100.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan surat jaminan bank.
5. Rajah-rajah, spesifikasi-spesifikasi dan lain-lain dokumen yang perlu boleh didapati dari bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas dengan menunjukkan resit-resit pembayaran tawaran.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang temurah atau terendah.
7. Perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak kerja adalah satu syarat. Tawaran dan bakal-bakal pemborong mestilah berjumpa dengan wakil Pengarah pada hari Isnin 11 Februari, 2002 jam 9.00 pagi di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.
8. Hanya pemborong-pemborong yang berkelayakan dibenarkan hadir untuk perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak dengan menunjukkan salinan pendaftaran mereka dalam kelas yang dimaksudkan atau surat kebenaran bagi penyertaan mereka dalam tawaran ini. Tawaran-tawaran tidak akan diterima daripada pemborong-pemborong yang tidak hadir.
9. Sekiranya pemborong-pemborong gagal menyiapkan projek tersebut pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab-sebab yang bertulis yang boleh diterima, maka bayaran denda sebanyak 0.1 peratus bagi setiap hari lewat dan tidak melebihi 10 peratus daripada jumlah harga projek tersebut akan dikenakan.
10. Kerja-kerja pelaksanaan mestilah dijalankan dalam jangka masa 6 bulan dari tarikh penerimaan surat tawaran berjaya dan harga subterhaga mestilah sah laku selama 9 bulan dari tarikh tutup tawaran.

JTB JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

NO. PROJEK: JTB/SO/BKS0001/2002 & JTB/SO/BKS0002/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Telekom Brunei yang berdaftar dalam kelas K1, K2 & K3
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi :
1. LAYING 4 WAY DUCT FROM CAB 002 TO CAB 009 ALONG JALAN BERAKAS AT BERAKAS EXCHANGE AREA.
2. AUGMENTATION OF SECONDARY NETWORK & PROVISION TO NEW BUILDINGS/RESIDENTIAL HOUSES AT BERAKAS EXCHANGE AREA
3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang bertutup rapat dan bertandakan :
1A. JTB/SO/BKS0001/2002 - LAYING 4 WAY DUCT FROM CAB 002 TO CAB 009 ALONG JALAN BERAKAS AT BERAKAS EXCHANGE AREA.
2A. JTB/SO/BKS0002/2002 - AUGMENTATION OF SECONDARY NETWORK & PROVISION TO NEW BUILDINGS/RESIDENTIAL HOUSES AT BERAKAS EXCHANGE AREA.
tanpa menunjukkan nama pemborong kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin 11 Februari, 2002 jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati dari Bahagian Corporate Services (CS), Tingkat 2, Jabatan Telekom Brunei Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak \$200.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan surat jaminan bank.
5. Lukisan-lukisan, spesifikasi-spesifikasi dan lain-lain dokumen yang perlu boleh didapati di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas dengan menunjukkan resit-resit pembayaran tawaran.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana sebut harga.
7. Perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak kerja adalah satu syarat tawaran dan bakal-bakal pemborong mestilah berjumpa dengan wakil Pengarah pada hari Isnin 4 Februari, 2002, jam 9.00 pagi, di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.
8. Hanya pemborong-pemborong yang berkelayakan dibenarkan hadir untuk perbincangan bersama serta pemeriksaan tapak dengan menunjukkan salinan pendaftaran mereka dalam kelas yang dimaksudkan atau surat kebenaran bagi penyertaan mereka dalam tawaran ini. Tawaran-tawaran tidak akan diterima daripada pemborong-pemborong yang tidak hadir.

**JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Bilangan Tawaran	Keterangan	Bayaran Dokumen	Tarikh Tutup dan waktu penerimaan
DAK-SSP/02/2002	Tawaran Membekalkan dan Menghantar Buku Bacaan RELA Rendah Bawah (Darjah 1, 2, 3) dan Rendah Atas (Darjah 6) - Tahun 2002 bagi kegunaan Sekolah-Sekolah Rendah	\$100.00 (Bayaran Dokumen dan Pendaftaran tidak dikembalikan)	11/2/2002 (tidak lewat jam 2.00 petang)

Waktu-waktu penerimaan wang bayaran dokumen dan pendaftaran telah hingga Khamis 8.00 pagi - 11.30 pagi, 1.30 petang hingga 2.30 petang, Sabtu 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Syarat-syarat tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar.
2. Bayaran dokumen dan pendaftaran sebanyak \$100.00 (tidak dikembalikan) untuk setiap dokumen hendaklah dibuat di Bahagian Kewangan, Jabatan Pendaftaran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Tingkat 1, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
3. Borang-borang tawaran boleh diperolehi di Unit Subterhaga Stor dan Perbekalan, di Blok A, Tingkat Satu (1), setelah membuat pembayaran.
4. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama Sijil Pendaftaran Perniagaan semasa melakukan pembayaran.
5. Bayaran Dokumen Tawaran hendaklah dibayar dengan wang tunai.
6. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan resit bayaran dokumen hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa.
7. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat tersebut hendaklah ditulis Bilangan Tawaran dan tajuk seperti mana yang ditunjukkan serta tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada: Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam. Tidak lewat pada hari Isnin 11 Februari, 2002 jam 2.00 petang.
8. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.



**JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

No. Projek : JTB/SO/LMS0001/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong telekom yang berafiliasi dalam kelas K1, K2 & K3 sahaja.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi PROVISION OF SECONDARY NETWORK FOR LIMA MANIS AREA.
3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang ditutup rapat dan bertandatangan : JTB/SO/LMS0001/2002 - PROVISION OF SECONDARY NETWORK FOR LIMA MANIS AREA tanpa menunjukkan nama pemborong dan di alamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin 18 Februari, 2002 jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran yang terperinci bolehlah didapati dari Unit Pendaftaran Pemborong, Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 2, Bahagian Unit Pentadbiran, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran sebanyak \$200.00/Dokumen tawaran (tidak dikembalikan).
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang termaur atas terendah.
6. Hanya pemborong-pemborong yang berkelakuan sahaja yang dibenarkan dan hendaklah menunjukkan salinan pendaftaran mereka dalam kelas yang dimaksudkan atau surat penyertaan mereka dalam tawaran ini semasa mendapatkan dokumen-dokumen tawaran.
7. sehubungan dengan tender tersebut satu taklimat/perjumlahan bagi menarangkan berkenaan dengan tender ini akan di adakan pada hari Isnin 11 Februari, 2002 jam 9.00 pagi bertempat di Bahagian Perkhidmatan Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas. Kehadiran penender-penender adalah diwajibkan dan adalah satu syarat yang mesti dipatuhi.
8. Sekiranya pemborong-pemborong gagal menyelesaikan projek yang berkenaan pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab yang beralasan yang boleh diterima, maka bayaran denda 0.1 peratus daripada jumlah harga projek tersebut akan dikenakan setiap hari bagi kesemuanya tidak melebihi 10 peratus.



**JABATAN LEMBAGA
BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

PBT/LTN01/2002

**PENGURUSAN TEMPAT PELUPUSAN DAN PEMBUANGAN SAMPAH
JALAN KM7 BUKIT UDAL, DAERAH TUTONG**

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong di Negara Brunei Darussalam sahaja bagi membuat sebut harga tawaran untuk projek yang tersebut di atas bagi Jabatan Bandar Tutong.
1. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan Negara Brunei Darussalam.
 2. Tawaran-tawaran mestilah dihantar tidak lewat pada hari Isnin 7 Februari, 2002 jam 2.30 petang.
 3. Keterangan-keterangan lanjut dan borang tawaran mengenai dengan penentuan-penentuan (spesifikasi) bagi projek berkenaan bolehlah diperolehi di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Pejabat Bandar Tutong pada bila-bila masa waktu bekerja.
 4. Tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang disediakan oleh jabatan ini dan dihantar bertutup rapi (sealed) tanpa membubuh nama pemborong di sampul surat tersebut.
 5. Salinan Sijil-Pendaftaran Aka Nama-Nama Pemilahan Bab 16 dan Bab 17 mestilah disertakan di dalam tawaran yang diadapakan.
 6. Tawaran yang lewat diterima pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan di atas tidak akan dilayan dan dikira sebagai tawaran rosak.
 7. Pembayaran tender fee sebanyak \$100.00 adalah dikehendaki semasa mengambil dokumen tawaran dan tidak akan dikembalikan kepada pemborong.
 8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang sehalus rendah atau mana-mana tawaran yang difikirkan tidak munasabah.
 9. Setiap pemborong yang membuat tawaran projek ini dikehendaki untuk menghadapkan tawaran mereka dalam satu salinan (copy) sahaja dan menyipkan tawaran asal tersebut bagi kegunaan mereka kemudian jika sekiranya berjaya.



**PUSAT DA'WAH ISLAMIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA**

TAWARAN MENCETAK TAQWIM TAHUN MASINI 2003

1. SYARIKAT-SYARIKAT percetakan yang berafiliasi di Negara Brunei Darussalam dipelawa untuk membuat tawaran kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kementerian Hal EHWAL UGAMA, Negara Brunei Darussalam bagi mencetak taqvim (kalender) yang tersebut di atas sehingga pada 2.00 petang hari Selasa 5 Februari, 2002.
2. Berikut adalah butiran mengenai bahan yang hendak dicetak :
 - i) Ukuran - 31 cm x 43 cm.
 - ii) Kertas - Jenis Mat Art 128.
 - iii) Warna - Full Colour.
 - iv) Binding - Wise Hole.
 - v) Mukasurat (Page) - 13 pages dan 1 page cover.
 - vi) Banyak - 55,000 naskah.



**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**PENCALONAN BAGI MENGISIKAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG
SEBAGAI KETUA KAMPONG BENUTAN, MUKIM RAMGAI, TUTONG
KETUA KAMPONG LONG MAYAN, MUKIM UKONG, TUTONG
KETUA KAMPONG BUKIT, MUKIM UKONG, TUTONG**

PENDUDUK-PENDUDUK Kampong Benutan, Kampong Long Mayan dan Kampong Bukit dan sekitarnya adalah dipelawa untuk mencalonkan penduduk-penduduk kampung masing-masing, yang berkelakuan bagi mengisikan kekosongan jawatan-jawatan Ketua Kampong Benutan, Ketua Kampong Long Mayan dan Ketua Kampong Bukit dengan syarat-syarat berikut :

Kelayakan Calon Ketua Kampung :

1. Setiap calon Ketua Kampung hendaklah :
 - a) Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
 - b) Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di peringkat Tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya;
 - c) Bermastautin di kampung yang akan diketuainya tidak kurang dua (2) tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon Ketua Kampung hendaklah benar-benar tinggal di kampung yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki di mana calon itu mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut;
 - d) Berumur tidak kurang 30 tahun dan tidak lebih 60 tahun pada tarikh pencalonannya;
 - e) Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak di dalam sebarang pertubuhan sia-sah yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan negara;
 - f) Mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam, kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat berkenaan;
 - g) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta berakhlak mulia; dan
 - h) Tidak pernah disyiahkan mufis di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini dalam tempoh dua (2) tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytiharan mufis telah dibatalkan oleh mahkamah.
2. Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan dipersalahkan jika diawak sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.
3. Calon yang terdiri daripada ahli perniagaan atau pengusaha apabila dilantik menjadi Ketua Kampung boleh meneruskan perniagaan atau perusahaannya menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri Hal EHWAL Dalam Negeri.
4. Seorang pencadang dan dua (2) orang penyokong yang mencalonkan Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di kampung yang berkenaan. Calon, pencadang dan penyokong-penyokong hendaklah menandatangani borang pencalonan. Borang pencalonan hendaklah dilengkapkan sepenuhnya sebelum diadapakan ke Unit Institusi Penghulu dan Ketua Kampung, Jabatan Daerah Tutong.
5. Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 (Syarat-Syarat Lantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung).

Tanggagaji : C1 EB. 2 iaitu \$1,280.00 hingga \$1,930.00 sebulan.

CARA MEMOHON :

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dari Jabatan Daerah Tutong melalui Unit Institusi Penghulu dan Ketua Kampung pada waktu pejabat dibuka dan borang yang tidak diisi dengan lengkap tidak akan diterima. Borang Pencalonan hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Daerah Tutong (JP : Unit Institusi Penghulu dan Ketua Kampung tidak lewat 21 Februari, 2002 (hari Khamis) jam 2.00 petang.



**DI DALAM
MAHKAMAH TINGGI
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 123/1998
THE HONGKONG & SHANGHAI BANKINGPemiutang
Penghakiman/Pemetyan

LAWAN
ROSLAN BIN HASHIM (BYIC NO. 115536)Penghutang
Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 24 November, 2001. Nama dan alamat terakhir diketahui : Roslan Bin Hashim, No. 56, Kampong Serusop, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam. Tarikh Petyan : 14 September, 2000.
- b) Semua si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah mengemukakan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerimaan Rasmi dengan secepat mungkin dan segera yang boleh.
- c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh penghutang tersebut di atas hendaklah diadapakan kepada Pegawai Penerimaan Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bertarikh : 19 Disember, 2001.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi



**JABATAN
KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Bilangan Tawaran : JKP/01/2002

Syarat-syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berafiliasi kelas V dan VI kategori 1 dan 5b bagi :
i) Projek : KAMPONG TANAH JAMBU HOUSING SCHEME EARTHWORKS STAGES 2 - CONTRACT 2 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Projek No : JKP/01/2002.

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 10.00 pagi hari Sabtu 2 Februari, 2002.

Tarikh buka : 9 Januari, 2002 (Rabu)
Tarikh tutup : 4 Februari, 2002 (Isnin) tidak lewat jam 2.00 petang.
Tempat tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
Capaian tawaran : \$500.00. Bayaran Dokumen dan Lukisan Tawaran : \$500.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran :

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.
 2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
 3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk dan bilangan Projek serta alamat tempat menghantar, tanpa menunjukkan identiti penawar.
 4. Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran Kontrak, Negara Brunei Darussalam.
 5. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah berafiliasi dengan Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan.
 6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
 7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
 8. Tawaran akan dikira sah laku bagi tempoh 90 hari dari tarikh akhir menghantar tawaran.
 9. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang dibenarkan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukannya LTN/4 (39/1997).
 10. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.
- Nota :
Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.



**DI DALAM
MAHKAMAH BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 123/1998
THE HONGKONG & SHANGHAI BANKINGPemiutang
Penghakiman/Pemetyan

LAWAN
ROSLAN BIN HASHIM (BYIC NO. 115536)Penghutang
Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penghakiman bertarikh 24 November, 2001. Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerimaan Rasmi, Mahkamah Besar, pada 6 Februari, 2002 jam 9.45 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 6 Februari, 2002 jam 9.45 pagi.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyopal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang mengenai dengan hal-hal yang juga sebab keagalannya. Bertarikh 19 Disember, 2001.

RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi



**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Bilangan Tawaran : JPA/AT/2002/02

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi "UPGRADING OF AFTN MESSAGE SWITCH SYSTEM (AFSWITCH) AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT".
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong ditulis dengan TAWARAN BAGI "UPGRADING OF AFTN MESSAGE SWITCH SYSTEM (AFSWITCH) AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT".
Bilangan Tawaran : JPA/AT/2002/02. Tarikh tutup : 4 Mac, 2002 kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Negara tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin 4 Mac, 2002. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah didapati daripada Bahagian Kewangan, Pejabat Penerbangan Awam, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Bandar Seri Begawan BB 2513 Negara Brunei Darussalam dengan bayaran yuran sebanyak \$50.00 (tidak dikembalikan).
5. Pengerusi-Pengerusi yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Ketua Pegawai Telekom Penerbangan, Tingkat 3, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Negara Brunei Darussalam. Telefon : (02) 330142 sambungan 1010. Teleks : BU 2267. Faks : (02) 333666/331706.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

KEMASUKAN MENGIKUTI PROGRAM-PROGRAM IJAZAH PERTAMA, LANJUTAN DAN PROGRAM-PROGRAM LAIN DI UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM SESI AKADEMIK 2002/2003



CALON-CALON yang mempunyai kelayakan adalah dipelawa untuk menghadapkan permohonan bagi mengikuti program-program pengajian seperti yang disenaraikan. Untuk dipertimbangkan bagi kemasukan ke Universiti Brunei Darussalam, pemohon-pemohon dikehendaki memenuhi syarat-syarat am dan syarat-syarat khusus yang dinyatakan di setiap program pengajian.

BAHAGIAN 1 - NOTA AM

- 1.1 Hanya kelulusan-kelulusan dari Universiti / Institut / Lembaga Peperiksaan yang dikira oleh Senat Universiti yang akan dipertimbangkan.
- 1.2 Bagi kemasukan ke program ijazah pertama hanya kelulusan-kelulusan Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei - Cambridge Peringkat Lanjutan atau yang sebanding yang diambil dalam dua kali peperiksaan dalam tempoh tiga tahun kebelakangan yang akan dipertimbangkan. Bagi kemasukan ke program diploma dan sijil pendidikan hanya kelulusan-kelulusan Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau yang sebanding yang diambil dalam dua kali peperiksaan dalam tempoh tiga tahun kebelakangan yang akan dipertimbangkan.
- 1.3 Mata pelajaran Lukisan, Kertas Am atau Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua tidak akan dipertimbangkan sebagai salah satu mata pelajaran peringkat lanjutan. Walau bagaimanapun mata pelajaran Lukisan boleh dipertimbangkan sebagai salah satu mata pelajaran peringkat lanjutan yang relevan bagi calon-calon yang memohon program BA Primary Education, BA Education, Sarjana Muda Sastera Pendidikan (major dalam Bahasa Melayu atau Kesusasteraan Melayu) atau B Ed (General Science) yang ditawarkan oleh Institut Pendidikan Sultan Hassanalkhalid.
- 1.4 Kelulusan mata pelajaran Bahasa Melayu yang dikeluarkan oleh London GCE 'O' level examination Syndicate adalah tidak dikira sebagai sebanding dengan kelulusan mata pelajaran Bahasa Melayu Sijil Am Pelajaran Brunei - Cambridge Peringkat Biasa.
- 1.5 Pemohon-pemohon yang tidak memenuhi syarat-syarat biasa kemasukan boleh dipertimbangkan untuk mengikuti program ijazah pertama sebagai pemohon 'mature'. Syarat-syarat yang ditetapkan dicatatkan di bilangan 3.1.
- 1.6 Pemohon-pemohon mesti lulus tapisan keselamatan dan disahkan sihat untuk mengikuti program pengajian di Universiti Brunei Darussalam.
- 1.7 Pemohon-pemohon mesti memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Universiti Brunei Darussalam dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN 2 - SENARAI PROGRAM PENGAJIAN DAN SYARAT-SYARAT KEMASUKAN (SYARAT-SYARAT AM DAN KHUSUS PROGRAM PENGAJIAN)

2.1 - IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

Pada masa ini berbagai jenis program Ijazah Doktor Falsafah sedang ditawarkan. Pemohon-pemohon yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai program-program ini dari:

- Institut Pendidikan Sultan Hassanalkhalid
- Fakulti Sastera dan Sains Sosial
- Fakulti Sains

Nota:

Pemohon-pemohon yang berminat adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan ketua jabatan di fakulti/institut berkenaan sebelum menghantar borang permohonan.

2.2 - IJAZAH SARJANA

Syarat Am Kemasukan

Syarat minimum bagi mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana ialah Ijazah Kepujian Kelas Kedua yang relevan atau kelulusan sebanding dari institusi yang dikira oleh Senat Universiti.

2.2.1 Program Ijazah Sarjana Secara Penyelidikan

Pada masa ini berbagai jenis program Ijazah Sarjana Secara Penyelidikan sedang ditawarkan. Pemohon-pemohon yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai program-program ini dari:

- Institut Pendidikan Sultan Hassanalkhalid
- Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddin
- Fakulti Sastera dan Sains Sosial
- Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar
- Fakulti Sains
- Akademi Pengajian Brunei

Program-program Ijazah Sarjana Secara Penyelidikan yang ditawarkan adalah sama ada 1 tahun sepenuh masa atau 2 tahun separuh masa.

Nota:

Borang-borang permohonan bagi program Ijazah Sarjana Secara Penyelidikan bolehlah dihantar ke Universiti Brunei Darussalam pada bila-bila masa sepanjang tahun. Pemohon-pemohon yang berminat adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan ketua jabatan di fakulti/institut berkenaan sebelum menghantar borang permohonan.

2.2.2 Program Ijazah Sarjana Secara kerja kursus / kerja kursus dan disertasi / kerja kursus dan projek / kerja kursus dan praktikum

i) Institut Pendidikan Sultan Hassanalkhalid (SHBIE)

- 101 - M. Ed. by coursework and dissertation in Educational Management
- 102 - M. Ed. by coursework and project in Educational Management
- 103 - M. Ed. by coursework and practicum in Educational Management
- 104 - M. Ed. by coursework and dissertation in Language Education
- 105 - M. Ed. by coursework and project in Language Education
- 106 - M. Ed. by coursework and practicum in Language Education
- 107 - M. Ed. by coursework and dissertation in Science and Mathematics Education
- 108 - M. Ed. by coursework and project in Science and Mathematics Education
- 303 - M. Ed. by coursework and dissertation in Social Sciences Education.
- 304 - M. Ed. by coursework and project in Social Sciences Education
- 307 - M. Ed. by coursework and dissertation in Mathematics Education
- 308 - M. Ed. by coursework and project in Mathematics Education
- 311 - M. Ed. by coursework and dissertation in Science Education
- 312 - M. Ed. by coursework and project in Science Education
- 320 - Sarjana Pendidikan secara kerja kursus dan disertasi dalam Pendidikan Pengajian Islam / Pendidikan Sejarah/ Pendidikan Sivik/Pendidikan MIB
- 321 - Sarjana Pendidikan secara kerja kursus dan projek dalam Pendidikan Pengajian Islam / Pendidikan Sejarah/ Pendidikan Sivik / Pendidikan MIB
- 326 - Sarjana Pendidikan secara kerja kursus dan praktikum dalam Pendidikan Bahasa
- 324 - Sarjana Pendidikan secara kerja kursus dan disertasi

dalam Pendidikan Bahasa

325 - Sarjana Pendidikan secara kerja kursus dan projek dalam Pendidikan Bahasa

Program-program Ijazah Sarjana yang ditawarkan oleh SHBIE adalah sama ada 1 tahun sepenuh masa atau 2 tahun separuh masa.

ii) Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS)

111 - Sarjana Sastera Secara kerja kursus dan disertasi dalam Bahasa Melayu dan Linguistik

112 - MA by coursework and dissertation in Applied Linguistics.

Program-program Ijazah Sarjana yang ditawarkan oleh FASS adalah sama ada 1 hingga 2 tahun sepenuh masa atau 2 hingga 4 tahun separuh masa.

iii) Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar (FBEPDS)

78 - Master of Public Policy (MPP) by course work

92 - Master of Public Policy (MPP) by Coursework - (1 tahun sepenuh masa atau 2 tahun separuh masa)

MBA by coursework - (1 1/2 tahun sepenuh masa atau 2 1/2 tahun separuh masa)

Pemohon-pemohon program MBA yang tidak memenuhi syarat am boleh dipertimbangkan dengan syarat pemohon mempunyai pengalaman kerja yang relevan dan kelulusan-kelulusan akademik atau profesional lain yang bersesuaian dan sebanding.

iv) Fakulti Sains (FOS)

91 - MSc by coursework in Petroleum Geoscience - (1 tahun sepenuh masa atau 2 tahun separuh masa)

v) Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddin (IPISHOAS)
113 - Master of Syariah by coursework and dissertation; 114 - Master of Usuluddin by coursework and dissertation; 115 - Master of Arabic Language by coursework and dissertation.

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai Ijazah Kepujian Kelas Kedua atau 'Jayyid' dalam disiplin yang relevan.

Jawatankuasa Kemasukan Universiti boleh menghendaki pemohon-pemohon untuk menduduki dan lulus ujian Bahasa Arab.

Program-program Ijazah Sarjana yang ditawarkan oleh IPISHOAS adalah sama ada 1 hingga 2 tahun sepenuh masa atau 2 hingga 4 tahun separuh masa.

2.3 DIPLOMA LEPAS IJAZAH

69 - Diploma Perundangan Islam Dan Guaman Syari'e (2 tahun separuh masa)

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai Ijazah Sarjana Muda Syariah dari Universiti Brunei Darussalam atau Institut-Institusi lain yang dikira oleh Senat Universiti; atau

Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dari institusi yang dikira oleh Senat Universiti; atau

Ijazah pertama / Diploma lain yang sebanding dengan yang di atas.

71 - DIPLOMA LEPAS IJAZAH DALAM KAUNSELING (1 tahun sepenuh masa)

Terdapat dua jenis program yang ditawarkan:

a) Diploma Lepas Ijazah Dalam Kaunseling untuk Guru/Pegawai Pelajaran

(i) mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Brunei Darussalam atau Universiti-Universiti lain yang dikira oleh Senat Universiti dengan minimum Kepujian Kelas Kedua;

(ii) mempunyai kelayakan profesional dalam pengajaran dan minimum tiga tahun pengalaman mengajar di sekolah rendah, menengah atau prauniversiti; dan,

(iii) mendapat sokongan daripada Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Pengalaman dalam kaunseling merupakan satu kelebihan.

b) Diploma Lepas Ijazah dalam Kaunseling untuk Bukan Guru/Bukan Pegawai Pelajaran

(i) mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Brunei Darussalam atau Universiti-Universiti lain yang dikira oleh Senat Universiti dengan minimum Kepujian Kelas Kedua; dan,

(ii) mempunyai kelayakan profesional / pendedahan kepada pembangunan sumber tenaga manusia / kerja sosial dan minimum tiga tahun pengalaman kerja dalam unit pembangunan sumber tenaga manusia.

Pengalaman dalam kaunseling merupakan satu kelebihan.

2.4 SUJIL PENDIDIKAN LEPAS IJAZAH

Syarat Kemasukan

Ijazah yang relevan dari institusi-institusi yang dikira oleh Senat Universiti

58 - Postgraduate Certificate in Technical Education (1 tahun sepenuh masa)

79 - Postgraduate Certificate in Education for secondary schools (1 tahun atau 1 1/2 tahun sepenuh masa)

74 - Sijil Pendidikan Lepas Ijazah untuk sekolah menengah agama (1 tahun sepenuh masa)

81 - Sijil Pendidikan Lepas Ijazah untuk sekolah menengah (1 tahun sepenuh masa)

63 - Sijil Pendidikan Lepas Ijazah dalam Pengajaran Bahasa Arab sebagai bahasa kedua (1 tahun sepenuh masa)

2.5 IJAZAH PERTAMA

Semua program ijazah pertama yang ditawarkan adalah 4 tahun sepenuh masa kecuali sebaliknya dinyatakan.

Syarat-syarat Am Kemasukan

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya dua kelulusan peringkat lanjutan yang relevan dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Lanjutan atau yang sebanding yang diperolehi dalam dua kali peperiksaan dalam tempoh tiga tahun kebelakangan (1999-2001).

(Bagi program Sarjana Muda Sastera Pendidikan Major dalam Pengajian Islam hanya syarat khusus program sahaja diperlukan) dan bagi program-program dalam Bahasa Inggeris, sekurang-kurangnya kepujian (credit) 6 dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa.

